

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 5**

**Khamis**

**29 Mac 2018**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**

**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 30)

Usul di Bawah P.M 11(1) Tanpa Menghiraukan Usul Terdahulu

(Halaman 73)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018

(Halaman 31)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEENAM**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 29 Mac 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Isa bin Ab. Hamid** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:
  - (a) apakah aspirasi-aspirasi yang dicadangkan semasa program TN50 bersama masyarakat belia Orang Asli yang diadakan pada tahun lepas; dan
  - (b) apakah perancangan JAKOA bagi menyediakan program pembangunan modal insan bagi hala tuju TN50 dan bilakah JAKOA menyediakan platform untuk perkongsian aspirasi TN50 dengan belia Orang Asli.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia negara kita yang kita kasihi dan cintai. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid yang telah mengemukakan soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam arus pembangunan hari ini yang semakin mencabar dan berserta dengan keadaan pembangunan negara yang mana kita berhadapan dengan fasa akhir Wawasan 2020, Rancangan Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun adalah Rancangan Malaysia yang terakhir. Maka sudah tentulah kita tidak mahu melihat masyarakat Orang Asli akan tertinggal ke belakang di dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan program serta dasar baru yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Transformasi Nasional 50 baru-baru ini, maka pihak kementerian telah mengambil langkah untuk bersama-sama dengan pihak agensi di bawah

kementerian, JAKOA mengadakan satu sesi *town hall*, TN50@KKLW yang berlangsung pada 7 September 2017 yang telah melibatkan seramai 330 orang belia-belia masyarakat Orang Asli daripada seluruh ataupun pelbagai suku kaum dan juga latar belakang kerjaya seperti usahawan, belia, pertubuhan bukan kerajaan, juga melibatkan ikon-ikon belia daripada masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai golongan, golongan usahawan, pendidikan, selebriti, ahli-ahli sukan dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat daripada masyarakat kaum Orang Asli.

Hasil daripada perjumpaan dan *town hall* yang telah kita buat, maka masyarakat Orang Asli telah melahirkan aspirasi-aspirasi mereka yang bolehlah kita pecahkan kepada tiga kelompok aspirasi iaitu berkaitan dengan sosial, ekonomi, kenegaraan dan juga pembangunan prasarana. Aspirasi sosial melibatkan aspek kesihatan, pendidikan, kebudayaan dan sukan.

Manakala sosial yang telah dibangkitkan adalah merapatkan jurang tahap kesihatan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat arus perdana melalui peningkatan jangka hayat dan juga perluasan kemudahan akses kesihatan.

Aspek pendidikan pula melibatkan peningkatan tahap pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli dan bahasa serta kebudayaan masyarakat Orang Asli turut dimasukkan di dalam silibus pendidikan kebangsaan.

Manakala daripada segi kebudayaan, peserta yang hadir pada sesi *town hall* tersebut telah menyuarakan hasrat mereka untuk diwujudkan pusat kebudayaan bagi tujuan mempromosi pengembangan kebudayaan masyarakat Orang Asli.

Manakala daripada segi kesukanan pula, apa yang disuarakan oleh mereka agar kerajaan mewujudkan program khas sukan di kalangan belia Orang Asli bagi mencungkil lebih ramai bakat serta mengenengahkan lebih ramai masyarakat Orang Asli yang berpotensi hingga ke peringkat sukan antarabangsa.

Ekonomi pula, mereka telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan penciptaan peluang-peluang pekerjaan, pemerkasaan bidang keusahawanan, aktiviti peningkatan pendapatan, rangkaian pemasaran yang lebih lengkap, melahirkan lebih ramai usahawan daripada masyarakat Orang Asli hingga ke peringkat antarabangsa.

Pembangunan Desa Digital dan juga perluasan penggunaan teknologi untuk kemajuan ekonomi dan memperkasakan industri pelancongan berunsurkan identiti masyarakat Orang Asli juga dibangkitkan di dalam program tersebut.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, aspirasi kenegaraan yang dibangkitkan adalah untuk melahirkan lebih ramai pemimpin tertinggi negara di kalangan masyarakat Orang Asli. Manakala pembangunan prasarana pula melibatkan perkampungan Orang Asli yang lengkap dan berkualiti.

Di antaranya ialah berkaitan dengan bekalan air bersih, elektrik, jaringan pengangkutan yang lebih efisien serta peningkatan *accessability*, kemudahan telekomunikasi.

Secara keseluruhan, aspirasi yang dilahirkan oleh para belia dan beliawanis masyarakat Orang Asli di dalam sesi *town hall* tersebut sudah pun sebenarnya di dalam perancangan asal kementerian di bawah Program Transformasi Luar Bandar yang bertemakan '*membandarkan luar bandar*'.

#### ■1010

Dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua, selain daripada JAKOA yang berada di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menjaga sebarang bentuk kepentingan masyarakat Orang Asli, kita merangka pelbagai program sampingan untuk memastikan masyarakat Orang Asli ini mampu untuk berdaya saing di dalam pelbagai sudut dan aspek. Agar sempena dengan jendela ataupun tirai menjelang TN50 ini, masyarakat Orang Asli akan berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat-masyarakat lain di dalam negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan soalan tambahan.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang saya dengar tadi amat lengkap. Soalan tambahan saya, belia dan remaja merupakan tunjang kepada pembangunan TN50. Soalan saya, bagaimanakah JAKOA dapat memperkasakan ilmu dan kemahiran belia dan remaja Orang Asli di luar bandar bagi menyediakan asas TN50. Sekian terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Dato' Isa atas soalan tambahan yang dikemukakan. Seperti yang saya sebutkan tadi pihak kementerian memang menjadikan tumpuan untuk membangunkan masyarakat Orang Asli ini sebagai satu agenda yang utama kita.

Perkara ini perlukan kepada suatu bentuk usaha yang lebih fokus untuk memastikan di dalam bidang pendidikan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi, masyarakat Orang Asli tidak akan tertinggal ke belakang. Justeru daripada itu, di dalam belanjawan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, untuk tahun 2018 sumbangan RM3,000 akan diberikan kepada ibu bapa, anak masyarakat Orang Asli di dalam persiapan mereka yang dapat melanjutkan pelajaran ke IPT di dalam negara.

Selain daripada itu, saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia pada hari ini sehingga kini bermula daripada tahun 2010 hingga tahun 2017, pada tahun 2010 seramai 467

anak-anak dan pelajar masyarakat Orang Asli telah berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA. Manakala pada tahun 2011 seramai 516 orang, pada tahun 2012 seramai 691 orang, tahun 2013 seramai 839 orang, tahun 2014 seramai 824 orang, tahun 2015 seramai 804 orang, tahun 2016 seramai 797 orang dan tahun 2017 seramai 323 orang. Dengan kata lain kita mempunyai sasaran terhadap pencapaian anak-anak dan pelajar masyarakat Orang Asli ini untuk terus mampu berdaya saing di dalam bidang pendidikan.

Oleh demikian juga Tuan Yang di-Pertua, bilangan pelajar Orang Asli di Institut Perguruan juga saya nak maklum di sini seramai 53 orang bermula daripada tahun yang saya maksudkan sehinggalah tahun 2017. Manakala pelajar-pelajar masyarakat Orang Asli yang telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara bermula tahun 2010 hingga 2013 seramai 87 orang di dalam pelbagai kursus peringkat Ph.D enam orang, *Master* 33 orang, peringkat Ijazah 48 orang. Ini yang saya maksudkan adalah pelajar-pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara di pelbagai negara.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan dengan program-program baru yang kita akan lancarkan nanti untuk memastikan masyarakat Orang Asli ini terus berdaya saing, kita juga memberi penekanan daripada segi kesedaran di kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli. Pelbagai program dan kursus betapa pentingnya soal pendidikan dan ilmu pengetahuan ini telah kita jalankan bersama dengan pihak JAKOA untuk memastikan anak-anak mereka akan mendapat peluang pendidikan selain daripada kemudahan-kemudahan yang akan kita berikan, penajaan-penajaan di bawah MARA dan pelbagai kemudahan di bawah kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Soalan tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal Orang Asli? Silakan.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab kerana di Jempol ada kawasan Orang Asli. Saya bangkit kerana membela Orang Asli... *[Disampuk] [Ketawa]* Terima kasih.

Saya melihat dan mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebentar tadi, jadi ada soalan yang saya ingin bertanyakan di bawah Program TN50 untuk belia Orang Asli ini. Adakah kita ini merapatkan jurang dalam konteks yang lain, contohnya yang disebut tadi soal belia dari segi pendidikan, prasarana dan sebagainya. Adakah belia yang pergi berhijrah ke luar ini mendapat satu pembelaan di sana? Bila dia jadi pelajar mungkin dia dapat biasiswa dan sebagainya dan belia yang berada di kampung ini kita tahu bahawa penempatan Orang Asli jauh daripada ini, merapatkan jurang digital.

Contohnya *coverage* dari segi internet. Kebanyakan kawasan-kawasan Orang Asli ini tidak ada internet. Jadi bagaimana kita nak mencapai TN50 sedangkan *coverage* untuk internet, *line* dan sebagainya kawasan penempatannya agak jauh daripada bandar ataupun daripada pusat sebenarnya. Jadi bagaimana kementerian melihat perkara ini dalam soal merapatkan jurang digital. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mendekati Orang Asli seumpama internet dan sebagainya. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Salim di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Inilah antara perkara yang telah dibangkitkan oleh golongan belia masyarakat Orang Asli di dalam *program town hall* yang telah kita buat. Kita menyedari bahawasanya masyarakat Orang Asli ini berada di kawasan pedalaman dan sesuai dengan itu kita telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), bagaimanakah cara dan kaedah untuk mengatasi perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bab masalah masyarakat Orang Asli berada di kawasan pedalaman ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita jadikan alasan di dalam soal membela masyarakat Orang Asli. Akan tetapi kadang-kadang pihak KKMM juga mesti melihat bahawasanya berapa ramai kah jumlah masyarakat Orang Asli di sesuatu tempat. Contohnya, di suatu tempat hanya sekitar 50 ataupun 100 orang, untuk membina pencawang ataupun pemancar itu mungkin lah ianya menelan satu belanja yang besar.

Apa pun kita sedar bahawasanya perkara ini adalah perkara yang sangat diperlukan pada masa sekarang dan kita berjanji bahawasanya perkara ini akan diberi perhatian yang sangat serius. Berkaitan dengan anak-anak masyarakat Orang Asli yang berada di kawasan-kawasan bandar, kita telah melibatkan mereka di bawah Program PLKK. Contohnya pelbagai kursus yang telah kita buat untuk memastikan anak-anak masyarakat Orang Asli ini mendapat peluang-peluang pekerjaan terutamanya apabila mereka berhijrah ke kawasan-kawasan bandar. Jadi sebab itulah sebenarnya program kesedaran amat penting di dalam kita memastikan masyarakat Orang Asli ini tidak tertinggal daripada kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Jadi dengan kata lain Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator, kita sentiasa melihat perkara ini untuk kita memberi perhatian yang lebih kepada masyarakat Orang Asli agar suatu hari nanti masyarakat Orang Asli juga akan mampu untuk berada di arus perdana di peringkat negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

**2. Puan Bathmavathi Krishnan** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bagaimana untuk mengetahui sejauh manakah cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan persetujuan dalam Majlis Kebangsaan OKU (MKBOKU) itu telah dilaksanakan. Apakah kaedah pemantauan dari pihak MKBOKU sendiri ataupun pihak-pihak yang terlibat berkenaan pelaksanaan keputusan-keputusan tersebut.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Ini untuk Yang Berhormat Senator ya.

*Sudah gaharu cendana lagi,  
Sudah tahu bertanya lagi. [Ketawa]*

▪ **1020**

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) ditubuhkan selaras dengan peruntukan seksyen 3 Akta Orang Kurang Upaya 2008. Antara peranan utama Majlis adalah untuk menyelia pelaksanaan dan pemantauan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubung dengan OKU oleh kementerian, agensi, badan atau pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan.

Majlis juga membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek OKU termasuklah perkara-perkara berhubung sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU. Berdasarkan seksyen 7(1), Akta Orang Kurang Upaya, Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya akan bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga kali setahun bagi melaksanakan fungsi-fungsi terutama dalam pemantauan pelaksanaan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan dipersetujui dalam Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya.

Cadangan-cadangan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat akan dilaksanakan oleh kementerian ataupun agensi melalui enam jawatankuasa MKBOKU yang berkaitan iaitu Jawatankuasa Pengangkutan, Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina, Jawatankuasa *Quality Lifecare*, Jawatankuasa Pekerjaan, Jawatankuasa Pendidikan dan Jawatankuasa Pendaftaran. Setiap jawatankuasa akan memantau pelaksanaan cadangan yang dipersetujui dan dipertanggungjawab oleh Majlis di peringkat jawatankuasa masing-masing dan

seterusnya akan melaporkan kemajuan pelaksanaan inisiatif atau program yang dijalankan kepada Majlis melalui sesi pembentangan laporan program atau inisiatif yang telah diperuntukkan secara khusus dan berkala dengan agenda mesyuarat Majlis.

Sehingga hari ini, Majlis mendapat setiap cadangan yang dipersetujui dilaksanakan sebaiknya oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab termasuklah anggota Majlis. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah menubuhkan dua jawatankuasa tambahan untuk memantau dan membincangkan isu-isu OKU semasa di peringkat pelaksanaan iaitu seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa *Taskforce* Isu-isu Ketidakupayaan yang dipengerusikan oleh saya sendiri selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan
- (ii) Jawatankuasa Teknikal Majlis Kebangsaan OKU yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang ditubuhkan khusus untuk menambah baik mekanisme pemantauan pelaksanaan Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

Soalan tambahan saya adalah adakah kementerian bercadang untuk memperkasakan keanggotaan Majlis Kebangsaan Bagi OKU dengan memasukkan keahlian daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan memandangkan kementerian tersebut mempunyai peranan penting dalam melaksanakan Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Sebagai penjelasan, dalam pelan tindakan itu, di bawah Teras Strategik Satu dan Lima, KPKT mempunyai peranan penting sebagai agensi peneraju bagi beberapa objektif dalam pelan tindakan itu dan KPKT juga mempunyai peranan di bawah Teras Strategik 2, 7, 8 dan 10. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat. Saya ingatkan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Kita amat faham di atas kebimbangan Yang Berhormat Senator itu. Walaupun KPKT bukanlah Ahli Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya, namun KPKT merupakan ahli dalam Jawatankuasa Reka Bentuk Sejahtera dan Alam Bina di bawah Majlis



Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya. KPKT juga merupakan ahli jawatankuasa *taskforce* isu-isu ketidakupayaan yang saya pengerusikan dan terkini Ahli Jawatankuasa Teknikal Majlis Kebangsaan OKU Pemantauan Pelan Tindakan OKU 2016-2022. Jadi apa juga isu-isu yang ada kaitan dan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi yang ada kaitan dengan KPKT akan dibincangkan dalam kesemua jawatankuasa yang saya sebutkan tadi. Dalam erti kata yang lain bahawa, KPKT memang terlibat secara langsung dalam isu-isu yang berkaitan dengan orang kurang upaya.

Walau bagaimanapun, sekiranya kita akan meminda nanti Akta Orang Kurang Upaya 2008 itu, kita akan masukkan KPKT sebagai ahli Majlis tersebut. Terima kasih.

**3. Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, butiran projek pembinaan laluan basikal di Kuala Lumpur. Adakah pihak kementerian ada melakukan kajian terperinci tentang perkara ini sebelum melaksanakannya kerana ia dilihat tidak berfungsi dan tidak praktikal.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pembinaan lorong basikal di Kuala Lumpur adalah selaras dengan perancangan yang terdapat di dalam beberapa pelan dan strategi ke arah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang mampan, *sustainable city* dan bertaraf dunia, antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Pelan Struktur Kuala Lumpur Pengangkutan Bandar;
- (ii) Pelan Induk Laluan Basikal Kuala Lumpur;
- (iii) Pelan Strategik Kuala Lumpur;
- (iv) Program *KL Low Carbon Society Blueprint 2030*; dan
- (v) bandar raya mampan (*sustainable city*).

Pada dasarnya, perancangan pembinaan laluan basikal ini melibatkan keseluruhan kawasan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, untuk peringkat permulaan, tumpuan adalah di pusat bandar dan kawasan perumahan yang berhampiran dengan stesen transit. Pelaksanaan fasa pertama adalah melibatkan pembinaan lorong basikal dari Menara Satu DBKL di Jalan Raja Laut ke Menara Tiga DBKL di Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru pergi dan balik sejauh 6 kilometer dan kos anggaran awalnya adalah RM4 juta. Walau bagaimanapun, ia telah dipetik oleh sebuah akhbar dengan harga RM4 bilion pada 29 Oktober 2017.

Oleh itu ia telah menjadi *viral* dan menimbulkan berbagai tanggapan negatif kepada DBKL. Pihak DBKL telah meminta akhbar tersebut menyiarkan semula berita tersebut dengan fakta yang betul. Pembedulan telah pun dibuat tiga hari selepas itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menjadi tuan rumah kepada satu persidangan antarabangsa iaitu *World Urban Forum* dari 7 hingga 13 Februari 2018 dan melibatkan lebih dari 150 buah bandar utama di dunia, pembinaan lorong basikal dipanjangkan meliputi jalan utama pusat bandar dengan panjang tambahan enam kilometer lagi menjadikan panjang keseluruhan 12 kilometer. Kos yang terlibat dengan pembinaan lorong basikal sepanjang 12 kilometer ini adalah RM6 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur melaksanakan pembinaan lorong basikal ini dengan menggunakan konsep perkongsian iaitu berkongsi dengan kenderaan dan berkongsi dengan pejalan kaki mengikut kesesuaian sepanjang jalanan lorong basikal. DBKL membina dan mengekalkan bilangan lorong kenderaan untuk memastikan kapasiti jalan tidak terjejas walaupun lebar lorong dikurangkan mengikut had laju kurang dari 50 kilometer sejam untuk pusat bandar.

Berkaitan dengan keselamatan lorong basikal pula, DBKL telah mengkaji dan mendapatkan maklumat dari bandar-bandar utama dunia yang mempunyai lorong basikal dari segi bahan dan reka bentuknya. Bahan ini digunakan untuk menepati standard rintangan gelincir atau *skid resistance*, yang diperlukan. Bahan-bahan tersebut adalah *coloured aggregated* daripada Australia dan *resin based coloured pigment paint* dari Amerika Syarikat. DBKL juga telah meningkatkan ciri keselamatan dengan memasang pemisah lorong menggunakan *flexi pole*.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan lorong basikal ini dibuat di atas permukaan jalan sedia ada, sememangnya terdapat beberapa tempat yang ditakung air apabila hujan. DBKL akan mengambil tindakan kepada perkara ini untuk mengatasinya. Pada masa ini, DBKL sedang menjalankan pengauditan bagi penambahbaikan terutamanya dari segi keselamatan dan mendapatkan pandangan dari Persatuan Basikal Malaysia, Persatuan Motosikal, Bahagian Reka Bentuk Jabatan Kerja Raya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta *Malaysian Institute of Road Safety Research* (MIROS). Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1030

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal laluan basikal ini dah semalam pun Yang Berhormat Menteri dah menjawab panjang lebar dan

hari ini pun menjawab lagi. Saya mohon keizinan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh tidak saya bagi soalan tambahan yang lain berkaitan dengan dewan bandar raya juga, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Sebab laluan basikal ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan. Biasanya soalan pokok.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Boleh kan? Mohon. Mohon. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya soal JL99. Kita difahamkan dan memang kita tahu JL99 telah membeli sebuah lombong di Taman Seri Murni dan dibuat kondok mewah di situ. Selain daripada itu juga, JL99 juga membina satu taman tema di kawasan itu dan sudah tentu nya kawasan itu agak sempit. Aduan yang kita dapat daripada penduduk terutamanya di waktu puncak jam lima ataupun tujuh malam. Laluan hendak balik ke rumah jadi sesak, jam. Itu yang pertama.

Kedua, saya difahamkan juga oleh penduduk di situ bahawa tanah persekitaran lombong itu yang terdapatnya dewan serba guna untuk orang ramai, yang terdapatnya padang futsal untuk permainan kanak-kanak mungkin akan di ambil oleh JL99 ini untuk dibuat *parking* kereta. Sebab *parking*nya tidak ada di kawasan itu. Jadi, saya hendak tanya pihak dewan bandar raya, Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi. Apakah langkah-langkah Dewan Bandaraya untuk mempertahankan kepentingan masyarakat penduduk di situ? Itu soalan nombor satu.

Soalan nombor dua, di Jalan Kuching, rumah pangsa PKNS sebahagiannya diduduki oleh penduduk dan sebahagiannya kosong ketika ini. Ia menjadi tempat sarang penagih-penagih dadah. Minggu lepas saya difahamkan mayat pun ada terjumpa di situ.

Jadi, saya mohon dewan bandar raya walaupun rumah itu rumah PKNS, dulunya disewa oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), cuba buat sesuatu supaya rumah pangsa PKNS ini bersih daripada gejala sosial. Tidak elok sangat pemandangan kalau kita lalu ke di *highway* Jalan Kuching itu sangat-sangat tidak elok. Jadi, mohon penjelasan, mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri yang saya kasihi. Sekian, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Berkenaan dengan soalan pertama iaitu JL99.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, taman tema ini telah dibangunkan dengan harga RM20 million secara CSR oleh syarikat tersebut. Taman ini memberi faedah, rekreasi dan riadah kepada orang-orang warga kota. Kita faham bahawa dengan adanya taman tema ini dan

mendapat kunjungan daripada banyak rakyat untuk melihat taman tema ini, kita ada juga kesesakan jalan raya. Untuk mengatasi masalah ini, kita sedang mengusahakan, menghubungkan jalan Seri Murni ke MRR2 sedang diusahakan dan menjadikan sebahagiannya sebagai jalan sehalu.

Kedua juga, kita mengkaji menyediakan tempat letak kereta di tanah milik DBKL berhampiran. So, Kita ada dua usaha yang kita akan laksanakan untuk memastikan kesesakan lalu lintas ini dapat diatasi. Akan tetapi, pada masa sekarang memang kita faham dan kita ambillah komen daripada Yang Berhormat untuk kita kaji dengan lebih baik.

Faktor kedua pula dengan tanah yang dikatakan rumah di Jalan Kuching ini. Saya akan menyuruh pegawai-pegawai saya pergi ke tempat itu dan melihat keadaan tempat itu dan kita akan pastikan tindakan segera di ambil. Yakinlah Yang Berhormat kita akan pastikan perkara ini diselesaikan secepat mungkin. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sila duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat kita kemukakan soalan dan jawapan yang diberi oleh kementerian adalah berdasarkan soalan asal ataupun yang berhubungan dengan soalan asal. Kalau kita kemukakan soalan tambahan luar daripada soalan asal, walaupun Yang Berhormat Menteri hendak jawab pun, ini akan mengambil masa dan tidak adil kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengharap soalan mereka ini akan naik. So, ini kali terakhir selepas ini saya tidak hendak soalan yang keluar dari soalan asal. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berbalik kepada *bicycle lane* tadi Yang Berhormat Menteri. saya memang minat berbasikal ini semasa saya belajar di London dulu pun saya ke sekolah walaupun kadang-kadang mengharungi cuaca sejuk tetapi berbasikal. Ini kerana cuaca di sana sesuai dan kalau kita tengok di Malaysia, kita hanya satu *season* dan panas.

Apakah tindakan kerajaan dari segi hendak menyejukkan para-para *cyclist* ini dan juga apakah rang undang-undang telah dibuat untuk pengguna-pengguna *lane* basikal ini. Ini kerana dia ada *conventional bicycle*, *bicycle* biasa dan dia ada *Personal Mobility Device* (PMD) seperti *skateboard* dan sebagainya. Kemudian, dia ada juga *powered assisted bicycle* kalau di izinkan. Saya rasa perlu juga kita mengkaji supaya diberikan kebenaran kepada *powered assisted* ini kerana kadang-kadang orang tua-tua dia *cycle* kemudian dia terpaksa dibantu oleh *machine* tersebut.

Jadi, adakah undang-undang sekiranya berlaku kemalangan ataupun pelanggaran semasa *cyclist* ini berbasikal. Sekarang ini, saya tengok tidak ada lagi undang-undang. Apakah

kita akan menyediakan satu rang undang-undang untuk perkara ini sebelum kita merasmikan *bicycle lane* tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Memang kita perlukan satu rang undang-undang untuk mengawal selia penggunaan laluan basikal dan Yang Berhormat juga telah tahu bahawa kita belum lagi ada rang undang-undang tersebut. Akan tetapi, kita menggunakan pakai akta jalan yang kita sedia ada pada masa ini dan untuk membantu penggunaan jalan ini.

Berkenaan dengan tiga jenis *bicycle* yang disebut tadi yang kita pada masa sekarang membenarkan adalah *bicycle convention* sahaja, yang lain kita tidak benarkan memasuki lorong basikal, laluan basikal ini. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**4. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri menyatakan, adakah pelaburan dari Amerika Syarikat ke negara ini sejak tahun 2015 menghadapi kemerosotan berbanding dengan kemasukan pelaburan dari Negara China.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

Setakat Disember 2017, stok pelaburan asing terkumpul dari Amerika Syarikat ke Malaysia berjumlah RM33.41 bilion berbanding dengan stok pelaburan asing dari Republik Rakyat China yang berjumlah RM14.62 bilion. Pelaburan asing dari Amerika Syarikat ke Malaysia dalam sektor perkilangan berjumlah RM4.15 bilion pada tahun 2015. Nilai yang tinggi pada tahun tersebut adalah disebabkan oleh satu projek besar yang berjumlah RM2 bilion iaitu di *Seagate* pembesaran di Pulau Pinang.

Bagi tahun 2016 dan tahun 2017 pelaburan asing dari Amerika Syarikat dalam sektor perkilangan masing-masing berjumlah RM1.41 bilion dan RM1.11 bilion. Ini menunjukkan bahawa pelaburan asing dari Amerika Syarikat dalam sektor perkilangan adalah kekal kukuh dan stabil bagi dua tahun yang lepas.

Bagi pelaburan asing dari Republik Rakyat China, pengenalan inisiatif *One Belt, One Road* pada tahun 2016 yang kini dikenali sebagai *Belt and Road Initiative* telah secara langsung dan tidak langsung menggalakkan pelaburan asing dari negara China ke Malaysia. Ini dapat disaksikan melalui pelaburan asing dari China dalam sektor perkilangan yang telah meningkat dari RM1.87 bilion pada tahun 2015 ke RM4.78 bilion pada tahun 2016. Pelaburan dari China terus mantap pada tahun 2017 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.85 bilion.

**■1040**

Apa yang ingin saya sampaikan adalah pelaburan asing di negara China telah merekodkan peningkatan sejak tahun 2016 melalui *Belt and Road Initiative*. Ini tidak semestinya dikelirukan dan dilihat sebagai kemerosotan pelaburan asing dari Amerika Syarikat yang mana kekal stabil dari setahun ke setahun. Prestasi yang dilihat ini adalah salah satu pencapaian kerajaan dalam mengalu-alukan lebih banyak pelaburan asing. Malaysia bukan sahaja menggalakkan pelaburan asing dari negara China dan Amerika Syarikat tetapi juga pelaburan dari negara-negara maju lain seperti Singapura, Jepun, Korea, Jerman dan negara-negara Eropah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih atas jawapan yang begitu terperinci Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi saya ada satu soalan tambahan yang nampaknya sedikit luar biasa. Pelaburan daripada negara-negara lain khususnya *companies* daripada negara-negara lain mereka datang ke Malaysia ini berdasarkan kepada suatu prinsip, mencapai keuntungan. *Seagate, Dell* itulah dasar mereka. Akan tetapi yang saya timbulkan di sini ialah pelaburan daripada negara China. Negara China itu berbeza daripada negara-negara yang lain. Pelaburan-pelaburan mereka sebenarnya bukan sahaja berdasarkan kepada keuntungan tetapi berdasarkan kepada strategi politik, kepentingan politik dan kepentingan negara itu. Itu sebabnya kalau kita tengok pelaburan negara China itu selalunya mereka ini beri penekanan kepada infrastruktur.

Apa yang saya hendak tanya di sini adakah kerajaan Malaysia dapat memantau cara negara China melabur di negara ini? Adakah akan timbul satu masa di mana kita akan terperangkap macam Sri Lanka. Di mana oleh kerana pelaburan negara China itu, kedaulatan mereka terjejas. Ini kerana negara China kalau mereka buat pelaburan mereka, mereka buat secara yang terperinci, kepentingan politik, ekonomi dan strategi. Adakah negara ini bersiap sedia untuk memantau dan menjaga supaya kepentingan negara kita tidak terjejas? Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bagi menjawab persoalan Yang Berhormat Senator saya ingin memberikan contoh apakah pelaburan daripada negara China, iaitu:

- (i) Alliance Steel di Kuantan Pahang. Tentunya ada berkaitan dengan *steel*;
- (ii) *Xinyi Energy Smart* di Lipat Kajang, Melaka. Ini mengenai kaca;

- (iii) Eastern Steel Sdn. Bhd. di Telok Kalong, Terengganu mengenai segala paip;
- (iv) LONGi Kuching di Sama Jaya. Ini mengenai solar;
- (v) Ye Chiu Non-Ferrous Metal, Pasir Gudang mengenai aluminium aloi;
- (vi) Jinko Solar Technology, Perai di Pulau Pinang, PV Cells and Modules; dan
- (vii) CGPV Industrial Building Johor Bahru dan IBS. Contoh satu lagi yang tidak jauh dari tempat saya Pontian betul-betul sempadan di Kulai, Sedenak D&Y Textile yang saya sudah melawat, yang ini ialah kilang benang.

Jadi saya tidak tahulah apa maksud Yang Berhormat dari segi tujuan politik apa semua. Saya lihat ia lebih pada tujuan perniagaan. Walau bagaimanapun, apa yang kita pastikan segala perkara yang wajar dan mengikut peraturan memang mereka hendaklah mengikut peraturan. Jika tidak ia tidak akan diluluskan oleh agensi yang meluluskan iaitu MIDA di bawah MITI. Terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Saya terpanggil untuk membawa soalan ini Tuan Yang di-Pertua sebab apabila negara kita dicemari dengan fitnah oleh pihak-pihak pembangkang supaya tidak ada pelabur masuk untuk tujuan yang jahat tetapi bila ada pelaburan masuk dia jadi cerita lain pula. Jadi saya minta mohon kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh tidak maklumkan senarai negara-negara asing pelabur utama di negara ini mengikut turutan jumlah nilai pelaburan. Apakah antara sebab minat negara-negara berkaitan melabur di negara kita? Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff. Ya, antara punca-punca kenapa negara luar melabur di Malaysia.

Pertama, pada pandangan saya ialah kerajaan kita yang stabil dari segi politik khasnya dan keamanan negara yang terjamin. Mana ada kita berlaku huru-hara dan sebagainya, dijamin dengan baik oleh kerajaan, kerajaan tidak lain tidak bukan Barisan Nasional.

Kedua, prasarana kita yang baik. Apakah contoh-contoh prasarana baik yang menarik minat pelabur? Pertama, pelabuhan. Kedua, lapangan terbang. Ketiga, jaringan lebuhraya. Keempat ialah segala jaringan komunikasi.

Untuk sebab yang ketiga, saya kira ialah kita ada mempunyai dasar-dasar pelaburan yang baik. Kita memberikan pelbagai insentif dan juga galakan termasuk insentif cukai.

Untuk sebab keempat, negara kita boleh memberikan sumber tenaga kerja ataupun buruh sama ada dari segi mahir dan separa mahir.

Terakhir saya kira antara sebab kenapa pelabur datang ke negara kita kerana Malaysia boleh jadikan hab untuk sembilan negara ASEAN yang lain. Jadi mereka memilih Malaysia untuk menjadikan pusat.

Kebetulan saya ada angka-angka yang diberikan sebagai maklumat tambahan yang ada di tangan saya ini mengenai pelaburan asing terkumpul sebagaimana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat. Sejak tahun 2008 sehingga sekarang mengikut negara, negara manakah yang pertama;

- (i) Singapura yang berjumlah RM116.3 bilion sejak tahun 2008 sehingga sekarang;
- (ii) Jepun berjumlah RM71.6 bilion;
- (iii) Hong Kong berjumlah RM50.3 bilion;
- (iv) Netherlands berjumlah RM40.7 bilion;
- (v) Amerika Syarikat berjumlah RM33.4 bilion;
- (vi) Switzerland berjumlah RM29.9 bilion; dan
- (vii) *Germany* berjumlah RM24.7 bilion.

China, senarai nombor 11 Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kata bahawa China menjajah Malaysia dengan melabur di Malaysia itu, dia nombor 11, ada lagi yang di atas daripada negara China. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5. Dato' Ong Chong Swen** minta Menteri Pelancongan dan Kebudayaan menyatakan, adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ditetapkan sejak tahun 1970-an bagi memajukan pembangunan kepelbagaian budaya negara kita yang bercorak masyarakat majmuk.

**Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan kita telah melaksanakan satu kajian Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah pun dimuktamadkan pada Januari 2018.

Salah satu skop kajian ini adalah untuk mengkaji dan juga menyemak semula rumusan Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 terhadap sosioekonomi negara. Kajian ini antara lain adalah untuk melihat sendiri kerelevanan prinsip-prinsip Dasar Kebudayaan



Kebangsaan sebelum ini dengan struktur geososial negara pada masa kini dengan mengambil kira ciri-ciri kepelbagaian kaum yang ada di negara kita.

Dengan melihat kepada kedinamikan budaya yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman dan juga mengikut masa, kementerian ini juga sedang merangka satu dokumen Dasar Kebudayaan yang lebih menyeluruh ke arah menuju ke negara maju. Dokumen dasar yang sedang dirangka adalah dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) kebudayaan kebangsaan;
- (ii) kebudayaan etnik atau sukuan;
- (iii) budaya tinggi;
- (iv) warisan khazanah bangsa; dan
- (v) kecemerlangan budaya.

Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, silakan.

**Dato' Ong Chong Swen:** Terima kasih kepada jawapan kementerian yang telah diberikan. Soalan tambahan saya keharmonian masyarakat berbilang kaum dan kecantikan kepelbagaian budaya di Malaysia dikenali dan disambut baik oleh pelancong asing. Kerajaan kita juga mengelaskan kepelbagaian budaya sebagai teras *promotion* imej negara kita di arena dunia.

■1050

Walau bagaimanapun, pihak agensi atau jabatan kerajaan kurang mementingkan mempromosi agama dan budaya etnik-etnik tempatan. Maka soalan saya adalah sejauh manakah prinsip kepelbagaian budaya telah diserap ke dalam mekanisme pelaksanaan kerajaan terutama peruntukan kerajaan dari segi insentif dan bantuan polisi untuk menggalakkan pembangunan aktiviti budaya tempatan. Sebagai contohnya hasil ciptaan masyarakat cina tempatan iaitu tarian singa atas tiang telah pun diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan sejak tahun 2007 dan juga, dengan izin, *twenty-four drum* juga ciptaan Malaysia. Adakah kementerian akan memberikan lebih keutamaan bagi mempromosikan persembahan tarian tersebut kepada pelancong asing? Terima kasih.

**Tuan Yang di-pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman, kita semua tahu bahawa negara kita ini memang kaya dengan pelbagai kaum, agama dan juga budaya. Itulah sebenarnya yang menjadi tarikan dan itulah sebenarnya yang menjadi uniknya Malaysia yang menjadikan sebagai satu tarikan utama untuk menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke negara kita. Sebab itulah perlu adanya satu, sebagai mana yang

telah kita lakukan iaitu kajian dasar kebudayaan dilakukan supaya ia dapat dilihat semula kembali kerana apa yang kita ada hari ini adalah merupakan dasar yang diikuti pada kongres yang dibuat pada tahun 1971. Kita belum ada lagi dasar yang menyeluruh dan pastinya aspek kebudayaan yang sentiasa berubah dan juga sudah tiba ia dikaji dan juga diambil perhatian untuk diambil tindakan untuk tindakan kita selanjutnya. Apatah lagi untuk kita menarik lebih lagi ramai pelancong.

Untuk makluman semua Yang Berhormat, pada tahun 2020 adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia. Sebab itu banyak lagi perkara-perkara yang ingin kita bawakan dan ingin kita berikan perhatian. Sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, tentang budaya orang Cina dan sebagainya. pastinya kita tidak mahu melihat bahawa di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini hanya pelancongan semata-mata. Tetapi kita juga menitik beratkan tentang soal kebudayaan dan kita juga melihat bukan hanya aspek kesenian atau persembahan semata-mata. Tetapi kelangsungan kelas tarian dan juga ke mana budaya itu harus kita kekalkan. Itu lebih utama supaya ianya tidak lekang. Tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas.

Kita juga melihat bahawa kajian yang kita lakukan ini adalah merupakan panduan dalam kita menggubal dasar kebudayaan kita nanti. Pastinya banyak, apatah lagi dalam kita ada banyak lagi perkara-perkara dan kebudayaan ini tidak pernah di pinggirkan oleh pihak kementerian. Kita juga memberikan sama-sama pentingnya sebagaimana pentingnya pelancongan kepada sumbangan kepada negara. Kerana, ya memang betul pelancongan, ianya *immediate*. Maksudnya orang nampak pelancong datang ke Malaysia dan kita dapat *immediate* dari segi hotel, dari segi makanan, dari segi perbelanjaan, *shopping* dan sebagainya.

Akan tetapi budaya ini macam mana? Orang tidak nampak. Akan tetapi orang melihat dari segi persembahan, dari segi seni warisan dan sebagainya. Yang itulah yang perlu kita pertahankan. Pastinya pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan memberi perhatian dan bajet yang sebaiknya untuk kita sama-sama memastikan kebudayaan ini dapat kita pertingkatkan dan kita jaga. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Puan Siti Aisyah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pihak kementerian. Soalan ini ada dua soalan. Akan tetapi satu itu boleh dijawab secara bertulis, Tuan Yang di-Pertua dan satu itu kalau boleh dapat info terus daripada pihak kementerian. Pertama, soal bangunan sejarah *Serani Row* di Jalan Raja Chulan yang dibina pada tahun 1930 yang baru-baru ini telah pun dirobuhkan untuk pembinaan empat ribu unit *service apartment* yang mana bagi saya, saya hendak tahu yang pertamanya. Apa status tanah ini?

Adakah ia digazetkan di bawah Akta Warisan Sejarah kerana ini adalah bangunan lama yang mempunyai nilai tersendiri. Itu yang pertama saya hendak tahu.

Yang kedua ialah apa pendirian kementerian dan apa yang boleh dibuat oleh kementerian untuk memastikan tidak ada lagi tempat-tempat warisan seperti ini dirobohkan tanpa asas dengan membangunkan bangunan-bangunan. Saya kira ini adalah satu *moment* terindah dalam negara kita dalam Bandaraya Kuala Lumpur yang menjadi tempat pelancongan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa pendirian daripada pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi pihak kementerian, saya akan menjawab secara bertulis. Akan tetapi bagi pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, untuk perkara ataupun melihat bangunan-bangunan lama seumpama ini yang menjadikan warisan sejarah bangsa yang harus kita pertahankan dan pastinya pihak kementerian tidak akan *tolerate* dengan perkara-perkara yang boleh memusnahkan tinggalan sejarah yang membawa, supaya generasi akan datang kenal dan juga tahu apakah sejarah dan apakah juga perkara-perkara yang berlaku yang berkenaan dengan sesuatu tempat ataupun sesuatu bangunan. Pastinya kita akan ambil maklum dan saya sendiri akan menghantar jawapan bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang beri laluan saya untuk soalan tambahan. Orang kampung saya ini.

**Tuan Yang di-pertua:** Orang kampung tanya dekat kampung saja lah.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Hanya soalan saya satu saja, fasal Yang Berhormat Menteri sudah menjawab supaya tidak lupus budaya di negara kita, terutama saya hendak menyentuh tentang generasi Y ini ataupun TN50. Saya melihat kementerian sudah banyak buat program-program terutama di luar negara, mempromosi kebudayaan ini di negara kita.

Akan tetapi lihat di negara kita sendiri, generasi- *Gen Y* ini tidak mengikuti budaya kita. Apakah rancangan, soalan saya, apakah rancangan kementerian agar kebudayaan kita ini supaya pakaian, tarian, nak-nak tarian. Kalau kita lihat sekarang ini, generasi- *Gen Y* ini lebih minat, lebih cenderung kepada tarian-tarian *Europe*. Lebih cenderung dangdut, Korea dan macam-macam lagi lah. Kita tengok tarian-tarian zapin, kuda kepang, joget lambak, generasi- *Gen Y* ini sudah entah ke mana, tidak tahu. Tidak ada. Jadi apakah rancangan kementerian supaya memperkasakan budaya kita di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Abidullah. Orang Melaka, orang kampung katanya. Akan tetapi dia di kawasan

bandar Yang Berhormat. Saya orang kampung betul. Okey, Yang Berhormat. Saya ucap terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat tentang generasi pada masa akan datang.

Tentang keprihatinan mereka terhadap kebudayaan. Sebab itulah di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, kita ada agensi iaitu Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga hal ehwal kebudayaan. Bukan hanya untuk anak-anak muda tetapi seawal mereka di bawah usia 12 tahun lagi. Sebab itulah dengan adanya program-program Tunas Budaya yang dilakukan untuk pelajar-pelajar sekolah yang diperkembangkan dan diajar di sekolah. Pada waktu kita sedang berbicara di Dewan Negara ini, sudah ada rombongan daripada Jepun yang datang ke Melaka untuk melihat bagaimanakah seni budaya dan pelajar-pelajar itu telah pun dilatih oleh pihak jurulatih daripada JKKN. Itu sebagai satu contoh saja Yang Berhormat.

Oleh sebab itulah kita ingin melihat bahawa warisan ini dapat diwarisi. Bukan hanya setakat persembahan semata-mata. Akan tetapi dari segi budaya percakapan, dari segi budaya hormat-menghormati, dari segi berpakaian dan sebagainya, waima makanan juga adalah merupakan sebahagian daripada budaya yang harus kita jaga. Ini kerana hari ini kalau kita cakap makanan tradisional, tidak ramai lagi anak muda yang tahu dan juga faham itu adalah merupakan makanan dan ia juga adalah penting. Bukan hanya setakat pakaian tetapi ia lebih daripada itu. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Abidullah.

**Tuan Yang di-pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili. Ringkas.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan ke atas soalan ini.

■1100

Sebenarnya kita tahu bahawa kepelbagaian budaya kesenian di negara kita ini adalah diibaratkan seperti satu aliran anak-anak sungai yang mana anak-anak sungai ini mempunyai warna air yang berbeza-beza, yang mengalir ke satu sungai yang besar dan akan mencipta satu warna air yang baru, yang harmoni seperti mana kita lihat *mixture of* kebudayaan di negara kita. Inilah rupa bentuk budaya yang ada di negara kita.

Jadi, soalan saya di sini ialah, apakah kementerian mempunyai satu rancangan untuk *rebranding* ASWARA? Sejauh manakah ASWARA ini boleh menjadi satu agensi yang akan mendukung kepada kepelbagaian budaya dan kesenian di negara kita? Adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menjadikan ASWARA ini dinaiktarafkan dari sebuah akademi kesenian warisan negara kepada ditubuhkan ia sebagai satu institusi pengajian tinggi awam

supaya kita dapat mewujudkan universiti kesenian dan kebudayaan untuk negara kita? Terima kasih.

**Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya suka dengan soalan Yang Berhormat kerana telah menyentuh tentang ASWARA. ASWARA melahirkan ramai bakat-bakat seni yang ternama seperti Namron dan ramai lagi artis-artis tanah air yang hari ini yang berada di ASWARA, yang hasil produk ASWARA.

Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini telah pun kita mengadakan pecah tanah kerana untuk makluman Yang Berhormat semua, *alhamdulillah* ASWARA hari ini akan dinaiktarafkan, telah pun dipersetujui bersama dengan Kementerian Pendidikan Tinggi yang akan dibuat di lokasi baru iaitu di Besut, Terengganu dan ia akan dinamakan sebagai Universiti P. Ramlee, sempena mengambil nama Allahyarham seniman agung iaitu P. Ramlee. Ia akan menjadi sebagai kesinambungan dan bukan hanya peringkat sijil ataupun diploma semata-mata.

Hari ini, ia akan diangkat lebih besar dan akan melahirkan lebih ramai lagi anak-anak Malaysia khususnya yang berkecimpung di dalam seni dan juga budaya kerana hari ini ASWARA inilah yang mengajar anak-anak kita, anak-anak muda khususnya tentang tarian Mak Yong yang hari ini kita pun sudah sukar untuk melihat seni tari itu yang berada di depan mata kita. Ia semakin pupus. Oleh sebab itulah, perlunya ada usaha sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia bersama dengan pihak KPT yang akan dimulakan tidak lama lagi di Terengganu sebagai Universiti P. Ramlee. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun. Silakan.

**6. Dato' Indera Hoh Khai Mun** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah kementerian akan mewajibkan lokasi semula semua kawasan awam seperti pasar awam dan komuniti setempat seperti balai masyarakat dan kawasan Kampung Baru Cina bagi mewujudkan '*fire brigades*' sebagai satu langkah pencegahan kebakaran.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan kehadiran orang-orang kuat saya daripada Persatuan Progresif India Malaysia Bahagian Tenggara... [*Tepuk*] Parlimen Tenggara ke Dewan Negara dan yang diketuai oleh saudara Pasupathy ke Dewan Negara. Kita harap mudah-mudahan dengan lawatan ke

Dewan Negara ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, akan dapat memberikan manfaat kepada semua orang-orang kuat saya. Tuan Yang di-Pertua, pengundi kena jaga Tuan Yang di-Pertua. Ini semua pengundi saya. Jangan lupa ya? Barisan Nasional [*Ketawa*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan Menteri pun kuat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun yang berkaitan dengan Pasukan Bomba Sukarela.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera, untuk makluman Yang Berhormat Pasukan Bomba Sukarela ini memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan perlindungan awalan kebakaran ataupun kita sebut sebagai '*fire cover*' dan juga penyelamatan awalan sebelum kenderaan daripada balai bomba hadir. Jadi, di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh daripada balai bomba yang ada. Kewujudan pasukan bomba sukarela ini Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh, berjaya memendekkan lagi masa *response time* apabila berlaku sesuatu kecemasan yang diakibatkan oleh kebakaran dan sebagainya.

Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh terdapat 370 Pasukan Bomba Sukarela yang telah pun kita tubuhkan dengan keanggotaan seramai 13,467 orang di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan penubuhan pasukan sukarela seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Dato', di semua kawasan awam seperti di pasar awam, komuniti setempat, seperti di balai masyarakat ataupun dalam kawasan Kampung Baru Cina.

Hal ini kerana, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, peranan Pasukan Bomba Sukarela ini tidak terhad kepada mana-mana kawasan ya Yang Berhormat, mengikut kepada kawasan sempadan tertentu. Contoh seperti Kampung Baru Cina, Kampung Melayu, taman-taman dan sebagainya.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh sekiranya telah ditubuhkan Pasukan Bomba Sukarela di mana-mana kawasan contohnya, dalam kawasan Kampung Baru Cina sekalipun. Pasukan bomba tersebut dia perlu berperanan untuk tindakan awalan memadam kebakaran dan penyelamatan seperti yang saya sebutkan tadi *fire cover* dan juga boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti kempen kesedaran latihan asas kebombaian bagi meningkatkan lagi aspek keselamatan kebakaran penduduk setempat walaupun di pasar awam,

di balai masyarakat ataupun di mana-mana dalam kawasan Kampung Baru Cina. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan soalan tambahan.

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab soalan saya yang begitu sempurna. Nampaknya *covering* semua aspek. Bagaimanapun sejak akhir-akhir ini Tuan Yang di-Pertua, di mana kita lihat tragedi kebakaran semakin kerap berlaku terutamanya melibatkan bangunan atau lokasi awam. Contohnya seperti yang dinyatakan tragedi yang telah berlaku di bangunan KWSP iaitu bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Petaling Jaya, Pasar Besar di Seremban, Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru, Sekolah Agama Maran di Pahang, Pasar Besar di Jerantut dan seterusnya.

Dengan ini, saya percaya langkah pencegahan kebakaran di pandang serius dan menjadi keperluan untuk diperluaskan kepada masyarakat ramai bagi memastikan *emergency respond* dapat dipraktikkan ketika kebakaran berlaku. Maka soalan saya kepada Kementerian KPKT nampaknya ini merupakan satu keperluan setempat, adalah keperluan untuk menubuhkan Pasukan Bomba Sukarela. Dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada itu, adakah bangunan atau lokasi awam diwajibkan untuk mewujudkan pasukan bomba sukarela? Sekiranya tidak, adakah Kementerian KPKT berhasrat meminda undang-undang untuk memastikan setiap lokasi yang berisiko menghadapi kebakaran di mana adalah untuk kebaikan masyarakat setempat. Sekian, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh saya sudah jawab tadi Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh. Pasukan Bomba Sukarela ini kita tubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar. Di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh daripada balai bomba yang sedia ada.

Jadi, kalau macam perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh tadi, itu lebih berpusat kerana kepakaran, tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh balai-balai bomba yang berhampiran. Itu adalah tanggungjawab kepada anggota balai-balai bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang sedia ada dalam satu-satu kawasan. Jadi, bagi Pasukan Bomba Sukarela ini, kita tubuhkan di kawasan luar bandar yang jauh daripada balai bomba yang sedia ada. Tidak ada masalah sekiranya kalau tidak cukup kita boleh tambah, kalau tidak memenuhi kepada kriteria untuk penubuhan maka mereka boleh libatkan diri dalam pasukan bomba komuniti yang kita tubuhkan di semua kawasan-kawasan taman yang ada.

## ■1110

Jadi dengan ini saya harap Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun maklum, bahawa penubuhan pasukan bomba sukarela ini ia lebih bersifat kepada untuk membantu sebagai *fire cover* yang awalan.

Selain daripada itu, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun, bagi pemilik bangunan mereka perlu memainkan peranan dalam memastikan kelengkapan yang ada untuk menentang kebakaran ini, dapat berfungsi dengan baik dari masa ke semasa dan bangunan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun tadi, dia tertakluk kepada perakuan bomba yang mesti dipatuhi oleh mana-mana pemilik bangunan yang ada, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** [*Bangun*]

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri kerana, saya melihat di negeri Kedah sendiri, bomba sukarela ini dimonopoli oleh rakan-rakan Tionghoa, rakan-rakan berbangsa Cina dan apakah tidak ada insentif untuk rakan-rakan yang lain, untuk mewujudkan bomba sukarela ini dan apakah membuat rakan-rakan Cina begitu aktif dalam bomba sukarela ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi. Saya hendak memaklumkan di negeri Kedah kita ada 44 pasukan bomba sukarela. Keahlian 1,554 dan keseluruhan saya sudah sebutkan tadi 374 pasukan bomba sukarela, keanggotaan 13,467 orang. Memang benarlah kalau kita lihat kepada penubuhan pasukan bomba sukarela yang ada secara merata Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi, rata-rata ia dianggotai daripada masyarakat daripada kaum Tionghoa. Ini adalah antara usaha yang akan dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bersama-sama dengan masyarakat setempat. Bersama-sama dengan kepimpinan masyarakat setempat, termasuklah dalam kawasan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi.

Jadi saya ingin menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang ada untuk menggerakkan penubuhan lebih banyak lagi pasukan bomba sukarela dalam kawasan kita masing-masing. Ini kerana apa yang sedia ada adalah gerakan daripada masyarakat setempat,



yang mahu menyediakan perlindungan awalan kepada usaha pemadaman api dan penyelamatan. Maka inisiatif itu diambil oleh masyarakat setempat. Mungkin dalam masa yang sama, bukan sahaja kita dapati pasukan bomba sukarela ini, kalau dalam kawasan bandar yang mungkin jauh sedikit daripada balai-balai yang ada, kesedaran masyarakat setempat itu, terutama daripada masyarakat Tionghoa itu tinggi.

Dalam pada itu, dia tidak langsung merenggangkan usaha yang perlu dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam usaha untuk kita menyemarakkan lagi penyertaan rakyat, masyarakat secara bersama untuk menjadi anggota kepada pasukan bomba sukarela ini. Jadi kita minta mungkin kita boleh mulakan dalam kawasan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Suhaimi, kita tunjukkan bahawa semua masyarakat sebenarnya mempunyai keinginan menubuhkan pasukan bomba sukarela di kawasan setempat masing-masing. Terima kasih.

**Dr. Nuing Jeluing:** *[Bangun]*

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *[Bangun]*

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tan Sri.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pasukan bomba sukarela ini selalunya terdedah dengan risiko kemalangan dan juga kecederaan. Soalan tambahan saya adalah, apakah skim perlindungan yang disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada ahli-ahli pasukan bomba sukarela? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor. Jikalau nama itu tidak ada dekat depan saya Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak boleh sebut. Jikalau tidak ada depan mata saya sebut sayang sahaja lah... *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan apakah bentuk skim perlindungan yang disediakan oleh kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada ahli pasukan bomba sukarela yang ditanyakan soalan oleh- tidak, saya dapat memo kena baca Rang Undang-undang bomba di Dewan Rakyat sebentar lagi.

Kepada ahli bomba sukarela, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan penyelamat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, telah pun menyediakan Yang Berhormat Senator Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar, telah menyediakan Skim Perlindungan Takaful Berkelompok kepada ahli pasukan bomba sukarela dan ia meliputi

perlindungan akibat kemalangan yang boleh mengakibatkan kehilangan keilangan ataupun kecacatan dan kematian mengikut kadar yang ditetapkan sehingga sampai kepada maksimum sebanyak RM32 ribu.

Mungkin saya boleh sebut beberapa lagi skim yang termasuk dalam skim yang berkelompok itu. Pertama ialah sekiranya mengakibatkan kematian keilangan kekal menyeluruh, maka jumlahnya ialah RM15,000 dan sekiranya mengakibatkan kematian akibat daripada kemalangan kenderaan awam, kita tambahkan lagi RM15,000 dan penyakit kritikal RM7,500, keilangan-keilangan kekal dan sebahagian RM1,000 dan khairat kematian RM2,000 dan pendapatan ataupun elaun hospital akibat daripada kemalangan RM25 sehari sehinggalah maksimum 60 hari.

Ini antara-antara perkara-perkara, kemudahan di bawah Skim Perlindungan Takaful Berkelompok yang kita sediakan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kepada ahli-ahli pasukan bomba sukarela. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif. Silakan.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Guru Kafa dari Kubang Pasu. Beri tepukan kepada orang Kubang Pasu. Guru-guru manis-manis nampaknya, Guru Kafa.

Berketepatan juga dengan soalan saya nombor 7 berkaitan dengan Guru Kafa juga ini. Jadi soalan saya nombor 7.

**7. Dato' Haji Mohd Salim Bin Sharif @ Mohd Sharif:** Minta Menteri Pendidikan menyatakan, langkah Kementerian memberi alternatif kepada ibu bapa yang cenderung kepada pendidikan tahfiz Al-Quran dan pada masa yang sama memberi peluang kepada murid tahfiz untuk tidak ketinggalan dalam pendidikan arus perdana bagi mengelakkan murid-murid dihantar ke pusat tahfiz yang diragui ciri-ciri keselamatannya.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif dan juga mengalu-alukan kehadiran guru-guru Kafa dari Kubang Pasu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz yang iktiraf sebagai Kurikulum Kebangsaan di sekolah-sekolah agama Kementerian Pendidikan Malaysia secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014. Kurikulum Bersepadu Tahfiz dibangunkan dengan mengambil kira dengan semua keperluan Kurikulum Kebangsaan sedia ada, melalui penambahan subjek yang berkaitan dengan ilmu-ilmu Al-Quran dan syaria Islam. Sehingga tahun 2018, sebanyak 11 buah sekolah kebangsaan agama, empat

buah sekolah berasrama penuh serta 27 buah sekolah agama bantuan kerajaan terpilih telah menawarkan kurikulum tersebut.

Perluasan bagi kurikulum tersebut bagi sekolah-sekolah pilihan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada permintaan. Bagi tahun semasa, seramai 450 orang murid kohort pertama kurikulum tahfiz ini menduduki peperiksaan khas tahfiz tingkatan lima yang setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan subjek Tahfiz Al-Quran di peringkat tingkatan enam, dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia mulai tahun 2019.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan Program *Al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab* secara rintis di Sekolah Menengah Imtiaz Besut Yayasan Terengganu, mulai Januari 2018. Dengan seramai 60 orang murid telah mendaftar bagi kohort pertama. Program ini bukan sahaja menerapkan elemen tahfiz, malahan ditambah nilai dengan subjek ilmu dari kitab-kitab *Turath* serta menggunakan medium Bahasa Arab.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan Program *Al-Syhadah al-Ulya Ulul Albab* adalah bermatlamatkan untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan yang hafiz dan mampu memberikan sumbangan kepada pembentukan masyarakat yang sejahtera dan negara yang maju.

#### ■1120

Perlaksanaan juga adalah sebagai pemangkin sebagai gagasan iaitu menyediakan sumber graduan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik bagi memenuhi keperluan tenaga kerja untuk memacu Malaysia ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator soalan tambahan  
**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Perlembagaan Malaysia menyatakan Islam merupakan agama rasmi Persekutuan tetapi agama lain boleh di amal dengan damai. Apakah kementerian bercadang untuk menjadikan pendidikan tahfiz Al-Quran dalam sistem pendidikan kebangsaan memandangkan permintaan yang amat tinggi. Kedua, mengapakah di dalam dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga) 2012 tidak terdapat satu pun dasar khusus pembangunan pendidikan tahfiz al-Quran sedangkan dasar pendidikan kesenian sekolah sukan amat jelas terkandung dalam tajuk edisi ketiga yang saya sebutkan tadi.

Apakah dasar ini akan diubah menjadikan ia tergolong dalam tajuk yang mana 43 yang akhirnya dasar buku negara dasar tahfiz al-Quran ini tidak termaktub dalam tajuk seperti mana

edisi tersebut. Apakah ia akan dijadikan satu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi *syllabus* yang ditambah baik melalui *Ulul Albab* dan sebagainya akan ada dalam dasar seperti mana sekolah sukan dan sekolah kesenian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif yang bukan sahaja amat rapat dengan isu-isu pendidikan tetapi telah mengenali secara dalam Kementerian Pendidikan. Dua soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator satu tentang Perlembagaan Malaysia yang menyatakan Islam sebagai merupakan agama rasmi. Untuk soalan tersebut Yang Berhormat seperti mana yang saya jelaskan tadi. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kurikulum-kurikulum bersepadu tahfiz ini yang diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan secara berperingkat-peringkat bermula pada tahun 2014 setelah mengambil kira permintaan ibu bapa dan juga masyarakat. Itu yang pertama.

Kedua, dasar pendidikan kebangsaan. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kurikulum bersepadu tahfiz yang telah diiktiraf sebagai kurikulum kebangsaan bermula pada tahun 2014 telah mengambil kira permintaan ibu bapa seperti mana saya kata KPM juga telah menjadikan KBT itu satu inisiatif dan diangkat sebagai kurikulum kebangsaan dalam pelan pembangunan pendidikan 2013 hingga 2025.

Saya juga ingin maklumkan kepada di sini Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator bahawa satu kertas dasar tahfiz negara sedang disediakan oleh JAKIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga menduduki jawatankuasa tersebut untuk memberi maklum balas yang sewajarnya supaya dasar ini menjadi apa yang di harapkan dapat membantu kita dalam prospek mewujudkan dasar tahfiz negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim

**8. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pencapaian yang ketara semenjak program Transformasi Nasional (NTP) dilaksanakan dan apakah program-program yang sedang dan bakal dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengaju soalan mengenai Transformasi Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sasaran negara yang berpendapatan tinggi telah disarankan oleh model ekonomi baru yang di perkenalkan pada 30 Mac 2010 dan pencapaian sasaran ini adalah melalui pelaksanaan inisiatif di bawah Program Transformasi Nasional (NTP) yang merupakan satu usaha yang menyeluruh untuk melonjakkan Malaysia ke arah negara maju.

Program Transformasi Negara yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan, dengan izin, *Government Transformation Programme* (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi, dengan izin, *Economic Transformation Programme* (ETP), telah di perkenalkan pada tahun 2010 dengan matlamat utama untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dan kini dalam fasa terakhir menjelang tahun 2020.

ETP adalah berteraskan dua komponen utama iaitu fokus dan daya saing. Program ini merangkumi 12 bidang ekonomi utama negara, dengan izin, *National Key Economic Areas* (NKEA) dan dipacu oleh enam inisiatif pembaharuan strategik SRI. Gabungan NKEA dan SRI ini di sasaran untuk melonjakkan pendapatan negara kasar PNK per kapita Malaysia kepada status negara berpendapatan tinggi mencipta 33.3 juta peluang pekerjaan baru dan menarik pelaburan berjumlah USD444 bilion menjelang tahun 2020.

Secara keseluruhan negara semakin hampir dengan sasaran yang ditetapkan dan hasil pencapaian NTP dapat dirumuskan dengan penunjuk utama prestasi seperti berikut. Pertubuhan ekonomik yang dinamik dengan purata pertumbuhan KDNK di antara 2010 dan 2017 sebanyak 5.2 peratus. Satu-satunya amat dibanggakan di rantau ini dan dunia dalam keadaan gelora ekonomi. PNK per kapita semakin menghampiri paras negara berpendapatan tinggi iaitu USD9,660 pada tahun 2017 berbanding USD8,230 pada tahun 2010.

Peluang pekerjaan kian meningkat dengan 2.68 juta pekerjaan ditambahkan kepada tenaga buruh Malaysia sejak 2010. Nombor 4, sumbangan pelaburan swasta semakin meningkat di dalam ekonomi dari 55 peratus pada tahun 2010 kepada 68 peratus pada 2017. Nombor 5, langkah-langkah konsolidasi fiskal dengan pengurangan defisit fiskal daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 kepada 3 peratus pada tahun 2017. Akhirnya, pembangunan ekonomi inklusif dengan kadar kemiskinan yang telah menurun daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada 0.4 peratus pada 2016 dan kemiskinan tegar telah disifarkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Kerajaan (GTP) disasarkan dengan matlamat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan institusi awam. Komitmen utama kerajaan adalah untuk memastikan setiap rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang baik dengan memberi tumpuan kepada tujuh bidang keberhasilan utama negara, dengan izin, *National Key Result Areas* (NKRA). Tujuh NKRA

tersebut merangkumi mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar. Itu sebabnya Yang Berhormat, Sabah Sarawak sekarang banyak mendapat dana untuk memastikan matlamat ini dapat tercapai. Ini kerana mereka ketinggalan dahulu. Mempertingkatkan pengangkutan awam bandar. Kita nampak MRT. Kita nampak LRT. Kita nampak *high speed train*. Macam-macam sekarang. Kita nampak pengislahan infrastruktur yang begitu pesat berlaku di Lembah Klang.

Nombor 3, taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah. Pelbagai program untuk B40 telah diajukan di peringkat akar umbi. Macam satu-satu ia tidak boleh jawab sebab banyak sangat. Keempat, pengurangan jenayah *hotspot* dan juga *branding* dan *band* di bagi untuk balai polis. Seterusnya mempertingkatkan pencapaian pelajar. Kita ada sekolah-sekolah *band*. *Band* Satu, *Band* Dua memperkasakan kepimpinan sekolah melalui Guru Besar dan Pengetua. Juga meletakkan *benchmarking* pra sekolah sehingga universiti.

Kemudian kita ada menangani kos sara hidup. Itu sebab sekarang kita ada Sentuhan Rakyat. Di mana harga kos itu dapat di tangani. Membanteras rasuah dan GTP telah berjaya menepati sasaran KPI yang telah ditetapkan pada setiap tahun sejak diperkenalkan hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif. Antara hasil bermakna yang dicapai di bawah inisiatif GTP adalah seperti berikut.

Inisiatif pembangunan luar bandar yang saya telah perkatakan tadi. Pengangkutan awam, Program 1Azam, akses pendidikan yang berkualiti, tahap penyelesaian kes laporan tahunan Ketua Audit Negara, penurunan kadar indeks jenayah, bantuan di mana saya sudah bagi tahu BR1M, Klinik 1Malaysia, Skim Baucar Buku untuk penuntut di universiti, Skim *MyDeposit* untuk pembeli rumah.

#### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai projek sedang atau bakal dilaksanakan di bawah NTP antara berikut- kerana Yang Berhormat telah minta yang telah berlaku, telah dibuat dan akan dibuat. Ini akan dibuat dan dalam proses membuat, iaitu:

- (i) Aliran Transit Massa atau *Mass Rapid Transit* (MRT);
- (ii) projek kereta api berkelajuan tinggi *Singapore-Kuala Lumpur* (SGHSR), dengan izin;
- (iii) Sungai Nadi Kehidupan, atau *River of Life* (ROL) di Lembah Klang;
- (iv) Projek Landasan Berkembar Lembah Klang atau *Klang Valley Double Track* (KVDT);
- (v) Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak, atau dengan izin, *Integrated Transport Terminal* (ITT);

- (vi) Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang atau, dengan izin, *Pengerang Integrated Petroleum Complex* (PIPC);
- (vii) Jalur Lebar Pinggir Bandar atau, dengan izin, *Sub-Urban Broadband* (SUBB); dan
- (viii) Encore Melaka.

Kesimpulannya, program-program di bawah NTP menunjukkan kerajaan mengambil perspektif jangka panjang untuk terus membangunkan Malaysia dan menyokong rakyat. Penilaian dan kemajuan NTP secara mendalam boleh dirujuk pada halaman-halaman laporan tahunan terkini yang boleh diperoleh di laman sesawang Unit Perancangan Ekonomi. Baru-baru ini Perdana Menteri telah melancarkan satu buku laporan tahunan prestasi kita secara ringkas untuk yang malas baca dan kemudian yang tebal untuk yang rajin baca. Laman webnya ialah [ntp.epu.gov.my](http://ntp.epu.gov.my). Tolonglah saya minta semua Yang Berhormat melayari laman web untuk mendapatkan maklumat dalaman. Terlalu banyak, tepu sangat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih kerana memberikan jawapan yang terperinci.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 2 April 2018.”

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah di setujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2017) 2018

#### Bacaan Kali Yang Kedua

#### 11.33 pg.

**Menteri Kewangan II [Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2017 ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Bajet 2017 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2017 yang dibentangkan adalah berjumlah RM7,786.3 juta iaitu sebanyak RM663.5 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM7,122.8 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan.

Tambahan perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM7,122.8 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM2,710.8 juta adalah untuk pindaan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2017 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindaan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.



Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2017 yang berjumlah RM44,883.8 juta. Bakinya adalah dibiayai melalui pinjaman.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Sebanyak RM1,246.4 juta adalah bagi merekrut semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2017 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2018, dan sebanyak RM3,165.6 juta adalah merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian dan jabatan yang telah diberi kebenaran untuk berbelanja melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Pendidikan sebanyak RM891.1 juta;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM804.3 juta;
- (iii) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berjumlah sebanyak RM685.5 juta;
- (iv) Kementerian Kesihatan sebanyak RM479.1 juta;
- (v) Kementerian Pendidikan Tinggi sebanyak RM425.4 juta;
- (vi) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM395.7 juta;
- (vii) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM235.1 juta;
- (viii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM155.5 juta;
- (ix) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak RM150 juta;
- (x) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM82.1 juta;
- (xi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sebanyak RM35 juta;
- (xii) Kementerian Komunikasi dan Multimedia sebanyak RM24.3 juta;
- (xiii) Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM23 juta;
- (xiv) Kementerian Sumber Manusia sebanyak 16 juta; dan

(xv) Parlimen sebanyak RM10 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Pengurusan Tambahan Pertama 2017 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang telah dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1, Tahun 2018 dan memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 1A, Tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2017 dan baki memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana hadir dan persempadanan semula telah diluluskan. Ingat di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung. Sekarang saya minta Yang Berhormat wanita kita iaitu Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed dimulakan.

■1140

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas ruang yang pertama diberikan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kita pada kali ini.

Pertamanya, hari ini membuka perbahasan, saya ingin merujuk kepada satu laporan kestabilan kewangan dan sistem pembayaran yang telah dikemukakan oleh Bank Negara Malaysia yang telah dikongsi oleh Metro pada hari ini. Di mana menurut laporan ini ia menyatakan bahawa bagi standard kehidupan yang boleh diterima dalam Bandaraya Kuala Lumpur, jumlah minimum yang diperlukan bagi menyara seorang bujang dewasa adalah RM2,700 dan RM2,700 ini diperlukan untuk sewa bilik, makan di luar, masak sekali sekala dan menggunakan pengangkutan awam.

Jadi saya boleh bayangkan jika anak-anak kita yang baru lepas universiti, baru bergraduasi dengan memegang *Degree* mereka hendaklah hidup membujang dengan gaji yang diterima lebih kurang RM2,700, mereka mampu hidup membujang melainkan boleh berkahwin dengan pasangan yang turut sama bekerja. Ini kerana jika kita lihat kepada yang dilaporkan oleh

laporan ini juga iaitu jumlah standard kehidupan ataupun jumlah minimum bagi standard kehidupan yang boleh diterima dalam Bandar Kuala Lumpur bagi pasangan yang berkahwin dengan dua anak adalah RM6,500.

Di mana RM6,500 ini diperlukan untuk memiliki dua buah kereta, membayar pusat jagaan kanak-kanak dan kelas tuisyen serta makan di luar hujung minggu. Ini juga termasuk menyewa pangsapuri tiga bilik. Menyewa bukannya memiliki dengan jumlah gaji RM6,500 sebulan bagi pasangan yang ada dua anak.

Jadi begitu tertekannya kehidupan dalam bandar dengan pendapatan yang saya kira kalau kita di tempat lain, RM2,700 dan RM6,500 ini sebenarnya suatu *figure* yang agak tinggi. Akan tetapi bagi pasangan dan bagi anak-anak kita yang berada di bandar, jumlah yang diterima tidak sampai jumlah ini, bermakna mereka hidup dalam keadaan kewangan yang tertekan. Itu yang pertama.

Seterusnya, saya ada tiga topik yang saya ingin bahaskan, tidak berkait secara langsung dengan bajet. Akan tetapi berkait langsung dengan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian yang terbabit, yang terlibat di dalam peruntukan kali ini.

Pertama, iaitu berkait dengan Jabatan Perdana Menteri, khususnya saya ingin berbahas tentang pindaan Akta 164 yang sebelum ini telah diluluskan pada 10 Ogos 2017. Di mana melalui pindaan Akta 164 yang lepas, yang telah diluluskan, fasal 88A telah pun dipersetujui untuk dikeluarkan dan telah pun diluluskan tanpa fasal 88A. Namun perkembangan selepas daripada akta tersebut diluluskan iaitu perkembangan kepada keputusan kes di Mahkamah Persekutuan iaitu kes Indira Gandhi yang mengatakan bahawa pengislaman anak oleh bapanya adalah tidak sah disebabkan oleh suatu yang saya kira masalah teknikal sebenarnya.

Namun demikian, satu kenyataan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkata pada Januari 29, 2018 saya *quote* dalam Bahasa Inggeris, "*In view of today's Court decision, which override all previous decisions, I'll bring the matter to the attention to the Cabinet.*" Jadi saya ingin menegaskan dan saya ingin mengulang berkait dengan suatu fatwa yang telah dikeluarkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang ke-87 pada Jun 2009, yang mengatakan bahawa, "Apabila salah seorang pasangan ibu bapa yang memeluk agama Islam, status agama anak-anak di bawah umur adalah Islam dan ia telah diterima dalam negara dan ini telah mengambil kira pandangan mufti-mufti kerajaan negeri yang seterusnya telah bermesyuarat pada 17 Julai 2017."

Maka saya dengan ini terus menegaskan dan meminta agar pihak kerajaan khususnya pihak JAKIM agar terus bertegas dan komited dengan fatwa yang telah dikemukakan oleh Majlis

Fatwa Kebangsaan dan juga pandangan-pandangan mufti kerajaan yang telah menerimanya, yang telah bermesyuarat pada tahun 2017 dan keputusan mahkamah yang pada Januari 29, 2018 saya kira ada sebab-sebab yang tersendiri yang sama sekali tidak boleh mengubah kepada keputusan Fatwa Kebangsaan tersebut.

Seterusnya, saya ingin beralih kepada topik saya yang kedua iaitu berkait dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Kita semua telah maklum bahawasanya kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri bagi Semenanjung telah pun diluluskan di Dewan Rakyat kelmarin. Kita juga maklum bahawa persempadanan tersebut adalah kali yang keenam yang telah dilaksanakan.

Saya kira dalam tempoh lat masa yang daripada yang sebelum ini pada tahun 2003 kali terakhir telah dibuat, 2018 seterusnya, lat masanya adalah 15 tahun. Sedangkan peruntukan perlembagaan menyatakan lat masanya adalah lapan tahun dan jika dilihat kepada persempadanan sebelum ini ia melibatkan lat masa 10 tahun dan juga sembilan tahun. Saya kira memang satu masa yang tepat untuk dibuat persempadanan baru bagi tujuan-tujuan yang telah ditentukan. Antaranya adalah dengan sebab perubahan geososial dengan sebab untuk memudahkan urusan pentadbiran pilihan raya dan sebagainya.

Namun demikian, sedikit rasa terkilan, bukan sedikit, banyak sebenarnya terkilan, dan berdukacita khususnya kelmarin perbahasan yang dibenarkan hanya 10 minit bagi seorang pembahas. Lima daripada pembangkang, 6 daripada pihak kerajaan. Ini bermakna 110 minit sahaja waktu perbahasan sedangkan kita membincangkan suatu perubahan untuk 15 tahun dan itu daripada sudut jangka masa. Akan tetapi kalau kita kira daripada sudut pertambahan pengundi sewaktu membentangkan persempadanan baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut pertambahan pengundi yang berdaftar adalah 8.34 juta sebelum ini dan pertambahannya ialah kepada yang baru, 11.38 juta pengundi. Lebih daripada dua, tiga juta pengundi pertambahan.

Maka perbahasannya adalah sangat pendek, sungguh terkilan kerana apabila perbahasan yang pendek, banyak perkara-perkara yang tidak dapat disentuh. Tentu sekali tidak direkod dalam *Hansard* dan tentu sekali tidak boleh dibuat pengiktibaran untuk persempadanan yang akan datang. Jadi saya mohon kerajaan melihat semula perkara-perkara tersebut supaya ianya tidak berulang pada masa yang akan datang.

Seterusnya, saya juga, berkait dengan persempadanan baru ini juga, saya ingin menyatakan rasa terkilan juga kerana persempadanan baru kali ini, kita faham tidak ada *two third majority* tapi sebenarnya *two third majority* tidak menjadi masalah sekiranya kita boleh bersetuju

dengan penambahan-pertambahan kerusi yang saya rasa, satu masa yang sangat perlu kepada penambahan-pertambahan kerusi khususnya bagi negeri-negeri.

■1150

Saya ambil di sini sebagai contoh, bagi Terengganu penambahan bilangan pengundi adalah 62.7 peratus daripada tahun 2003 sehinggalah tahun 2018. Bagi Selangor berlaku penambahan pengundi 51.8 peratus, manakala bagi Kelantan 43.5 peratus. Walaupun penambahan bilangan pengundi yang sebegini banyak, tidak ada penambahan kerusi DUN mahupun kerusi Parlimen. Jadi ini mungkin satu perkara yang perlu dipertimbangkan lebih wajar oleh kerajaan dalam siri persempadanan-persempadanan yang akan datang.

Seterusnya berkait dengan pengundi pos. PRU kali ini akan menyaksikan penambahan bilangan pengundi pos memandangkan penambahan sembilan lagi kategori undi pos. Sebelum ini kategori undi pos adalah SPR, polis, tentera dan penambahan yang baru ini melibatkan anggota Maritim, Jabatan Penjara, Jabatan Bomba, petugas hospital, sukarelawan polis dan juga sebagainya.

Isu yang saya ingin ketengahkan adalah apabila undi pos ini bertambah, sebenarnya undi pos sebelum ini biasanya dan saya punya pengalaman, undi pos ini sangat terpengaruh dengan pengaruh-pengaruh yang tidak wajar, yang boleh saya sebut, saya katakan sebagai *undue influence* dan undi pos sangat terdedah dengan penyelewengan. Contohnya, beli undi dan sebagainya. Saya boleh katakan juga undi pos ini boleh membawa kepada kurangnya kebebasan seseorang individu untuk mengundi secara bebas apa parti yang dia hendak.

Kenapa saya kata begini? Saya pernah berpengalaman sekali sebagai ketua tempat mengundi dan saya pernah juga terlibat dengan kawan-kawan saya yang menjadi kerani undi pos dan undi pos ini sebenarnya begitu senang untuk dibeli. Beli undi pos dan kerani itu sendiri kadang-kadang menanda dan memasukkan di dalam karung undi pos. Begitu senang.

Jadi saya tidak pelik sekiranya undi pos sampai di tempat pengiraan undi, memang majoriti pengundi-pengundi adalah di pihak kerajaan kerana undi pos ini sebenarnya sangat terdedah dengan *undue influence*, penyelewengan dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu bagi PRU yang lepas berapakah bilangan pengundi pos dan saya ingin tahu bilangan pengundi yang layak untuk mengundi pos bagi PRU13 dan juga bilangan yang layak untuk undi pos bagi PRU yang ke-14 dan saya pohon jawapan yang terbaik daripada pihak kerajaan. Kalau tidak boleh secara lisan, mungkin boleh secara bertulis.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini sebenarnya saya sudah kemukakan dan tapi saya tidak mendapat satu jawapan yang betul-betul memuaskan hati saya. Jadi saya mohon,

yang ini pun kalau tidak ada jawapan secara lisan, boleh bagi jawapan kepada saya secara bertulis. Sekali lagi saya hendak merujuk kepada kajian oleh Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM). Saya kira institut ini ditubuhkan oleh kerajaan dan dapatan ataupun hasil daripada kajian institut ini perlu menjadi satu platform bagi kerajaan memulihkan dan memperbaiki keadaan sebab ini berdasarkan kajian.

Jadi kajian yang ditubuhkan oleh kerajaan sendiri. Ia mengatakan peningkatan kos sara hidup berkait dengan struktur pengeluaran makanan negara adalah bersifat oligopoli di mana bekalan bahan mentah sepanjang rantai nilai pengeluaran makanan dipengaruhi secara langsung atau tidak langsung oleh beberapa firma bersaiz besar. Saya diulangi, ia dipengaruhi secara langsung atau tidak langsung oleh beberapa firma bersaiz besar.

Jadi saya mohon kerajaan nyatakan apakah senarai firma-firma bersaiz ini dan ia menjadi pengeluar kepada jenis makanan apa, adakah ia pengeluar beras, adakah ia pengeluar gula? Adakah ia pengeluar tepung-tepung gandum? Jadi, saya ingin juga tahu apakah tindakan kerajaan ke atas dapatan oleh kajian ini? Sebab saya kira kajian ini dibuat oleh institut yang ditubuhkan oleh kerajaan khusus untuk membantu kerajaan untuk melibatkan dengan makanan maka tentu sekali ia berkait dengan kos sara hidup rakyat dan saya suka tindakan kerajaan, saya gembira dengan tindakan kerajaan buat Program Jualan Sentuhan Hati Rakyat tetapi tentu sekali ianya bersifat jangka pendek, betul jangka pendek.

Apabila kerajaan mengambil tindakan seperti mana yang dibuat berdasarkan kajian-kajian yang lebih mendalam ini, saya kira kesannya adalah lebih jangka panjang dan lebih menyeluruh kepada semua rakyat Malaysia. Dengan demikian saya mengucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Haji Mohamed. Sekarang saya persilakan pula Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

**11.56 pg.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018. Secara ringkasnya, dua persoalan yang ingin saya kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan Perbekalan Tambahan ini.

Pertama, dalam bajet pengukuhan operasi pendidikan dan teknologi maklumat, sebanyak RM69 juta diperuntukkan untuk memastikan perkhidmatan dan bekalan teknologi maklumat di sekolah-sekolah untuk memantapkan akses ICT pelajar-pelajar. Soalan saya, bagaimanakah cara paling berkesan kerajaan memastikan bahawa sekiranya berlaku kerosakan alatan ICT dan rangkaian ICT di sekolah-sekolah luar bandar, apakah tempoh penyelesaian yang paling minima dapat dilakukan agar pembelajaran abad ke-21 tidak terganggu dan jurang digital pelajar desa dan bandar dapat dirapatkan.

Keduanya, bagi mengukuhkan aktiviti siasatan SPRM yang meliputi kerja-kerja siasatan yang melibatkan pengintipan, siasatan di luar negara dan program promosi Gerakan Revolusi Anti Rasuah dengan masyarakat dan NGO, apakah komitmen kerajaan dalam memastikan agenda menangani gejala rasuah dapat ditingkatkan. Ini amat penting kerana kita perlukan siasatan yang komprehensif dapat dijalankan dan tidak akan memudaratkan operasi SPRM. Begitu juga dengan Gerakan Revolusi Anti Rasuah, kita memerlukan sentuhan pegawai SPRM bagi memastikan seluruh warganegara dan kumpulan masyarakat menjauhi gejala rasuah yang tidak berintegriti. Sekian terima kasih, mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali.

**11.59 pg.**

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan keizinan untuk saya turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018. Tuan Yang di-Pertua, pada bahagian maksud P.14 bagi peruntukan tambahan pencen elaun bersara dan ganjaran. Kerajaan menambahkan peruntukan sebanyak RM661.44 juta bagi tujuan pembayaran pencen terbitan dan bayaran-bayaran tetap kepada pesara dan balu pesara.

■1200

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, bagaimanakah satu tinjauan dapat dilakukan terhadap bekas-bekas pesara penjawat awam yang bekerja dengan badan berkanun seperti Tenaga Nasional Berhad, Telekom dan juga KTMB dan Pos Malaysia yang diswastakan semasa era 1990-an, yang mana pada masa kini, pesara ini ada yang menerima pencen di bawah RM300. Saya ingin mendapatkan perincian kerajaan, bagaimanakah satu tinjauan dapat dilakukan dengan mengambil kira kajian semula dan bantuan kepada golongan ini

kerana mereka ini berkhidmat kurang daripada 25 tahun untuk melayakkan mendapat pencen minimum?

Yang kedua berapakah simpanan EPF mereka selepas mereka bersara terpaksa ekoran penswastaan daripada Tenaga Nasional baik KTMB, baik Telekom dan Pos Malaysia? Ketiga, berapakah gratuiti yang diperoleh oleh mereka semasa bersara dari perkhidmatan kerajaan pada tahun 1990-an?

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara B.25 saya dapati sebanyak RM150 juta diperuntukkan untuk Program Skim Penstabilan Minyak Masak (COSS). Saya mendapat rungutan dari orang ramai bahawa amat sukar untuk mendapatkan minyak masak subsidi. Soalan saya kepada kerajaan, berapakah jumlah pemborong dan pengilang minyak pada masa subsidi pakej satu kilogram dan satu botol kilogram? Berapakah perbelanjaan kerajaan bagi tahun 2017 bagi subsidi minyak masak ini? Yang ketiga, bagaimanakah dapat memperkenalkan kuota bagi setiap isi rumah agar kerajaan mengagihkan subsidi ini dengan lebih saksama dan mengelakkan ketirisan?

Saya juga ingin menanyakan kepada KPDNKK ini juga. Syabas saya ucapkan kepada kementerian dan kerajaan yang telah merombak semula Kedai Rakyat 1Malaysia kepada KR1M 2.0 untuk kepentingan rakyat dan juga kaedah mengawal kos sara hidup. Maka, soalan tambahan saya tadi juga merupakan cadangan kepada KR1M 2.0 ini ialah saya ingin mengetahui apakah kelayakan atau jenis lesen yang diperlukan untuk mohon sebagai peruncit KR1M 2.0 ini?

Tuan Yang di-Pertua, pada maksud B.6 Jabatan Perdana Menteri, kerajaan memberikan peruntukan tambahan emolumen, tambahan anggota APMM. Ini penting kerana APMM terlibat dengan aktiviti luar jangka seperti penguatkuasaan dan penyelamat. Soalan saya kepada kerajaan apakah kos kerja-kerja penyelamat bagi kes-kes kemalangan maritim di perairan negara dapat dituntut kepada pihak insurans yang menginsuranskan kapal dan bot yang terlibat dalam kemalangan? Bagaimanakah cara terbaik untuk kerajaan memastikan kos penyelamat dapat di minimumkan agar beban kewangan kerajaan lebih minimum pada tahun 2018? Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

### ■12.03 tgh.

**Dr. Nuing Jeluing:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sebab memberi saya peluang berbahas Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2017. Bahas saya



adalah dalam bentuk pertanyaan. Mula-mula, apa sebab perlu tambahan ini? Pertambahan ini untuk projek baru kah atau yang sedia ada? Kalau yang sedia ada, apa sebab perbelanjaan ini tidak dimasukkan dalam bajet tahun 2017?

Saya mahu menyentuh B.63 peruntukan untuk Kementerian Pendidikan. Jumlah yang dimasukkan di sini ialah jumlah yang besar iaitu RM891 juta dan dari jumlah itu, RM522 juta untuk memperbaiki asrama sekolah dan utiliti. Seperti mana kita tahu di Sarawak, kebanyakan sekolah-sekolah di luar bandar yang sangat daif. Justeru itu, saya minta Kementerian Pendidikan mengagihkan jumlah yang sering disebut di Sarawak RM100 juta untuk memperbaiki sekolah yang daif di luar-luar bandar Sarawak.

Berkenaan dengan utiliti, saya juga mahu menyoal Kementerian Pendidikan. Di kawasan-kawasan yang sekarang ada sambungan jana kuasa elektrik, mengapa sekolah-sekolah di luar bandar itu masih menggunakan jana kuasa generator, memakai diesel? Saya sangat terkejut sekali sebab di beberapa kawasan luar bandar sekarang sudah ada sambungan jana kuasa elektrik. Akan tetapi pihak sekolah di Sarawak mengatakan dia masih sambung pakai itu generator diesel yang lebih mahal lagi, kalau dibandingkan dengan jana kuasa elektrik. Saya minta jawapan dari Kementerian Pendidikan, apa sebab dia sambung pakai generator memakai diesel dan tidak menyambung dengan jana kuasa elektrik yang sedia ada? Dari jumlah yang dipinta itu, RM7.1 bilion ini kalau kita banding dengan bajet tahun 2017, berapa peratusan jumlah ini dan adakah jumlah ini tidak menjejaskan kewangan negara?

Saya juga mahu merujuk kepada B.42 Kementerian Kesihatan. Ini ada peruntukan tambahan RM479 juta. Kelmarin Kementerian Kesihatan ada menyatakan satu hospital di Sarawak iaitu Hospital Petra Jaya, Kuching adalah sakit. Bukan orang yang sakit, tetapi hospital yang sakit. So, saya mohon peruntukan ini kalau dapat diagihkan untuk menyembuhkan hospital yang sakit ini dengan secepat mungkin. Dengan itu, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Saya minta pula Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

■12.09 tgh.

**Datuk Paul Igai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang lagi untuk mengambil bahagian dalam membahaskan untuk belanjawan tambahan untuk tahun 2017. Seperti kita tahu tadi, belanjaan tambahan ini adalah merangkumi belanjaan mengurus ialah RM7.122 bilion dan pembangunan RM1.052 bilion dan semuanya total RM8.2 bilion.

**■1210**

Memanglah kita tahu ini hanya prosedur *accounting*. Nanti kemungkinan besar hasil negara kita akan disimpan. Bajet tambahan ini memanglah perkara biasa. Kadang-kadang dalam setahun kita ada dua tiga bajet, *supplementary budget* atau *mini supplementary budget*.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh dua tiga perkara ialah satu tadi kita dengar Bajet SPR RM82 juta. Saya harap peruntukan ini mencukupi untuk SPR menjalankan tugas sebelum, semasa dan selepas pilihan raya akan datang. Kita minta kerjasama semua pihak untuk dalam masa pilihan raya akan datang kerana mata dunia akan melihat kita, akan fokus kepada kegiatan kita dalam pilihan raya.

Kedua, peruntukan kepada Kementerian Luar Negeri. Peruntukan tambahan untuk Kementerian Luar Negeri B.13. Saya setuju tambahan bajet untuk duta negara kita di luar negeri untuk menempatkan pegawai, khasnya Pegawai Ekonomi dan Perhubungan Awam untuk menjaga nama negara kita. Kita tahu hari ini banyaklah berita-berita palsu dan juga untuk memperkasakan hal pembangunan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Tujuan ini untuk kita menjaga pelajar-pelajar kita di luar negeri kita takut mereka dipengaruhi oleh elemen-elemen tidak tentu. Saya minta pertambahan belanja ini RM1.55 juta pun saya fikir tidak cukup. Juga keselamatan duta kita dan untuk pegawai kita di luar negeri. Kita difahamkan juga ada rumah duta kita di Venezuela dan Santiago kena pecah masuk oleh orang tertentu. Jagalah keselamatan pegawai kita di luar negeri.

Ketiga, Kementerian Pertanian dan Asas Tani. Saya tahu tidaklah ada tambahan tadi untuk terutama Kementerian Pertanian dan Asas Tani tetapi saya mencadangkan tentang penambahan bajet kepada Kementerian Pertanian dan Asas Tani mungkinlah tahun 2018 itu nanti. Saya mencadangkan tambahan banyak lagi untuk pengusaha tanaman *cash crop* dengan izin selain dari menambahkan kepada pengusaha Musang King.

Saya mencadangkan kepada penyelidikan kesesuaian tanah untuk beberapa tanaman yang boleh membawa hasil munasabah selain dari Musang King tadi. Bukanlah saya cakap Musang King tidak bagus ataupun kelapa sawit tidak bagus tetapi kita mestilah cari *cash crop* yang lain.

Menyentuh RM685.5 juta kepada subsidi dan insentif untuk pengeluaran padi. Saya akan tanya adalah kajian tentang kesesuaian baja yang di bekal itu mengenai kualiti dan kesannya dengan menatapi dengan keadaan cuaca atau kesesuaian isi tanah. Soal saya, siapalah atau agensi mana menjalankan kajian itu mungkin sudah ada atau belum.

Akhir sekali bajet tambahan khas kepada APMM. Tuan Yang di-Pertua memanglah pada tahun lepas kerajaan sudah meluluskan lebih daripada RM1 bilion untuk melengkapi APMM dengan kapal-kapal baru dan sebagainya. Ini kerana hari ini kita perlu pemantauan rapi di sekitar perairan kita di Selat Melaka dan perairan Laut China Selatan dan di perairan Sulu di Sabah dan Sarawak. Bila kita cuai dalam penjagaan perairan atau *coastal*, dengan izin, pencemaran pulau-pulau atau batu karang kita akan dimusnahkan kerana kegiatan perikanan haram pada *troller boat*, dengan izin, bom lebih lagi itu dikerjakan oleh nelayan asing.

Kegiatan itu akan merugikan negara dalam kehilangan hasil perikanan kita. Kita akan rugi besar bila kita tidak ada pemantauan di perairan kita. Mungkin dalam bajet tahun depan saya mohon kita dapat menambahkan peruntukan kepada APMM untuk melengkapi aset-aset baru di perairan di sekitar Sarawak. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Seterusnya, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook. Dipersilakan.

#### 12.16 tgh.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Jadi, biasanya kalau kita dengan ahli keluarga ini yang mana kita sayang kita tegurlah. Jadi, saya ini sayang kepada Kementerian Dalam Negeri sebab itu saya hendak tegur Kementerian Dalam Negeri ini. Izinkanlah saya untuk membangkitkan beberapa perkara yang saya sentiasa bangkit tetapi belum lagi mendapat respons yang sepatutnya. Ini kerana saya menjangkakan benda ini tidak sepatutnya menjadi isu besar yang boleh dilaksanakan tetapi setakat ini belum lagi mencapai apa yang saya hasratkan.

Jadi pertama sekali ialah tentang anak-anak yang bukan warganegara. Saya yang saya wakili ini masyarakat Siam ramai lagi yang *ketegaq* yang pergi kahwin dengan wanita luar negara. Ada yang sampai ke Laos, Myanmar, Thailand itu tidak usah kiralah. Jadi, orang Siam ini *international*. Akan tetapi, saya rasa bukan setakat orang Siam keturunan lain pun, bangsa lain pun ada juga ke luar negara. Jadi, masalahnya ialah apabila mereka berkahwin mereka lupa untuk mendaftar perkahwinan. Itu cerita lamalah. Masalahnya ialah apabila mereka menghasilkan anak, anak itu telah didaftarkan sebagai bukan warganegara.

Jadi, isu yang timbul ialah apabila mereka pergi ke sekolah, mereka tamat sekolah, mereka hendak naik kapal terbang kadang-kadang hendak naik bas atau ditahan polis. Mereka tidak ada dokumen terutama yang remaja ini hendak tunjukkan bahawa mereka ini siapa. Kalau

kita, kita ada IC mereka tidak ada. Ada setengah itu terpaksa bawa, usung surat beranak untuk buktikan mereka ini ada dokumen. Kalau tidak nanti jadi PATI. Jadi, saya rasa kita tidak kehilangan idea untuk menyelesaikan isu ini. Kalau setakat hendak gunakan peraturan memang boleh tetapi peraturan disediakan untuk kita jadi panduan. Selagi kita tidak langgar peraturan, saya rasa kita boleh laksanakan.

Kita ada macam-macam di pentadbiran kerajaan sekarang. Kita ada N-BOS, kita ada *task force*, macam-macam dan mereka ini digalakkan untuk *think out of the box*. Saya tidak pastilah besar mana kotak yang ada sekarang ini. Akan tetapi, tolonglah keluar daripada kotak dan kita buat sesuatu demi kebaikan warga yang sedang ada di negara kita. Ini kerana kalau kita tidak buat apa-apa mereka akan ada di sini. Mereka tidak boleh keluar, mereka tidak akan keluar, mereka ada bapa orang Malaysia. Mereka rasa mereka berhak untuk duduk sini, mereka telah bersekolah di sini terutamanya.

#### ■1220

Jadi kalau sudah umur 18 tahun, hendak ke mana mereka ini. Kerja pun tidak boleh sebab tidak ada dokumen. Hendak balik ke negara asal, negara Laos atau Vietnam mereka tidak tahu bahasa. Hendak kerja pun tidak boleh. Jadi kita ada gajah sebesar gajah di dalam bilik tetapi kita buat tidak nampak. Gajah itu akan pijak kita menjadi rakyat Malaysia yang ada ilmu tetapi tidak boleh digunakan sepenuhnya. Kita tidak memanfaatkan orang ini. Sedangkan kita bawa masuk pekerja asing ramai. Kenapa tidak kita gunakan rakyat kita yang berpengetahuan dan berpendidikan di Malaysia ini untuk dimanfaatkan oleh negara kita.

Saya rasa Kementerian Dalam Negeri ada data berapa ramai mereka ini dengan *age profilnya*, dengan izin, dengan bilangannya dan demografinya, semua ada. Di mana mereka berada sekarang ini, sekolah dekat mana dengan kerjasama Kementerian Pendidikan. Itu hari saya pergi ke Kementerian Pendidikan, mereka ada data. Kanak-kanak ini bukan warga negara, keturunan sekian-sekian, duduk di sekolah sekian-sekian, tingkatan berapa, semua ada. Kalau kita boleh ada maklumat tersebut, boleh kita duduk bersama. Adakan *N-BOS Think Tank, whatever*, dengan izin, apa sahaja cuba selesaikan.

Kalau undang-undang tidak membenarkan dengan cara tertentu, mungkin kita fikir cara lain. Contoh katakan bapanya orang Malaysia, kita tidak pasti anak ini betul ke anak si Mamat ini. Ada dengan ujian DNA kita boleh pakai. Kita boleh gunakan pengesahan bersumpah oleh ketua kampung, penghulu, wakil rakyat, sesiapa saja boleh digunakan untuk membuktikan betul-betul orang ini bukannya dibawa semalam datang sini. Memang lahir di sini, bapanya orang sini. Semua kita boleh buat.

Jadi saya pun sudah bangkitkan benda ini banyak kali tetapi saya masih lagi belum berputus asa. Selagi ada ruang kita akan cuba. Saya hendak pujuk, hendak rayu kepada Kementerian Dalam Negeri cubalah kita fikirkan sesuatu yang terbaik kerana kalau tidak kita rugi potensi orang-orang ini. Mereka sepatutnya jadi harta kepada kita, menjadi beban pula sebaliknya. Ini kerana kita tidak memanfaatkannya.

Jadi kalau katakanlah mereka ini menjadi ancaman kepada negara, kita boleh buat analisis berapa orang kanak-kanak ini, dia punya *tendency* ke mana. Adakah mereka ini berfikiran kalau katakan emaknya daripada Thailand, adakah mereka berketurunan orang yang akan mengancam negara Malaysia. Kita boleh buat analisis. Ada semua alat dan ada semua, yang mana patut bagi, kita bagi. Manakala yang mana tidak patut bagi, kita buat lah sesuatu. Jadi saya ingin menyeru dan mengajak Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran dan dalam bahasa Inggerisnya *let's sit down and have a cup of coffee and do something about it*.

Kedua ialah tentang Kementerian Dalam Negeri juga tentang permohonan kewarganegaraan. Saya ini kalau ke kampung, saya kadang-kadang hendak masuk kampung pun jadi susah hati kerana perkara pertama yang akan ditanya oleh orang kampung ialah bapa saya itu sudah berumur 80 tahun. Sudah minta IC merah dulu, ini IC biru, sudah berkali-kali tidak dapat. Yang Berhormat Senator tidak boleh tolong ke? Saya garu kepala sebab saya tidak boleh tolong. Bukan kuasa saya, saya cakap. Akan tetapi tidak akanlah Pak Cik ini lahir di sini, adik-beradik ada sini, semua ada sini yang dia punya adik-beradik ada IC biru. Dia seorang saja terlepas. Saya pun jadi susah hati.

Jadi saya duduk fikir. Kenapakah benda ini tidak dibolehkan? Kalau Pak Cik itu umur 80 tahun, tentu anaknya katakan ada 5 orang. Cucunya kali dengan 4, 20 orang. Dalam itu kita lebih kurang ada 25 hingga 30 orang pengundi yang boleh menyebelahi pihak kita. Kalau kita bagi IC kepada pakcik tua umur 80 tahun ini, dia tidak boleh buat apa sudah. Paling tinggi pun kerajaan kena bagi BR1M dekat dia saja. Akan tetapi kesan kebaikannya itu 20 hingga 30 pengundi akan ke kita.

Kalau kita tidak buat, satu keluarga itu akan mengutuk kerajaan. Apalah kerajaan. Pakcik tua macam ini duduk 80 tahun dekat sini, bagi IC pun tidak boleh bagi. Saya susah hendak jawab bagi pihak kerajaan. Saya hendak merayu sekali lagi, Kementerian Dalam Negeri buatlah sesuatu. Carilah jalan untuk kita selesaikan masalah yang memang ada depan mata. Kita tidur pun duduk situ, kita bangun pun dia akan di situ. Dia tidak akan ke mana. Kita buat tidak tahu saja.

Satu perkara lagi ialah tentang proses mendapat kewarganegaraan ini. Saya tahu prosedurnya panjang dengan *interview*-nya. Tentang *interview* ini saya hendak bangkit sesuatu. Saya pernah jumpa seorang makcik umur 74 tahun. Bila *interview*, dia suruh Makcik itu datang ke Kuala Lumpur, Putrajaya daripada Padang Terap. Kampung saya tidak ingat tetapi di daerah Padang Terap. Bayangkan Makcik itu hendak datang sini ke Putrajaya untuk *interview* saja sedangkan pegawai muda daripada KDN umur 25 tahun sampai 30 tahun dengan mudahnya pergi ke sana.

Sekiranya kalau seorang itu tidak memadai kosnya, kenapa tidak disusunkan 30 sekali makcik yang hendak di *interview*? Sekali pergi saja daripada bawa makcik itu. Makcik itu tidak akan datang seorang. Bawa anak dia, rugi masa dia. Itu belum tentu lulus. Tidak apa. Itu hal dia lulus, tidak lulus. Akan tetapi *the process* itu. Saya hendak dia nampak macam saya kadang-kadang sebab saya bekas pegawai kerajaan juga. Dengan anak buah saya kata macam ini lah. Kita jangan bagi nampak kita ini tidak cerdik hendak buat kerja.

Oleh sebab itu pegawai, saya bukan hendak kata pegawai. Saya kata saya dengan pegawai saya dulu. Kita ini diberi tugas kerana kita lulusan universiti, diberi tugas di mana yang menggunakan budi bicara. Oleh sebab itu diberi kerja itu kepada pegawai, bukan kepada yang lain-lain. Jadi gunalah budi bicara dengan terbaik. Jadi cubalah cari jalan yang terbaik untuk tersebut.

Satu perkara lagi ialah tentang temu duga ini. Temu duga kewarganegaraan memanglah untuk membuktikan bahawa kita sudah taat setia kepada negara Malaysia negara kita dan tahu semua tentang negara kita. Akan tetapi sayangnya, bila kita buat *interview* tersebut, kita lupa bahawa makcik itu duduk di kampung. Kerjanya menoreh hari-hari. Balik menoreh, dia beli ikan, goreng ikan, makan, tidur apa semua dan esoknya pergi menoreh. Jadi ilmu dia yang diperlukan untuk hidup hari-hari adalah terhad. Dia tidak merangkumi pengetahuan tentang rukun negara dan tentang pentadbiran negara.

Jadi saya rasa elok kita cari cara jalan lain untuk menguji taat setia, keupayaan dia untuk mengongsi Bahasa Malaysia dengan cara lain. Terutama kepada mereka yang duduk di hulu-hulu sana. Ini kerana kalau tidak nanti kita akan jumpa jalan buntu. Pegawai pergi, "oh makcik ini gagal Bahasa Melayu." Tentulah gagal sebab mereka tidak pakai. Jadi kalau katakan kita ada *syllabus* tertentu yang mereka perlu belajar, mereka boleh jadi panduan. Semua orang boleh ajar dia. Macam ke sekolah. Dari darjah satu sampai ke universiti semua ada *syllabus*. Ini yang dia belajar dan inilah rangkuman yang perlu diperiksa. Jangan pula pelajar kedoktoran *medical* ini tanya fasal aeroangkasa. Itu tidak betullah.

Jadi ini pun lebih kurang macam itulah. Makcik tidak tahu apa tentang rukun negara sebab dia tidak perlu pun. Dia tidak tahu pun itu perlu diketahui. Jadi kalau kita hendak dia bagi dia tahu rukun negara, kita letakkan ini satu sampai 300 perkara yang hendak mesti tahu. Nanti kita *interview* mana-mana satu. Macam lesen memandu. Ada beratus-ratus soalan. Mana-mana hendak pilih terpulanglah. Jadi kita perlu adil dan perlu gunakanlah budi bicara yang terbaik kerana kita sepatutnya berbuat demikian.

Satu perkara lagi tentang rakan yang saya sayang, Kementerian Dalam Negeri ialah tentang permohonan saya untuk KDN mengiktiraf *Malaysian Sami Buddhist Monk Organization* sebagai badan untuk memperakui atau menyokong permohonan pas lawatan ikhtisas untuk sami-sami dari Thailand datang ke Malaysia untuk berkhidmat di wad-wad untuk mengajar bahasa Thai. Saya tidak pasti kerana sudah agak lama pengumuman tersebut. Saya harap Kementerian Dalam Negeri tolong tengok kan lah apakah masalah sebenarnya kalau tidak dapat diluluskan. Sekiranya perlu maklumat lanjut, saya boleh bantu untuk mendapatkan maklumat tersebut.

#### ■1230

Sekiranya tidak lulus, saya pun mahu tahulah, kenapa. Ini kerana, Pas Lawatan (Ikhtisas) amat diperlukan untuk sami-sami daripada Thailand untuk datang ke Malaysia untuk duduk di Wat untuk tempoh masa yang lebih lama untuk mengajar Bahasa Thailand kepada anak-anak masyarakat Siam setempat. Jadi, tolonglah semak kan. Jadi, itu tiga perkara untuk KDN, itu dululah. Nanti sesi akan datang pula sudah habis modal pula.

Okey, saya mahu menyentuh juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Di kampung-kampung semua, sekarang ini harga getah pun teruk. Ini sebab apa? Oleh sebab mereka hanya tanam getah, harga getah jatuh, mereka bising sebab kerajaan tidak buat sesuatu untuk naikkan harga getah. Hal ini kerana, mereka tidak tahu bahawa adalah mustahil untuk kerajaan membantu setiap benda yang apabila harga jatuh. Akan tetapi, tidak apa. Itu kita biarkan agensi yang berkenaan untuk menguruskannya.

Apa yang saya ingin bangkitkan dekat sini ialah setakat manakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membantu orang ramai, terutamanya di kampung untuk mendapat pendapatan tambahan daripada aktiviti lain? Contohnya, pertanian selingan tidak silap saya ataupun aktiviti pertanian seperti ternakan. Jadi, soalan saya adalah, apakah langkah yang telah dilakukan oleh kementerian untuk memaklumkan kepada petani, aktiviti-aktiviti yang mereka boleh lakukan untuk mendapatkan pendapatan tambahan?

Saya boleh agak jawapannya. Akan tetapi cubalah bagi jawapan yang lebih kreatif lah. Ini kerana saya pun dulu di Kementerian Perladangan dan Komoditi. Jadi, jawapan skema itu

saya sudah tahu. Carilah jawapan yang bukan skema, lebih kreatif. Setakat manakah petani-petani ini mendapat maklumat daripada Jabatan Pertanian yang ada *on the ground*? Ini kerana, saya dapati bahawa ada Jabatan Pertanian itu, orang kampung tidak kenal pun ada Jabatan Pertanian di tempat mereka.

Jadi, saya harap dan saya mahu minta Jabatan Pertanian ataupun Kementerian Pertanian untuk melakukan sesuatu supaya fungsi Jabatan Pertanian di tempat masing-masing itu dimanfaatkan oleh orang kampung. Ajarlah mereka untuk aktiviti yang lebih mendapatkan faedah, selain daripada bagi bantuan-bantuan baja, apa semua. Kerana saya nampak salah satu fungsi agensi kita di lapangan ialah untuk memberikan khidmat nasihat kerana mereka adalah orang terpelajar yang telah pergi ke universiti dan kolej tentang pertanian. Sepatutnya, mereka boleh memberikan nasihat kepada petani bahawa cara penanaman itu satu, akan tetapi teknik untuk meningkatkan pendapatan ialah satu lagi yang perlu diajarkan kepada mereka.

Jadi, saya harap kedua-dua kementerian itu menggunakan peruntukan yang di pohon ini, banyak juga, untuk meningkatkan fungsi dan juga memaksimumkan manfaat kepada rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook. Terima kasih banyak, ucapan yang baik. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, dipersilakan.

**12.33 tgh.**

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2018 yang mana sebanyak RM7.12 bilion peruntukan untuk menyokong perbelanjaan mengurus yang melibatkan 11 buah kementerian dan Jabatan Perdana Menteri. Dalam bajet tambahan ini, sebanyak hampir RM685.5 juta diperuntukkan untuk subsidi padi, baja dan insentif pengeluaran padi bagi tahun 2018.

Persoalan yang ingin saya kemukakan adalah, apakah dengan penambahan subsidi padi, baja dan insentif pengeluaran padi ini akan meningkatkan pengeluaran padi negara dan memastikan pergantungan Malaysia kepada bekalan padi import dapat dikurangkan secara signifikan?

Kedua, apakah status pengeluaran padi di Projek Jelapang Baru, Pekan Pahang sehingga tahun 2017?



Ketiga, bagaimanakah prestasi pengeluaran padi yang disumbangkan ke negeri Selangor pada tahun 2017 dan apakah perancangan strategik kementerian untuk memastikan pengeluaran padi di Selangor menjadi tunjang utama pengeluaran padi di Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perkara B42, kerajaan memberikan bajet tambahan bagi emolumen bagi pembangunan kesihatan keluarga sebanyak RM352.2 juta. Soalan saya kepada kerajaan, yang pertama, bersesuaian dengan Tahun Memperkasakan Wanita Tahun 2018, berapakah peruntukkan yang diberikan untuk menampung kos perubatan bagi kes-kes penyakit kritikal golongan wanita seperti kanser pangkal rahim dan kanser payu dara? Bagaimanakah bantuan yang boleh diberikan kepada pasangan yang tidak mempunyai anak untuk menjalankan rawatan dan pembedahan bagi rawatan kesuburan?

Ketiga, bagaimanakah pendekatan kerajaan dalam memastikan pemantauan perubatan ke atas taska-taska diperhebatkan bagi memastikan kesihatan anak-anak dapat dipelihara dengan baik?

Seterusnya saya mohon kepada Jabatan Pendidikan, kebetulan sekolah saya di Sekolah Kebangsaan Dengkil, tempoh hari terbakar. Kemudian itu, sekarang ini sudah buat bangunan tetapi malangnya kerusi dan meja tidak ada. Jadi, saya mahu minta kepada Kementerian Pendidikan supaya menyediakan kerusi dan meja di sekolah berkenaan. Sekolah Kebangsaan Dengkil, dan beberapa sekolah di Sepang terdapat murid yang ramai tetapi dewan pun tidak ada. Jadi, saya minta, ada dua sekolah, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Changgang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut. Itu sahaja daripada saya. Saya mohon untuk menyokong RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Dipersilakan.

### **12.38 tgh.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2018. Dalam perkara ini, saya akan sentuh beberapa kementerian iaitu Kementerian Kesihatan. Saya amat bersetuju jika Kementerian Kesihatan diberikan peruntukan tambahan kerana kita lihat kalau di sekolah-sekolah diberikan peruntukan untuk menaik taraf, baik pulih kerosakan atau sekolah-sekolah yang terlibat dengan bencana

alam, ada peruntukan. Akan tetapi Kementerian Kesihatan kita lihat, klinik-klinik desa terabai, tidak seperti sekolah-sekolah yang di bawah Kementerian Pendidikan. Jadi, saya minta dengan adanya peruntukan tambahan ini, saya minta Kementerian Kesihatan adakan peruntukan untuk baik pulih atau naik taraf semua klinik-klinik luar bandar yang ada di Malaysia ini.

Kemudian yang kedua, saya hendak sentuh juga soal Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Dengan perubahan dunia sekarang ini.-

■1240

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat berhubung dengan peruntukkan untuk hospital-hospital. Saya pernah bercakap di Dewan yang mulia ini juga supaya hospital-hospital kita itu dipilih sesetengahnya untuk dikhususkan kepada *rehabilitation center* kita untuk anak-anak kita yang penyakit dadah. Ini kerana *rehabilitation center* yang ada sekarang Yang Berhormat, contoh saya bagi di Johor hanya boleh dimuat 500 orang yang dikelolakan AADK. Akan tetapi kalau Yang Berhormat pergi di sana sekarang dia memuatkan lebih kurang 1,002 orang bayangkan bila air untuk 500 orang dimasukkan 1,002 orang.

Bayangkan betapa kotornya anak-anak kita di situ, ini bukan *criminal*, ini pesakit. Mereka ini adalah pesakit, tidak akan ada anak-anak kita yang berminat hendak mengambil dadah, mereka ini adalah pesakit. Dia *stress at home*, dengan izin, kerana masalah keluarga, masalah pelajaran, masalah itu dan ini, mereka mengambil dadah dan mereka menjadi pesakit Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, kalau boleh peruntukkan itu saya minta Yang Berhormat masukkan dalam teks Yang Berhormat supaya diwujudkan, dipilih bukan semua kerana kita tengok sesetengah hospital yang ada sekarang ada bangunannya yang kosong tidak dipakai. Saya tengok di Hospital Yan tempat saya itu ada satu blok yang tidak dipakai langsung, diletakkan barang-barang, ular senduk pun ada dalam itu.

Jadi, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim kerana peka dengan kedudukan kewangan untuk hospital ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan sila sambung.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah yang begitu peka juga mengenai hospital. Memang hospital ini, saya selalu cakap negara hendak maju rakyat kena sihat. Macam mana negara hendak maju kalau rakyat tidak sihat?

Jadi kelengkapan dan mutu hospital ini, saya amat setuju dengan Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah supaya Kementerian Kesihatan boleh lihat mana-mana keperluan yang perlu kementerian fikirkan. Macam tadi, kalau tempat itu hanya untuk 500 orang muat seribu orang, saya tidak boleh bayangkan dalam itu pun tidur lintang pukang, tandas pun tidak mencukupi dan itu kotor.

Benda ini pun pernah berlaku. Saya tengok kalau sudah *crowded* sangat memang buang najisnya tidak teratur terbiar dan saya amat bersetuju kalau Kementerian Kesihatan melihat hospital-hospital yang terpilih supaya peruntukkan tambahan ini dimasukkan. Ini supaya *crowded* ataupun masalah yang berlaku yang boleh mengganggu-gugat kesihatan penduduk ini boleh di kawal atau boleh di selesaikan.

Hospital ini, saya dahulu Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital. Bila kita hendak minta bajet, tiada bajet. Tidak cukup. Macam Hospital Lati di Pasir Emas itu, bila hujan banjir dan tenggelam. Jadi jika kita minta buat longkang pun tiada bajet. Jadi saya mintalah Kementerian Kesihatan tolong *alert* mana-mana hospital yang difikirkan perlu tolong berikan keutamaan supaya tugas hospital untuk melahirkan generasi yang sihat akan tercapai dan untuk menuju ke negara maju. Kedua, Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini. Ada lagi?

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Okey.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih, saya ada sedikit berkenaan dengan hospital sebelum Yang Berhormat pergi ke isu lain iaitu imej nya hospital-hospital kerajaan. Kalau sebut hospital kerajaan, ini bukan semualah dia ada nampaklah imejnya lambat, tunggu lama, tidak cukup doktor, tidak cukup peralatan, itu, ini dan sebagainya. Imej itu, yang kadang-kadang ada sesetengah orang tidak mahu pergi hospital kerana terlalu lambat.

Khususnya, misalnya hospital di Kota Bharu pergi pada pukul 9 pagi, sampai pukul 11, pukul 12 tidak boleh masuk lagi kerana terlalu lama menunggu. Jadi kalau si sakit itu menghadapi masalah yang berat hendak tunggu lama-lama ini satu masalah. Saya juga mencadangkan kalau boleh pihak kementerian cubalah ikhtiar supaya masa menunggu itu tidak begitu lama dan janganlah lagi imej hospital kerajaan ini maknanya tidak cukup itu, tidak cukup ini, tidak cukup doktor dan sebagainya.

Jadi, saya juga ingin tahu jumlah doktor yang diperlukan sekarang ini berapa sebenarnya untuk memenuhi keperluan supaya tidak terlalu lama, tidak terlalu lambat. Saya ingin mencadangkan kalau boleh hospital ini kena ada bintang macam hotel, perlu letakkan bintang

dalam auditnya, hospital ini bintang dan sebagainya supaya ada peningkatan dan dari segi perkhidmatan hospital. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Sebenarnya apa yang ditanya Yang Berhormat itu kena tanya Menteri. Saya tidak boleh jawab itu, berapa doktor kena ada dan masa, itu kena tanya Menteri Kesihatan. Saya tidak boleh jawab, nanti saya jadi Menteri saya boleh jawablah.

Kedua tadi SKMM, Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Dunia tanpa sempadan sekarang ini dan memberi peluang kepada anak-anak muda tentunya di luar bandar memerlukan menara-menara atau *tower* yang boleh membekalkan internet.

Saya hendak mintalah dalam peruntukan tambahan ini, semalam dalam persempadanan semula DUN Chetok sudah masuk dalam Parlimen Rantau Panjang. DUN Meranti keluar masuk DUN Chetok, saya tengok DUN Chetok dari segi *internet line* memang *very poor* tidak ada. Jadi dalam peruntukkan tambahan ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia supaya memasukkan DUN Chetok ini didirikan lima atau enam menara untuk memberi kemudahan kepada anak-anak muda terutamanya kepada mahasiswa-mahasiswa masa balik itu boleh memberi persediaan membekalkan *internet line* jalur lebar kepada anak-anak muda dalam DUN Chetok ini terutamanya.

Jadi, saya minta dalam bajet tambahan ini Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia memberi peruntukkan untuk membina *tower* jalur lebar, *tower internet* ini di DUN Chetok. Sekurang-kurangnya tujuh ataupun sembilan menara untuk beri kemudahan kepada DUN Chetok yang baru masuk dalam Parlimen Rantau Panjang. Kepada Kementerian KPDNKK saya minta dalam...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya minta Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim masukkan soal multimedia ini iaitu – Yang Berhormat beri saya ruang kah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tidak duduk lagi Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Macam marah sahaja *[Ketawa]*

**Tuan Ramli bin Shariff:** Macam tidak bagi laluan sahaja... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta boleh atau tidak Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim memasukkan isu internet ini iaitu memberi satu manfaat kepada pengguna-pengguna kita terutama sekali di

kawasan luar bandar. Bolehkah pihak kementerian memikirkan langkah ataupun jalan bagi anak-anak muda ini dengan memberi inisiatif kepada mereka untuk membuat ataupun *develop apps* yang baru di mana ia memberi satu pulangan komersial kepada pengguna-pengguna internet selain daripada pengguna dari segi aktiviti sosial? Boleh atau tidak dikomersialkan dengan memberi insentif yang baik kepada pengguna-pengguna internet di kawasan luar bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah sedikit lagi Yang Berhormat. Sedikit lagi dan Yang Berhormat sudah duduk.

■1250

Itu satu soalan Yang Berhormat, macam Yang Berhormat Menteri pula. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kepada pemasangan-pemasang internet ini. Telekom Malaysia, Maxis, Digi dan sebagainya. Mereka mempunyai masalah yang sebenarnya Yang Berhormat. Ini kerana tidak dapat masuk kampung, kerana kadang-kadang tempat yang mereka hendak meletakkan *disc-disc* khususnya untuk internet ini, tidak ada tempat.

Oleh sebab itu kita tengok sesetengah kampung mereka letak di minaret-minaret masjid. Jikalau boleh saya hendak cadangkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya diperbanyakkan menggunakan minaret-minaret masjid ini. Ini kerana masjid mendapat *income* daripada situ. Sewaan daripada itu, supaya aktiviti-aktiviti masjid dapat diserlahkan kerana kadang-kadang *Local Council* ini, kita hendak menggunakan bangunan mereka, mereka *charge*. Kadang-kadang mereka tidak bagi, kadang-kadang bahan-bahan pelancongan katanya. Yang Berhormat kalau kita *Local Council* ini memberi percuma kepada *Telekom, Maxis* dan sebagainya ataupun bayaran yang rendah, saya rasa akan menyeluruhlah internet-internet ke seluruh kampung.

Jadi saya minta kepada Yang Berhormat, supaya memberi pertimbangan, macam minta kepada Yang Berhormat Menteri. Memberi pertimbangan kepada *local-local council* ini supaya sama-sama kita- jangan berkira sangat dengan syarikat-syarikat ini. Syarikat ini memang mereka mencari keuntungan, tetapi untuk rakyat mereka perlu mempertimbangkan sewaan-sewaan mereka, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Banyak soalan pula. Saya hendak berterima kasih kepada saudara Tuan Ramli bin Shariff ini, supaya internet ini di komersialkan. Yang saya nampak di kampung sekarang ini, banyak *online business* menggunakan *business online*. Ini terbaik untuk anak-anak muda, sebab *online business* ini terbaik. Kalau ada kedai, cuma tunggu

pelanggan datang ke kedai. Kalau *online business* ini memang baik. Jadi saya sangat setuju dan saya minta perkara ini dikomersialkan, diperluaskan supaya memberi peluang dan ruang kepada anak-anak muda untuk mencebur diri dalam perniagaan.

Kepada Dato' Haji Mohd Suhaimi tadi saya juga hendak minta Kementerian Komunikasi dan Multimedia lah supaya permudahkan benda ini, supaya memberi peluang kepada anak-anak muda untuk menggunakan internet secara meluas. Jikalau betul Dato' Haji Mohd Suhaimi, kalau dekat kampung itu, ada tempat walaupun sudah ada menara, tetapi masih lagi tidak ada *line* internet.

Jadi Kementerian Komunikasi dan Multimedia ini menggunakan budi bicara atau *negotiate* dengan masjid. Akan tetapi kalau di negeri Kelantan, kebanyakan masjid di daerah ini dia bagi peluang untuk kita buat, membina menara. Akan tetapi itu pun tidak begitu meluas, ada kalanya itu, walaupun duduk dekat dengan menara tetapi tidak ada *line*. Jadi eloklah kalau Kementerian Komunikasi dan Multimedia membuat kajian akan perkara ini supaya penggunaan internet ini lebih meluas dan dapat diguna oleh anak-anak muda di kampung-kampung dan luar bandar.

Tadi sudah cakap mengenai KPDNKK, saya hendak minta dalam bajet tambahan ini, jika boleh tambah lagi peruntukan dan Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR) ini boleh diperluaskan lagi dan saya hendak berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Semalam dia kata ini bukan bermusim, bukan tunggu dekat pilihan raya baru hendak buat PJSR. Benda ini dia fikir, apabila kerajaan memikirkan kos sara hidup sudah mulai bertambah dan pembangkang pun sudah mula cakap kos sara hidup bertambah, kerajaan *alert*. Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri KPDNKK *alert* benda ini dibuat PJSR.

PJSR ini baru peringkat permulaan dan apabila kerajaan melihat ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada terutama rakyat luar bandar dan di bandar, maka semalam Yang Berhormat Menteri sudah jawab, perkara ini akan diteruskan. Jikalau hendak buat secara dekat-dekat sangat itu, sekerap sangat itu takut ganggu gugat kedai-kedai runcit pula. Oleh sebab barangnya murah kalau hendak dibandingkan dengan kedai runcit. Jadi kalau ada pembangkang kata, ini tidak mendapat sambutan atau dekat dengan pilihan raya, itu tidak betul. Itu persepsi yang tidak betul. Kerajaan Dato' Sri Mohd. Najib akan teruskan perkara ini kerana ia betul-betul boleh memberi sambutan dan boleh meringankan sedikit beban kos sara hidup rakyat di bandar ataupun di luar bandar.

Keempat, Kementerian Pengajian Tinggi. Saya tengok pembinaan kolej komuniti ini amat baik dan berkesan dan amat berguna sekali kepada golongan muda. Oleh sebab dalam

pendidikan ini, dalam pengajian ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya. Biasanya yang tidak berjaya ini lebih ramai daripada yang berjaya. Maka dalam bajet tambahan ini saya minta supaya Kementerian Pengajian Tinggi ini memperbanyakkan lagi pembinaan kolej-kolej komuniti untuk memberi peluang-peluang kepada anak-anak muda, pelajar-pelajar yang kurang berjaya masuk di kolej komuniti untuk kos-kos kemahiran dan memberi peluang kepada anak-anak muda untuk melibatkan diri dalam kepakaran, kemahiran kerja-kerja tangan selain daripada kerja-kerja yang kalau dalam pendidikan itu dia tidak berjaya, dia berjaya dalam bidang kemahiran.

Ini saya amat sokong jika dalam peruntukan ini diperbanyakkan lagi pembinaan kolej-kolej komuniti untuk memberi peluang kepada anak-anak muda yang kurang berjaya dalam pendidikan menceburkan diri dalam bidang-bidang kemahiran. Kepada Kementerian Pendidikan, saya mintalah dalam bajet tambahan ini supaya, mana-mana keperluan, kelengkapan sekolah-sekolah ini dapat ditambah lagi dengan adanya peruntukan tambahan ini.

Saya hendak minta dengan Kementerian Pendidikan, dekat Rantau Panjang itu, kita ada dua dewan besar. Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Lati, di mana saya menjadi YDP PIBG. Itu satu-satunya dewan besar yang digunakan oleh guru kerana ada *aircond*, ada penghawa dingin.

Jadi saya hendak minta dengan bajet tambahan ini, Kementerian Pendidikan supaya memasang penyaman udara, *aircond* di dewan besar Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi. Oleh sebab ini juga dewan yang kedua yang banyak digunakan oleh guru-guru dan masyarakat untuk membuat mesyuarat, seminar dan perjumpaan. Saya minta kalau bajet tambahan ini, supaya dewan besar Sekolah Menengah Kebangsaan Tiang Chandi dibekalkan dengan penghawa dingin ataupun *aircond*. Jadi...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ha ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Datuk Abdullah memasukkan- saya terima rungutan daripada para guru bahawa mereka minta sedikit insentif ataupun bantuan untuk alatan mengajar. Oleh sebab pada masa sekarang, setiap guru terpaksa mengeluarkan duit poket sendiri untuk menyediakan alat bantuan mengajar. Boleh atau tidak dimasukkan dalam hujah perbahasan Yang Berhormat Datuk?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih saudara Yang Berhormat Ramli bin Shariff bertukar penyanyi. Saya setuju, sebab saya pun banyak menerima rungutan daripada guru-guru. Ada alat-alat bantuan mengajar itu dia perlu beli sendiri, tidak ada peruntukan. Jadi

dalam peruntukan tambahan ini, saya minta mana-mana keperluan peralatan mengajar yang diperlukan oleh guru, saya minta supaya Kementerian Pendidikan memasukkan dalam bajet tambahan ini, supaya- guru-guru sudahlah terbeban mengajar, apabila alat mengajar kena beli sendiri pula, saya rasa lagi terbebanlah. Oleh sebab guru ini tiada kerja lain dia mengajar sahaja, tiada *side income*. Jadi saya minta dalam peruntukan tambahan ini, Kementerian Pendidikan memasukkan untuk memberi peralatan mengajar di semua sekolah di Malaysia ini supaya guru tidak menggunakan duitnya sendiri bekalan dan alatan mengajar.

Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih , saya mohon menyokong bajet tambahan ini. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Banyak bahan-bahan yang perlu kita dapat daripada Yang Berhormat kita Senator ini ya dan satu kupasan yang baik.

Saya sekarang memaklumkan kita sambung nanti, kita jemput Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff, dia minta petanglah. Jam di tangan saya sudah pukul 1 petang.

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat hingga sehingga 2.30 petang.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Bagaimanakah hendak menilai seorang pemimpin? Nilai dia dengan janji. Kalau dia pandai menunaikan janji, itu pemimpin yang baik.

Dan petang ini saya hendak tunai janji Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal. Dimulakan dia punya perbahasan. Sila Yang Berhormat.

**2.33 ptg.**

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nama saya Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya peluang untuk bercakap dalam rang undang-undang penambahan bajet pada hari ini.

Pertamanya saya hendak merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya membentangkan- untuk Persempadanan Semula pada hari semalam walaupun mendapat bantahan yang hebat daripada pembangkang-pembangkang hingga Ketua Pembangkang di arah keluar kerana kebiadaban dan sikap kurang ajarnya...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, hendak betulkan fakta dulu. Yang dihalau keluar atau yang disuruh keluar semalam bukan Ketua Pembangkang.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Minta maaf, Yang Berhormat Lim Kit Siang ya, *sorry*.

Saya bangkitkan ini kerana sebagai rakyat Malaysia kita kena ada budi bahasa yang baik juga, hormat-menghormati antara satu sama lain. Ini kerana kita tidak mahu menimbulkan suasana-suasana yang tidak baik kerana kita hendak menjadi warganegara yang baik. Saya menyokong penuh perbelanjaan untuk SPR, perbelanjaan tambahan untuk SPR untuk menguruskan pilihan raya ini dengan bajet yang telah pun diputuskan sebanyak RM82 juta dengan harapan agar SPR dapat melaksanakan tanggungjawab dengan sebaiknya kerana kita ini mempunyai pembangkang yang sentiasa mencari kesalahan-kesalahan. Kita buat baik macam mana pun, sejujur dan setulus mana pun, tetap akan mencari kesilapan dan kesalahan kerana itu lah kerja pembangkang yang ada dalam negara ini.

Saya juga hendak mengambil kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kepada SPR dapat menjelaskan dalam Dewan ini undi pos dan undi awal. Ini kerana tadi saya dapat berita ataupun perbahasan daripada salah seorang daripada ahli Dewan mengatakan bahawa undi pos ini boleh diurus ataupun boleh dibeli ataupun dibuat secara sendiri, bukannya kepada orang yang hendak mengundi pos. Saya tanya pada SPR bagaimana definisi undi pos.

So, penjelasan yang diberi amat lari dengan apa yang saya dengar. Ini kerana kita tidak mahu menimbulkan persepsi yang mengelirukan rakyat, seolah-olahnya undi pos ini diurus oleh mereka-mereka yang tertentu untuk menyokong kerajaan sahaja. Saya rasa ini fakta yang salah dan amat salah sekali apabila ia cuba dikelirukan supaya fahaman pada orang kononnya undi pos ini diurus oleh orang-orang tertentu.

Saya agak tertarik juga bila salah seorang daripada pembangkang di Dewan Rakyat mempersoalkan undi pos daripada warden pihak penjara, warden kerana mereka menentang kononnya semua warden ini kenapa tidak boleh diberi undi pada hari mengundi sedangkan

kenapa hendak diberi sebagai undi pos. Persepsi di luar dan berita yang keluar mengatakan bahawa kononnya seluruh warden-warden ini diberi undi pos. Sebenarnya apa yang saya tahu, saya difahamkan bahawa undi pos ini adalah mereka yang bertugas sahaja pada hari mengundi dan yang bukan bertugas dia tetap pergi mengundi seperti biasa.

Jadi, persepsi inilah yang menyebabkan saya rasa kecewa dengan apa yang cuba dibawa oleh pihak pembangkang kerana mereka tidak menyokong, tidak membantu membina sebuah negara bangsa yang berjaya untuk masa akan datang kerana menimbulkan masalah-masalah yang mengelirukan kepada rakyat terutamanya hari hendak mengundi. Akan timbul bermacam-macam perkara.

Sekarang ini pun sudah cerita ada jari-jari palsu kononnya akan ambil import orang luar datang, bagi IC-IC yang kononnya boleh memberi undi. Semua ini akan timbul apabila kita hendak menghadapi pilihan raya dan selepas kekalahan pihak-pihak pembangkang ini akan bagi tambah lagi cerita kerana kononnya orang-orang ini sudah dibeli, sudah dibawa daripada luar, jari-jari. Saya tidak tahulah kalau ada orang sanggup bagi ekstra jari kepada rakyat Malaysia untuk pergi buat undi pada hari pengundian.

Jadi, perkara-perkara ini saya lahirkan kerisauan saya kerana ia memberi satu gambaran yang tidak baik kepada masyarakat luar dan juga pada rakyat Malaysia. Saya hendak beritahu pada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita ini, saya hendak mintalah, cukuplah fitnah, taburan perkara-perkara yang mengelirukan ini janganlah dibuat untuk kepentingan peribadi. Tengok negara ini lebih daripada tengok kepentingan peribadi.

Saya tidak ada masalah kalau kita hendak berunding, hendak memberi pandangan, hendak memberi pendapat. Akan tetapi, soal undi pos dipersoalkan kononnya semua warden, semua pekerja-pekerja berkaitan yang terlibat dalam undi pos ini seolah-olah semua mereka ini mengundi dan diundi oleh pihak-pihak tertentu untuk kemenangan kepada kerajaan. Ini satu fitnah, satu pembohongan yang tidak betul sama sekali dan kepada orang yang undi awal adalah anggota beruniform, pihak polis dan juga tentera serta pasangan dan dia ada kebenaran-kebenaran yang tertentu yang diurus oleh SPR.

#### ■1440

Jadi saya juga mohon kepada pihak SPR kalau boleh beri penjelasan sepenuhnya kepada pihak-pihak ini pembangkang dan juga untuk memberitahu, apa dia istilah undi pos, undi awal, apa definisi supaya kita ini tidak buat perkara-perkara yang salah dari segi memperkotak-katikkan pemikiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini di pihak Kementerian Pendidikan dengan bajet tambahan RM522 juta untuk perkhidmatan dan bekalan- saya ingin nak tanya kepada Kementerian Pendidikan, bagaimana pihak Kementerian Pendidikan menguatkuasakan sekolah-sekolah rendah dan juga pra sekolah dari dieksploitasi oleh pembangkang dengan menyemai budaya mempersendakan pimpinan negara terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui nyanyian lagu-lagu ber lirik menghina pemimpin dan juga dasar-dasar kerajaan. Ini berlaku di Pulau Pinang di peringkat tadika, dibuat oleh Ketua Menteri Pulau Pinang bersama-sama, dalam waktu yang sama menceritakan tentang ekonomi yang tidak betul kononnya oleh pihak pembangkang.

Akan tetapi dari segi perpaduan saya tidak nampak pihak pembangkang ini membuat perkara-perkara yang boleh membantu masa depan negara. Di peringkat tadika dipersendakan, diberi nyanyian seolah-olah melahirkan satu keadaan yang tidak baik. Jadi saya minta kepada pihak kementerian, apakah penguatkuasaan sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan daripada dieksploitasi suasana seperti ini.

Jadi satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kepada pihak Kementerian Kerja Raya, saya nak tanya, saya difahamkan ada RM26 juta kenderaan yang berada di atas jalan raya yang berinsurans RM19 juta. Bila kemalangan berlaku saya nak tanya soalan dia, bagaimana kerajaan dapat tuntutan semula daripada syarikat-syarikat insurans sedangkan ada tujuh juta yang tidak memiliki perlindungan insurans dan berapa jumlah insurans yang kerajaan peroleh daripada pihak insurans akibat daripada kerosakan-kerosakan jalan raya, jalan-jalan Persekutuan yang terdapat dalam negara kita ini.

Jadi saya tidak berasa nak bercakap panjang, saya menyokong penuh kepada rang undang-undang tambahan ini dan saya mengharapkan kepada pihak-pihak tertentu dapat memberi maklumat berkaitan dengan undi pos, undi awal dengan lebih terperinci lagi. Sekian, itu saja. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Belum sampai dan sekarang dijemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah.

**2.44 ptg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan. Beberapa isu sahaja saya akan menyentuh pada petang ini.

Pertama sekali berkenaan dengan objektif perbekalan tambahan. Tadi sebelum makan, sebelum tengah hari, sesi pagi tadi kita telah mendengar satu pendapat bahawa *Supplementary Budget* atau bekalan pertambahan ini bukan satu- ia akan berlaku *it's a very command accurate*. Saya setuju bekalan tambahan ini atau *Supplementary Budget* ini bukan satu isu yang luar biasa ataupun satu isu yang baru. Bukan sahaja untuk negara tetapi juga untuk syarikat-syarikat dan sebagainya tetapi kita kena faham kenapa kita ada *Supplementary Budget*, konsep *Supplementary Budget*.

Sebenarnya *Supplementary Budget* adalah satu mekanisme untuk kita *cater* untuk keadaan-keadaan yang tidak boleh diramalkan, masa kita buat bajet, *because we* buat bajet dua, tiga bulan sebelum itu, memang ada keadaan-keadaan yang kita tidak boleh meramalkan. Kita akan pakai konsep *Supplementary Budget* untuk *cater* dalam keadaan-keadaan sedemikian. Kalau kita tengok *principles underlying basis* dari segi *accounting principals* pun untuk *events* yang kita tidak boleh fokus tetapi dalam rang undang-undang ini, kalau kita tengok rang undang-undang ini keseluruhan *at least majority* kalau *I* tengok dalam rang undang-undang ini, banyak dalam ini nampak macam apa yang dalam Bahasa Inggeris cakap *one of the meal events*, bukan benda yang kita tidak boleh diramal memang sudah diramal. *I* bagi contoh, sebagai contoh, *I* ambil sedikit *figures* dekat sini sebagai contoh, kalau *I* tengok rang undang-undang ini peruntukan yang kedua itu Peruntukan Suruhanjaya Pilihan Raya, kalau kita ambil Suruhanjaya Pilihan Raya.

Dalam peruntukan sebanyak- kalau *I* tengok *paper* rang undang-undang ini peruntukan sebanyak RM82 juta dan kalau kita baca Kertas Perintah 1A, di mana ia dimaksudkan jelas dan sebagainya. Kita dapat tahu bahawa jumlah RM82 juta ini adalah untuk menampung perbelanjaan atau satu peruntukan khas serta persediaan awal untuk pilihan raya yang ke-14. Isu saya ini, ini bukan satu benda yang kita tidak boleh fokus. Kalau benda itu kita boleh fokus, memang kita sudah tahu *you* ada satu *election* yang akan datang dan kena buat persempadanan dan sebagainya fasal kebanyakan duit RM82 juta ini digunakan untuk persempadanan semula.

Kita sudah tahu sejak tahun 2000 atau kita balik ke *Federal Constitution* pun lepas lapan tahun kemungkinan akan berlaku persempadanan baru itu sudah ada. Kalau ini bukan satu perkara yang luar biasa, kenapa kita tidak masuk dalam bajet tahunan. Kenapa kita kena buat *Supplementary Budget*. Bukan Suruhanjaya Pilihan Raya sahaja. Kalau kita tengok banyak dari

jumlah RM7.1 bilion ini, kebanyakannya adalah perkara yang boleh di fokus. Contoh macam yang / cakap tadi dan juga banyak lagi emolumen-emolumen dan sebagainya. Soalan dia kenapa tidak masuk dalam bajet. Ini pada saya Tuan Yang di-Pertua, ia akan menimbulkan soalan atau perasaan *that concept Supplementary Budget* ini sedang di *misused* dengan sengaja, ia tidak masuk dalam bajet tahunan.

Kedua, kalau kita tengok satu, mungkin ia tidak masuk dalam- benda itu boleh diramal tetapi tidak di masuk dalam bajet tahunan. Mungkin dia nak *down play* ketidakseimbangan antara perbelanjaan membangun dengan perbelanjaan mengurus. Kalau / ambil insiden ini, ini yang merujuk kepada Bajet 2017 yang dibentangkan pada Oktober 2016. Kalau kita tengok bajet yang dibentangkan, jumlah perbelanjaan masa itu bajet was RM267 bilion tanpa menambah *supplementary* ini, RM267 bilion. Masa itu kalau kita ambil RM267 bilion itu, dari RM267 bilion itu sebanyak 19 peratus atau RM52 bilion hanyalah perbelanjaan pembangunan atau *development expenditure*, hanya sebanyak 19 peratus.

Akan tetapi kalau kita campur ini, sudah sebahagian besar atau hampir keseluruhan dari sini adalah *operating expenses* dan kalau kita campur *operating expenses* ini dari segi *ratio* antara *operating expenditure* dengan *development expenditure*, ia akan turun lagi hampir 18.9 peratus.

#### ■1450

Isu dia ialah dari segi *ratio*. Ini kerana kalau kita tengok *international standard* ataupun piawaian antarabangsa untuk negara-negara membangun, biasanya *ratio* adalah 60:40. So itu satu. Kenapa tidak masuk dalam bajet tahunan. Lagi satu, kalau *you* masukkan dalam bajet tahunan, bila *you* tahu benda ini, *you* sudah tahu, *you are going to have all this expenses*. *You* sudah tahu kalau kita tengok kertas perintah, emolumen dan ini semua kita tahu kerana *command*. Sebelum *you* buat bajet, *you* sudah tahu *establishment*. Kalau *you* sudah tahu *establishment*, *you* sudah tahu bajet. Kalau sudah tahu *establishment*, *then* kenapa emolumen-emolumen ini semua tidak dimasukkan dalam bajet tahunan? Satu, kemungkinan dia akan beri satu gambaran defisit yang tidak betul.

Contohnya, / ambil balik bajet *this 2017* punya bajet. Sebelum penambahan ini, defisit untuk tahun 2016 adalah RM47 bilion tetapi bila kita tambah ini, defisit kita akan meningkat ke RM54 bilion *point something*, dari segi defisit dan ini *important*. Pada saya, saya rasa ini *important* kerana biasanya kerajaan sekarang dia *mention* defisit sebagai *ratio* kepada KDNK. Kalau *you* tambah ini dalam *annual budget*, *your ratio* akan *cross* ke *52 percent to 53 percent*.

Kerajaan Malaysia sekarang kalau tidak salah *self-impose level* di mana di anggap sebagai *average that* ialah *ratio that* kepada KDNK sebanyak 55 peratus. So itu isu-isu *structural*, kenapa *that means* soalan *in summarize*, soalan saya ialah kenapa isu-isu yang boleh diramalkan, kenapa isu-isu yang sudah ada *establishment*, tidak dimasukkan dalam bajet tahunan tetapi dibuat secara *supplementary budget*. Pada saya *this is academic* kerana ini semua, duit semua sudah belanja. *Those are the structural question* yang saya hendak tanya.

Akan tetapi selain dari *structural question*, saya juga ada beberapa *specific question*. *Specific question* sebenarnya tidak banyak kerana macam saya cakap tadi duit-duit ini semua sudah dibelanjakan. Prosedur yang kita bawa ke Parlimen. So saya tidak mahu sebut yang mencurigakan dan sebagainya cuma yang saya tidak faham itu saya hendak tanya supaya dapat penjelasan. Apa yang saya tidak faham, baca ini, baca ini dan juga baca Kertas Perintah 1A yang saya tidak faham ini adalah peruntukan sebanyak RM2.7 bilion yang diperuntukkan sebagai peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Apa yang saya tidak faham ini bila saya baca Kertas Perintah 1A ini, apa yang saya nampak sahaja dia dikeluarkan dari *consolidated funds*. *Itu I am very clear*. Dia keluar dari *consolidated funds*, dan kalau *I* tengok balik Kertas Perintah 1A, dia cuma cakap dikeluarkan dari *consolidated funds* untuk perbelanjaan pembangunan.

So soalan saya, saya hendak tahu RM2.7 bilion ini digunakan untuk tujuan apa? Ini kerana RM2.7 bilion kalau kita tengok dari RM7.1 bilion ini, ini adalah peruntukan yang terbesar sekali. RM2.7 bilion ini digunakan untuk tujuan apa? Kita faham dia dikeluarkan oleh *consolidated fund*. Itu *clear* tetapi *you* tidak boleh cakap *that is* untuk perbelanjaan pembangunan. *You* kena *give break-* digunakan untuk apa? *At least common headings*. Itu secara spesifik berkenaan dengan *structural issues*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh sedikit macam tadi banyak kita dengar fasal banyak orang panggil *redelineation* tetapi pada saya *it was the limitation bill* kerana dia tidak ada penambahan bilangan kerusi kalau kita tengok *the limitation bill* yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam. Saya kalau kita tengok bil-bil macam ini, kita boleh tengok dari dua sudut. Satu dari sudut *substantive merits*, satu dari segi *procedural merits*. Saya tidak mahu sebut sebagai *substantive* merit kerana bil itu tidak dibentangkan atau *motion* atau notis itu tidak dibentangkan di sini dan banyak kita telah dengar sana. *Substantive issues* sebagai *one man, one-word, Gerrymandering* dan sebagainya. Kita kena *have equal word, equal right* dan sebagainya. *I* tidak mahu fokus kepada *substantive issues*. Pada saya, cuma *I* hendak menyentuh dua perkara

sahaja yang / baca pagi tadi dalam surat khabar bila wartawan *interview* ramai Ahli Parlimen semalam.

Satu / tengok dia cakap. / tidak mahu sebut nama, tidak sedap tetapi ada dua / tengok. Dua komen. Satu yang cakap *the passage of that Bill* itu *is the victory for democracy*. Satu lagi / tengok *it an example of Parliamentary democracy in action*. / hendak sentuh dua-dua isu sahaja. Bila *you* cakap *it's an example of Parliamentary democracy in action*, pada saya, *what is Parliamentary democracy? What is parliamentary democracy?*

Pada saya, setahu saya, kalau kita, *easiest soft of references* pada kita ialah berita inikah dan kita balik kepada berita inikah. *What is Parliamentary democracy? Parliamentary democracy* adalah satu sistem di mana *the majority party* akan *from the government* dan bila kita cakap *majority party*, bukan dari segi konsep *popular words* tetapi dari konsep *representation* dalam Parlimen. Contoh, kalau kita tengok.

Itu pasal sebelum ini pun saya tidak pernah *argue* pasal *popular words* kerana parti yang ada majoriti *representation* dalam *House* itu akan tubuhkan kerajaan. *Responsibility* parti itu untuk tubuhkan kerajaan tetapi *at the same time*, kalau kita balik kepada berita ini juga, *parliamentary democracy is a concept* di mana *minority parties* itu kena main peranannya, *in fact* berita inikah *will use the word have a duty to oppose*. Ini kita kena faham konsep *of parliamentary democracy*, pada saya.

So, kalau berdasarkan *concept of parliamentary democracy*, / hendak balik kepada apa yang berlaku semalam di Dewan Rakyat, bukan dari segi *substantive merits*, tidak payah kita cerita pasal *substantive merit because the Bill, redelineation* itu sudah dibuat tetapi imej Parlimen dari segi *procedural merits*. Kalau kita tengok semalam *procedural merits*, dua sahaja / hendak sentuh. Satu, konsep embargo.

Saya dalam, sebagai Setiausaha Politik sebelum ini untuk Ahli Parlimen pembangkang dan sekarang sudah hampir 40 tahun. Akan tetapi saya tidak pernah tengok kecuali embargo biasanya satu, dua jam. Kertas bajet dan sebagainya memang kita ada embargo sehingga dibentangkan. Akan tetapi dalam sini kita nampak satu keadaan di mana *Order Paper* itu, / *mean notice* itu diletakkan atas meja tetapi di embargo untuk beberapa hari. Tidak pernah berlaku dalam sejarah Parlimen. Sebab itu / cakap Mesyuarat Pertama Penggal Keenam ini bersejarah, bukan sahaja kerana *first time* kita dapat Penggal Keenam, bersejarah bukan sahaja pasal kita dapat Titah Diraja yang terlalu singkat tetapi juga pasal isu ini.

Kita nampak *for the first time in history* satu *paper* dibentangkan tetapi ada embargo untuk beberapa hari. Itu satu. Lagi satu kita nampak semalam dari segi *procedural merits* ini, satu *paper*

yang begitu penting bukan sahaja kepada- pada saya bukan sahaja kepada parti pembangkang tetapi untuk rakyat Malaysia, *redelineation* ini adalah satu *paper*, notis yang paling penting. Akan tetapi semalam perbahasan dihadkan kepada *ten minutes*. Sepuluh tahun punya kerja, *the last redelineation* pada tahun 2003, sampai sekarang 15 tahun punya ini, banyak perubahan telah berlaku, kita had.

■1500

*But*, yang ini berlaku juga dalam Dewan Negara. Banyak kali kita tengok, masa di had. *I think* ini akan menjejaskan secara am. Saya cakap bila kita pakai konsep had masa untuk serius punya isu, kita tidak akan dapat kualiti *and* nampak semalam macam Parlimen *is in a rush*. *You* tidak bagi *ample opportunity*, bukan sahaja dalam proses ini kecuali...

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon menceleh Yang Berhormat Chandra.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *Sorry*, tidak nampak tadi.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya disebutkan soal proses itu seolah-olah di *rush* kan di dalam Parlimen tetapi tidak kah Yang Berhormat Chandra sedar bahawa proses kini kita dah berlaku di peringkat parti-parti atau pun pengamal-pengamal politik ini sudah lama. Kita mempunyai notis atau pun pengetahuan ini sudah lama. Jadi, bukan suatu perkara yang baru, walaupun disebut tadi ialah soal embargo yang diletakkan di Parlimen ini. Akan tetapi proses atau pun *exercise* ini telah berlaku di peringkat bawahan ini sudah lama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Betul apa Yang Berhormat cakap, proses *engagement* dengan *stakeholders* itu memang telah berlaku. Akan tetapi apa yang jadi dalam kes ini, Suruhanjaya Pilihan Raya melakukan *first enquiry* dia membuat syor satu, buat *first enquiry public hearing* telah buat, *then* buat balik syor kedua. Buat *second engagement*, syor kedua. Ada dua syor secara automatik biasanya, apa yang kita panggil *normal practice*, *you* buat satu syor, *you* dengar saya punya bantahan kemudian *you* tukar, *you* buat balik syor kedua. Akan tetapi apa yang dibentangkan di Dewan Rakyat semalam adalah syor pertama dan bukan syor kedua.

Saya akui, terpulang kepada budi bicara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *its up to him what he wants to table*. Suruhanjaya boleh bagi dia dua syor, tiga syor, empat syor, lima syor, terpulang pada dia. Ini yang *I* cakap, *the process of engagement*. *You* telah bagi gambaran



*that, yes first syor itu kita dah amend. Akan tetapi bila you datang sini, you table balik syor pertama. This is what I meant. Akan tetapi balik kepada bukan stakeholders, Ahli Parlimen.*

*I balik kepada Dewan Rakyat. Mungkin tarikh itu saya not very sure. Akan tetapi kalau tidak salah pada tahun 2013 sebagai reform Dewan Rakyat, salah satu cadangan ialah dalam proses reform yang dibentangkan masa itu kalau tidak salah oleh Yang Berbahagia Speaker Dewan Rakyat.*

*Salah satu cadangan ialah untuk redelineation, Parlimen akan tubuh satu Select Committee. So, pada saya, patutnya pergi ke Select Committeee dulu, then tuduhan- tidak cukup masa semua, tidak akan timbul. Akan tetapi dalam ini tidak ada Select Committee. So, pada keseluruhan kalau you ambil pembangkang dapat lima orang bercakap. We are passing a major paper yang akan affect semua orang. Saya tak tuduh sini dan saya tidak buat apa-apa ini, di mana saya cakap persempadanan semula ini akan berpihak mana-mana pihak tertentu. I'm not doing that. What I'm saying is, ia akan jejas semua rakyat, maybe your party, maybe my party. Itu bukan isu dia, end of the day, rakyat akan decide.*

*Akan tetapi pada saya satu level of Parliament terutama sekali the role of Parliament in Parliamentary democracy. Kita bukan sistem presiden ya. Apa peranan dalam Parlimen- dalam Parliamentary democracy. What is the message kita hantar kepada public?*

*Pada saya, semalam Tuan Yang di-Pertua, will go down in history as the darkers day in Malaysian Parliament. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada apa? Dan sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Sambathan A/L Manickam, Puan Hajah Azizah binti Haji Harun ada? Belum ya. Saya jemput Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

### **3.04 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya peluang pada petang ini untuk turut sama membahaskan Perbelanjaan Tambahan bagi tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit saya sebelum saya mulakan di atas soal bajet tadi. Saya hendak menyentuh juga yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Chandra yang meletakkan atau pun mengklasifikasikan bahawa soal demokrasi berparlimen kita ini suatu titik hitam telah berlaku semalam. Jadi, saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang di keluarkan di akhir kenyataan oleh Yang Berhormat Senator Chandra kerana segala proses Parlimen, segala proses telah dipatuhi dan kerajaan sendiri mengambil langkah-langkah yang diperuntukkan di

bawah Perlembagaan. Jadi, saya ingin menyatakan bahawa saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat saudara Chandra.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita juga telah dikuliahkan atau pun diberi syarahan oleh Yang Berhormat saudara Chandra, dan kita faham semua kita di dalam Dewan Yang Mulia ini faham konsep yang kita pegang dan kita amalkan sesama kita iaitu konsep Parlimen ini. Jadi, saya rasa apa yang disebut oleh saudara Chandra itu suatu perkara yang bukan baru bagi kita dan tidak perlu disyarahkan kepada kami yang mengamalkan soal keperluan, soal substantif dan soal *procedural*. Itu lah saya cuma hendak bangkitkan kepada, hendak bantah kenyataan yang dibuat saudara Chandra.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya melanjutkan kepada perkara-perkara yang saya ingin sentuh dalam bajet ini, ada beberapa khusus sahaja yang saya akan fokuskan Tuan Yang di-Pertua iaitu perkara-perkara yang melibatkan soal kepentingan dan manfaat kepada rakyat di atas pembentangan perbelanjaan tambahan ini. yang saya lihat juga dan saya menyatakan syabas dan terima kasih dan juga tahniah, terutama sekali bagi Jabatan Perdana Menteri khususnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Inilah suatu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya nampak ia suatu agensi yang menunjukkan prestasi yang cukup memberangsangkan dan baik kerana kita juga dimaklumkan bahawa data atau pun jumlah peratusan yang telah dicapai oleh SPRM ini meningkat lebih daripada 50 peratus dan pembongkaran yang dibuat oleh SPRM kita ucapkan sebanyak-banyak tahniah dan hebat.

Inilah suatu merit yang mereka memerlukan lagi, kita meluluskan tambahan perbelanjaan kerana mereka ini atau pun kakitangan-kakitangan SPRM ini adalah yang boleh diklasifikasikan sebagai, dengan izin, *unsung hero*. Mereka tidak dapat menyatakan secara umum nya kepada awam apa-apa tindakan yang mereka akan lakukan. Mereka ini lah yang saya kategorikan sebagai *The Unsung Hero* di bawah Jabatan Perdana Menteri dan suatu agensi yang cukup hebat di bawah kepimpinan yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan yang dicadangkan di bawah, untuk SPRM ini sebanyak RM35 juta. Saya rasa suatu peruntukkan yang tidak banyak. Oleh kerana, bidang tugas dan kerja-kerja yang dijalankan oleh PSRM ini cukup banyak dan mereka ini pula bekerja di luar daripada masa biasa atau pun masa pejabat. Jadi, saya hendak cadangkan kepada kerajaan, kita lihat lah juga beberapa insentif baru kepada kakitangan dan staf SPRM ini kerana mereka bekerja tidak mengikut masa dan juga lebih daripada apa yang mereka perlu lakukan.

## ■1510

Kerja-kerja mereka ini bukan sahaja melibatkan soal siasatan tetapi juga risikan yang berlaku beberapa lama. Kita tidak akan tahu sehinggalah keluar dalam media beberapa tangkapan telah dibuat. Jadi apa yang diperuntukkan kepada SPRM sebanyak RM35 juta ini bukanlah suatu angka yang besar bagi saya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ambil kira pegawai-pegawai SPRM ini, mereka juga merupakan kakitangan penjawat-penjawat awam yang bidang tugas mereka ialah merisik dan menyiasat dan seterusnya mendakwa perkara-perkara yang tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan di bawah undang-undang rasuah.

Jadi kerana tindakan dan juga kerja keras mereka inilah boleh kita untuk memperbaiki imej dan persepsi yang disebut di awal perbahasan kita sewaktu membahaskan Titah ini ialah soal persepsi. Persepsi rasuah kita telah jatuh ke tahap yang rendah. Inilah perkara-perkara yang kita harus ambil berat. Ini soal persepsi dan SPRM lah suatu agensi yang boleh menaikkan imej kita dengan peningkatan soal-soal siasatan. Diambil juga suatu indeks...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.T hambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal SPRM tadi. Sebenarnya sebelum itu saya biasanya dalam sini saya ambil sikap seperti *Voltaire* cakap, Yang Berhormat sebagai seorang peguam. Macam *voltaire* cakap, "*I may not agree with what you say but I will defend to the death your right to say it.*" Dalam konsep itu kita boleh *disagree*, kita boleh *agree to disagree without being disagreeable*, itu cara yang saya ambil.

Saya tidak hendak jadi *disagreeable* tetapi berbalik kepada konsep SPRM. Kalau kita *connect* dengan perbelanjaan ini, kalau kita tengok sebanyak RM35 juta. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat berkenaan dengan peranan SPRM. Fasal sebenarnya pada saya dalam empat tahun ini tangkapan yang dibuat oleh SPRM sebenarnya meningkat sejak tahun 2013 sampai sekarang. Macam cakap hari itu, dia meningkat sebanyak 500 peratus. *I don't have the figure in hand*, tetapi meningkat.

Jadi isu dia ialah prestasi SPRM bagus. Kalau apa yang menyebabkan penurunan tahap kita pada tahap yang paling rendah dalam *Corruption Perception Index* (CPI) tahun 2017 ialah bukan tindakan SPRM tetapi oleh *rate of prosecution* dengan *rate of conviction*, bukan SPRM. Itu sahaja saya hendak katakan, *the point*. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, ya SPRM ini amat digeruni terutama sekali oleh pihak parti-parti pembangkang. Oleh kerana tindakan agresif yang dibuat oleh SPRM inilah telah menyebabkan sedikit kerisauan dan kekusaran parti-parti pembangkang. Seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah memang diakui

prestasi ataupun angka yang positif telah ditunjukkan oleh SPRM di dalam penguatkuasaan ataupun siasatan. Apa yang ditimbulkan ialah soal pendakwaan.

Saya pun rasa dengan berlatar belakangkan pengamal undang-undang sebelum pada ini Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah sedar bahawa soal pembuktian, soal keperluan keterangan di mahkamah itu merupakan suatu yang harus dipertimbangkan oleh pihak SPRM sebelum mendakwa seseorang yang telah disiasat. Saya rasa kerajaan boleh menjawab itu. Soal pendakwaan ialah soal lain tetapi siasatan kita nampak memang SPRM telah melaksanakan dan menjalankan tanggungjawab mereka dengan begitu baik sekali. Saya harap ini memberi suatu nafas atau memberi suatu input kepada penilai di luar negara sana bahawa soal memerangi penyalahgunaan kuasa dan rasuah di Malaysia ini memang diambil berat dan dipandang serius oleh kerajaan.

Saya harap perkara-perkara ini akan memberi semangat yang lebih kepada agensi penguatkuasaan kita dalam segi pencegahan rasuah. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya hendak beralih kepada soal Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Yang Berhormat, sebelum beralih itu bagi ruang sedikit.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Sila.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan SPRM ini. Selalu yang rakyat *dok* timbulkan sekarang ini ialah masalah sejauh mana SPRM itu dapat melakukan keadilan terhadap apa yang disiasat kerana dia tidak ada kuasa yang mendakwa. Kuasa pendakwaan itu tidak ada jadi terpaksa diserahkan kepada satu kuasa pendakwa. Katakanlah mengikut penilaian SPRM kes ini memang boleh didakwa tetapi kepada peringkat, satu tahap yang lain kes itu didiamkan. Ini tidak berlaku keadilan.

Kedua, kalau sekiranya pihak SPRM sendiri melakukan kesilapan dan kesalahan, apakah ada suatu kuasa boleh mengambil tindakan terhadap SPRM itu sendiri? Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua sebagai respons saya kepada soal itu. Kita kan memang mengamalkan soal pengasingan kuasa atau *separation of power*, dengan izin, dan juga *check and balance* itu berlaku. Jadi soal pendakwaan ialah suatu perkara yang dibuat oleh pihak Peguam Negara iaitu Jabatan Peguam Negara. Saya rasa kalau disebut soal keadilan tempat yang paling tepat ataupun *venue*, dengan izin, untuk mencari keadilan ialah di mahkamah. Apabila suatu keterangan itu mencukupi bagi pihak SPRM untuk mendakwa maka...

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya celah Yang Berhormat? Saya hendak minta di sini, saya setuju tentang apa yang Yang Berhormat hendak kemukakan. Akan tetapi bagi sayalah kalau SPRM hendak berkesan, hendak dihormati dan disanjung tinggi bukankah lebih elok kalau SPRM jadi satu badan yang bebas, yang hanya melaporkan kepada Parlimen. Adakah Yang Berhormat setuju dengan ini atau tidak?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, itu adalah hak kerajaan untuk menentukan sama ada akan menjadikan suatu badan itu badan bebas ataupun di bawah kerajaan itu sendiri ataupun dilaporkan kepada Parlimen. Itu yang dituntut oleh pihak pembangkang untuk diletakkan di bawah Parlimen supaya perkara-perkara yang itu boleh dibincangkan di dalam Parlimen ini. Saya harap kerajaan dapat menjawablah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar sama ada terdapat cadangan ataupun tidak. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

Saya ingin beralih kepada bajet khususnya Kementerian Pertanian dan Asas Tani ini. Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian di tempat kita ini, di Malaysia ini merupakan suatu sektor yang melibatkan kebergantungan cukup tinggi kepada kerajaan iaitu petani-petani ataupun rakyat kita memang cukup bergantung kepada bantuan dan juga subsidi-subsidi yang boleh diberikan oleh kerajaan.

■1520

Jadi kebergantungan inilah saya rasa yang memerlukan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan yang dikemukakan di hadapan kita hari ini. Tuan Yang di-pertua, sektor pertanian di Malaysia ini harus dibantu dan perlu sentiasa dipantau dengan segala apa jua bentuk bantuan kerana kalau tidak dibantu, di manakah sumber makanan negara kerana pada masa sekarang, mengikut maklumat yang saya faham, kita mengimport bahan-bahan makanan pertanian ini sebanyak RM7 bilion setahun. Jadi inilah merupakan suatu justifikasi kepada kerajaan untuk menitikberatkan lagi sektor pertanian dan juga sektor pertanian ini melibatkan atau *involve*, terutama sekali khususnya etnik ataupun kaum Melayu dan juga bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Jadi kebergantungan petani-petani kita ini dengan hasil pertanian ini tidak mencukupi dengan kenaikan ataupun untuk terus menjadi suatu sumber pendapatan keluarga mereka. Jadi keperluan bajet tambahan ini amat-amat mempunyai alasan yang baik bagi kerajaan untuk terus menaikkan bajet Kementerian Pertanian dan yang diminta saya rasa di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani inilah amat banyak iaitu RM685,000,490 selain daripada Kementerian Dalam Negeri. Mereka mempunyai asas untuk berbelanja yang lebih kerana di

bawah Kementerian Pertanian, saya difahamkan terdapat sebanyak 29 agensi yang melihat dan membantu petani-petani kita. Untuk sektor pertanian juga, mereka memerlukan pembangunan infrastruktur selain daripada bandar-bandar besar oleh sebab yang bandar-bandar besar nikmati ialah pembangunan infrastruktur.

Akan tetapi di kawasan-kawasan pertanian terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar, di mana kawasan di wilayah saya sendiri, sektor ini merupakan satu sektor yang besar dan melibatkan ramai keluarga. Jadi apa yang saya mohon dan mencadangkan kepada kerajaan supaya pembangunan infrastruktur pertanian ini harus dipertingkatkan lagi. Dilihat di sini khususnya tambahan bajet ini melibatkan soal petani-petani padi. Di wilayah saya iaitu di Perlis dan Kedah, inilah sektor yang paling banyak dianggotai oleh rakyat kita. Jadi input-input pertanian harus dipertingkatkan lagi. Bantuan-bantuan, subsidi-subsidi dan juga. Satu perkara yang saya hendak cadangkan kepada kerajaan ialah perbanyakkanlah sedikit mesin-mesin misalnya mesin-mesin tuai dan juga pembajak-pembajak di kawasan pertanian terutama sekali di Perlis dan Kedah.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-pertua, pengagihan baja dan benih. Baru-baru ini, masalah ini adalah masalah yang dibangkitkan di sebelah wilayah saya ialah soal benih padi. Jadi perkara-perkara begini, walaupun ada agensi-agensi misalnya MADA yang menguruskan soal pengagihan benih ini tetapi ia tidak mencapai kepada dalam tempoh masa yang diperlukan benih-benih ini diagihkan kepada petani-petani. Jadi saya minta kerajaan untuk menitik beratkan lah soal pengagihan benih-benih padi ini yang ada kualiti dan bukan yang menjadi penyakit kepada hasil tuaian selepas tempoh itu...

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *[Bangun]*

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mencilah?

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkembangan para petani ini? Apakah ada satu peningkatan dan kemajuan setelah kerajaan membantu begitu banyak dan sebagainya. Apakah mereka itu masih lagi duduk di tahap yang sama? Saya ingat saya perlu juga kerajaan ini bantu dari sudut keilmuan. Kita ada Universiti Pertanian iaitu Universiti Putra sekarang ini, ya. Saya tengok hubungan pusat pengajian tinggi dengan petani-petani ini jauh.

Kalau di sana ada satu usaha kerajaan mempertemukan di antara pusat pengajian dengan para petani ini supaya ilmu petani ini meningkat sebagaimana di Thailand dan

sebagainya. Di mana pusat-pusat pengajian mereka turun menjadikan petani-petani sebagai pelajar mereka ataupun menjadikan sektor pertanian itu betul-betul dikaji oleh pihak universiti dan sebagainya. Keilmuan petani itu ditingkatkan dari semasa ke semasa. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, terdapat sebanyak kalau saya tidak silap 29 agensi di bawah Kementerian Pertanian ini yang boleh menguruskan soal-soal ataupun isu-isu pertanian di peringkat kawasan. Saya rasa kalau soalan tadi dibangkitkan juga, soal adakah selama ini berlakunya peningkatan. Sudah tentu berlakunya peningkatan kualiti kehidupan petani-petani sudah meningkat. Misalnya, kita ambil contoh itu secara *layman*, dengan izin, bahawa kita nampak rumah-rumah petani sekarang bukan lagi rumah-rumah yang usang dan buruk.

Kalau kita lihat secara mata kasarnya, tiap-tiap rumah kita katakanlah berkualiti mereka meningkat dengan adanya kalau dijadikan ukuran dengan adanya kereta, dengan adanya berbagai-bagai dan mereka juga turut serta di dalam pembangunan negara. Saya rasa kerajaan telah berjaya meningkatkan kualiti kehidupan petani-petani. Dalam meneruskan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua ialah seperti yang saya sebut tadi, input-input pertanian harus dipertingkatkan lagi kepada petani-petani dan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad tadi.

*R&D*-lah soal ataupun ilmuwan ini melibatkan soal *R&D*. Ada agensi yang menguruskan soal penyelidikan dan juga diminta ditanamkan ilmu. Inilah kalau saya minta kerajaan supaya memberi suatu arahan kepada agensi-agensi yang terlibat dalam pertanian ini supaya tetapkanlah dengan skop ataupun tugas mereka ini iaitu *core business* tiap-tiap agensi itu harus dipertahankan. Janganlah agensi-agensi ataupun badan-badan, pertubuhan-pertubuhan pertanian ini keluar daripada objektif penubuhan mereka.

Misalnya *core business* ialah untuk membantu dan juga menyemarakkan lagi soal pertanian. Akan tetapi ada juga pertubuhan-pertubuhan yang melibatkan diri dalam perkara-perkara komersial lain sepertinya membuka stesen minyak, melibatkan diri dalam sektor perumahan. Jadi kita harap kerajaan dapat mengawal agensi ataupun pertubuhan-pertubuhan ini supaya kekalkanlah dengan tujuan dan objektif penubuhan agensi-agensi tersebut...

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Boleh saya menceleh Yang Berhormat?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya tertarik dengan *statement* tersebut. Kalau kita bercakap agensi yang sepatutnya fokusnya kepada *mission* dan juga tanggungjawab. Persoalan saya, dahulu kita ada Universiti Pertanian atau UPM. Di mana UPM diwujudkan untuk memastikan dia fokus kepada pertanian dan memastikan bahawa bahan-bahan makanan termasuklah daging lembu, sayur-sayuran itu mencukupi. Akan tetapi apabila UPM ditukar nama kepada "Universiti Putra", persoalan saya, apakah UPM terus ataupun telah tidak lagi menekankan kepada matlamat asal? Itu yang pertama.

■1530

Kedua, apakah kalau mereka telah meneruskan matlamat asal itu. Apakah mereka telah berjaya memainkan peranan ia kerana kita tahu UPM mempunyai tanah yang cukup luas. Ia mempunyai *professors* untuk membuat *research* bahkan mempunyai bajet yang agak tinggi. Jikalau mereka masih terus, apakah mereka dapat membantu di dalam penyelesaian masalah makanan pada hari ini kita terpaksa import, daging lembu apa semua, bahkan ayam, sayur-sayuran daripada luar. Padahal kita ada Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kalau ia tidak berlaku, apakah pandangan Yang Berhormat tindakan pihak kerajaan supaya satu hari kelak, dengan bantuan daripada UPM ini kita tidak lagi menghadapi masalah-masalah kekurangan makanan. Seperti yang kita ketahui, kita terpaksa mengimport banyak makanan termasuk daging daripada luar. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih kepada sahabat saya. Yang Berhormat Profesor dan saya amat bersetuju dan saya berharap supaya dimasukkan di dalam sebahagian daripada perbahasan saya. Saya harap kerajaan terutama sekali Kementerian Pengajian Tinggi dapat memberi respons di atas persoalan UPM ini. Adakah ia masih kekal, tujuan asal penubuhannya ataupun sudah dibuat perubahan-perubahan yang lebih dinamik lagi dan saya harap perkara-perkara ini dapat di selaraskan. Supaya soal pertanian ini, yang ini merupakan suatu perkara yang paling asas dan utama di dalam suatu negara, iaitu soal pemakanan seperti yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Tan Sri Profesor.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada juga catat banyak juga, tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat laluan.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum* Yang Berhormat, kalau boleh sedikit sebelum Yang Berhormat berpindah ke sektor lain. Jikalau kita tengok- terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua.



Jikalau kita tengok dalam sektor-sektor lain, kerajaan banyak membuka peluang-peluang pekerjaan. Akan tetapi dalam sektor pertanian ini banyak pekerjaan itu dibuka dari sudut kepegawaian, pentadbiran dan sebagainya. Akan tetapi jawatan dalam bentuk yang *pure* pertanian itu tidak banyak.

Apakah kerajaan boleh fikir, bahawa kerajaan boleh buka jawatan yang melibatkan kerja pertanian itu sendiri bukan kepegawaian, pertanian itu sendiri. Sebagaimana di Barat yang kita tengok, petani-petani ini hebat. Bekerja petani ini satu kerja profesional yang boleh mendatangkan kekayaan dan membantu negara. Jadi, bolehkah Yang Berhormat boleh bagi sedikit pandangan dan masukkan di dalam sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya pun memang hendak masukkan kepada perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu kita memberi satu nilai komersial. Nilai komersial kepada selain daripada sekarang pertanian kalau kita ingat. Selalunya kita faham, rakyat di bawah sana faham, itu suatu sektor tradisional bagi rakyat terutama sekali bangsa Melayu di negara ini.

Saya tengok dari pengalaman sendiri pun saya lihat sesiapa yang melibatkan ataupun meletakkan asas komersial di dalam sektor pertanian memang boleh maju dan amat menguntungkan sekiranya petani-petani ini meletakkan nilai komersial di hadapan selain daripada nilai untuk menyara keluarga sahaja. Sebagai respons kepada Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad, saya hendak juga mencadangkan supaya kepegawaian ini dan hari ini marilah saya cadangkan kepada kerajaan supaya hendak bagi suatu gerak ataupun suatu *drive*, dengan izin, kepada petani-petani ini, saya hendak cadangkan kepada kerajaan, buatlah program lawatan sambil belajar kepada petani-petani ke negara-negara maju yang mengamalkan pertanian secara komersial dan berskala besar. Bagilah pendedahan ini kepada petani-petani dan bukan lagi kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan agensi-agensi pertanian.

Saya harap kerajaan dapat menganjurkan ini, supaya kita hendak menyemarakkan, hendak memberi semangat kepada petani-petani itu sendiri. Jadi, itulah sebagai respons saya kepada perkara isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Tuan haji Muhammad.

Di samping itu juga, saya hendak mengucapkan terima kasih di atas tadi juga di dalam perbahasan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Abdullah tadi yang meletakkan soal pendidikan ini dan juga kesihatan di peringkat yang lebih ataupun di peringkat yang harus dititik beratkan. Kedua, kementerian ini Tuan Yang di-Pertua ialah kementerian-kementerian yang begitu rapat dengan rakyat dan kita memerlukan kementerian-kementerian ini di peruntukan lagi jumlah wang

yang banyak untuk menjadi suatu pemangkin kepada kebajikan rakyat dan rakyat rasa kerajaan ini begitu prihatin terhadap kebajikan. Misalnya soal pendidikan, soal kesihatan dan kita tidak perlu berkiralah dengan perkara-perkara yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada rakyat-rakyat negara ini.

Dengan itu saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua perbahasan saya di dalam bajet tambahan bagi tahun 2017 dan saya dengan ini menyokong pembentangan bajet perbelanjaan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff yang terlibat. Sekarang saya ada sebuah usul yang akan dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan.

### USUL

#### **DI BAWAH P.M 11(1) TANPA MENGHIRAUKAN USUL TERDAHULU**

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Tuan Yang di-Pertua.

“Bahawa, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, saya memohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Ahli-ahli yang hendak berbahas ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018, dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin 2 April 2018.”

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah Usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dipersilakan.

**3.44 ptg.**

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018 yang saya kira ia penting untuk memantapkan pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia dan bakal mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak banyak hendak menyentuh dalam perbahasan RUU Perbekalan Tambahan. Cuma, saya ingin menyentuh perkara yang pertama dalam bahagian B.42 berkenaan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia yang mana sebanyak RM352 juta di peruntukan bagi bajet pembangunan kesihatan keluarga dan RM126 juta bagi tujuan perubatan am. Jadi, peruntukan ini kita dapat lihat dan membuktikan bahawa Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Barisan Nasional amat mementingkan kesihatan warganegara Malaysia dan kepentingan pembangunan kesihatan keluarga.

Saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan dakwaan hasil kajian oleh UNESCO bahawa terdapat kenaikan yang signifikan masalah tumbesaran kanak-kanak berumur bawah 12 tahun. Ini kerana mereka ini diselubungi masalah ketidakmampuan ibu bapa membeli barangan keperluan makanan yang berkualiti dan berzat tinggi dalam memastikan tumbesaran anak-anak ini berjalan dengan baik. Ada pihak yang menyalahkan dasar GST kerana kenaikan harga barangan pengguna. Sedangkan kita tahu pakar-pakar ekonomi banyak menyatakan bahawa GST tiada kaitan dengan kenaikan harga.

**■1540**

Ada juga yang menyatakan bahawa ekonomi negara yang tumbuh baik tetapi realiti sebenar di sebaliknya. Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan apakah Kastam dan Kementerian Kewangan serta Kementerian Pendidikan telah betul-betul menjalankan tinjauan dan kaji selidik agar dapatan yang tidak tepat mengenai kerencanan tumbesaran kanak-kanak ini dapat ditangani dengan data terkini oleh kerajaan.

Walaupun semalam ada Yang Berhormat Menteri telah menjawab beberapa persoalan sebab saya rasa tentang *stunted kids* iaitu *stunted child* ini sering kali saya bawa ke Parlimen walaupun sebelum UNESCO mengeluarkan laporan ini tetapi masih belum dapat satu jawapan yang *solid* daripada pihak kerajaan apakah benar-benar kajian ataupun pernah juga saya kemukakan bahawa susu umur budak yang enam tahun diberi layanan GST sifar.

Maka saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan sama ada kerajaan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan bercadang untuk menambah beberapa barangan makanan bernutrisi khasnya kepada kanak-kanak seperti bijirin seperti makanan susu segar dan makanan-

makanan yang berkhasiat lain yang dapat membantu tumbesaran kanak-kanak ini agar diberi layanan kadar sifar GST.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang ingin saya sentuh adalah berkenaan dengan B.63 yang melibatkan perbelanjaan mengurus Kementerian Pendidikan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua saya tertinggal satu berkenaan dengan Kementerian Kesihatan ini saya dalam Kementerian Kesihatan ini saya ingin bertanya tentang perbelanjaan yang diperuntukkan sebab kita tahu bahawa dalam *National Health and Modernity Survey 2015* menurut laporan tersebut menyatakan bahawa, 29.2 peratus atau tiga daripada 10 orang dewasa 16 tahun ke atas rakyat Malaysia mempunyai isu kesihatan mental. Kita lihat apabila kita sebut tentang kesihatan sering kali kita dikaitkan tentang kesihatan fizikal maknanya kita sakit dan sebagainya.

Akan tetapi sedangkan menurut laporan daripada *World Health Organization* (WHO) *depression* ataupun kemurungan akan menjadi penyakit kedua tertinggi yang harus diberikan perhatian. Maknanya kalau di Malaysia ini saya tengok dalam satu laporan *it going to be second highest illness to be* yang perlu diberi perhatian selepas daripada masalah jantung. Soalan saya kepada kementerian, adakah kerajaan di bawah Kementerian Kewangan bercadang untuk memperuntukkan kewangan agar isu masalah kesihatan mental ini diberi perhatian?

Oleh sebab kalau kita tengok daripada laporan daripada *National Health and Modernity Survey* ini juga 12 peratus daripada mereka yang dilaporkan mempunyai isu tentang masalah kesihatan adalah di kalangan wanita iaitu terutamanya wanita-wanita yang lepas daripada bersalin. Mungkin saya hendak bertanyalah kepada Kementerian Kewangan adakah peruntukkan termasuk peruntukkan masalah kesihatan ataupun ada bercadang untuk mengadakan lebih banyak kempen, kesedaran ataupun *awareness* kepada masyarakat agar *to fight against the stigma of mental illness ini*. Oleh sebab, kalau kita cakap pasal *mental illness* ini sering orang kata dalam bahasa kasarnya orang itu gila dan sebagainya sedangkan banyak masalah *illness, depression, anxiety* dan sebagainya yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat kita tetapi tidak disedari.

So, maka saya bertanya sama ada Kementerian Kewangan bercadang untuk memperuntukkan kewangan dalam masalah kesihatan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Yang Berhormat boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Ya.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah. Menyentuh soal *mental health* ataupun penyakit sakit jiwa kita kata dan ianya sering berlaku kepada ibu-ibu yang baru bersalin. Cadangan saya

atau bolehkah saya hendak tanya sama ada cadangan ini baik ataupun tidak, kita wujudkan satu hospital khas ibu dan anak-anak. Oleh sebab saya fikir masalah kesihatan mental wanita yang lepas bersalin sangat kritikal. Maksud saya tidak ada statistik tetapi maksud saya ramai melaporkan bahawa terdapat perubahan sikap, perubahan dari segi perangai selepas bersalin dan ini menjejaskan keharmonian rumah tangga dan juga boleh menjejaskan prestasi kerja jikalau wanita itu bekerja.

Jadi bolehkah saya cadangkan setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya cadangkan kerajaan menubuhkan satu hotel khas setidak-tidaknya satu hospital di setiap negeri *dedicated* ataupun mendedikasikan kepada ibu dan anak-anak. Terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Sr. Haji Hanafi. Saya sangat setujulah dan berterima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dato terhadap kaum wanita dan anak-anak. Saya menyokong penuh sekiranya pihak kerajaan bercadang untuk mengadakan hospital wanita dan kanak-kanak di seluruh negara. Untuk menjawab statistik tadi saya ada sedikit statistik kalau mungkin saya boleh berkongsi Tuan Yang di-Pertua.

Daripada *National Health and Modernity Survey* ini tadi, daripada yang dikatakan *mental health problem in Malaysia depressions*, yang mengalami depresi ini 29.2 peratus. Maknanya keseluruhan. Sebanyak 12.7 peratus *depressions among women after delivery* maknanya yang lepas daripada bersalin inilah dan *generalize anxiety disorder* sebanyak 1.7 peratus dan *prevalence of depression* iaitu *lifetime* sebanyak 2.4 peratus, yang *currently having depression* 1.8 peratus dan *suicidal ideas* maknanya yang mempunyai pemikiran hendak membunuh diri ini ada 1.7 peratus *suicidal plan* memang hendak pelan hendak bunuh diri ini ada 0.9 peratus dan cubaan membunuh diri ada 0.5 peratus.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, masalah mental ini sebenarnya walaupun kita kata kesihatan bukan sahaja daripada fizikal tetapi isu masalah mental ini harus diberi perhatian. Ini kerana dalam keadaan dunia yang penuh cabaran, dengan pelbagai masalah yang berlaku mungkin dapat difikirkan peruntukkan kewangan yang sewajarnya agar dapat diwujudkan keadaan *support group* di *work place* contohnya dan juga perkara-perkara lain yang berkaitan dengan isu masalah sakit mental.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh tentang Kementerian Pendidikan seterusnya...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta mencelah.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sikit ya. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah yang ditimbulkan itu sebenarnya kita juga kena tengok daripada segi punca-punca berlakunya masalah itu. Jadi kalau kita tengok secara keseluruhan punca yang paling penting ialah kerana jauhnya seseorang itu dengan Allah SWT, regangnya dengan agama.

Oleh sebab itu saya cadangkan supaya pihak kerajaan juga mengambil kira dari sudut penghayatan agama itu sebagai satu kekuatan dalam kehidupan seseorang. Jadi kalau kita selalu mencari masalah lain, kalau masalah agama itu tidak selesai ia tidak akan ke mana juga. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian dalam semua keadaan. Kita boleh jauh daripada Tuhan kepada Allah kepada agama itu sendiri. Oleh sebab kalau kita jauh daripada ajaran agama, syaitan pun akan masuk dan macam-macam boleh jadi.

Jadi saya harap perkara ini dimasukkan di dalam perbincangan Yang Berhormat *Insyallah* terima kasih.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad. Saya pun setuju jugalah sebab dalam hidup ini kita yang paling penting kerohanian kita terhadap hubungan kita dengan Allah SWT.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbincangan ingin menyentuh tentang Kementerian Pendidikan. Saya menyambut baik kelulusan peruntukkan tambahan yang diberikan kepada Kementerian Pendidikan dalam memastikan perbelanjaan emolument pendidikan rendah dan menengah diberikan perhatian sewajarnya.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah pertambahan emolument ini telah mengambil kira kos dan perbelanjaan yang bakal terlibat dalam mengurus kenaikan pangkat secara *time-based* guru-guru pada tahun 2018?

Keduanya, saya juga ingin mendapatkan perincian berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan bagi memastikan insentif kenaikan pangkat guru-guru di Kementerian Pendidikan diberikan perhatian sewajarnya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pemerksaan wanita pastinya kerajaan mengumumkan tahun 2018 merupakan tahun memperkasa wanita.

■1550

Saya amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus komited untuk memastikan pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat terus diberikan perhatian sewajarnya. Pada bajet tambahan ini, sebanyak RM235 juta diperuntukkan bagi

menambah belanja program sosioekonomi bagi membantu golongan kurang upaya, keluarga miskin dan warga emas serta program bantuan lain.

Justeru, dengan tambahan ini, ianya membuktikan betapa Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat amat mementingkan pembangunan keluarga, wanita dan masyarakat terus terpelihara ditingkatkan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah Kementerian Kewangan melalui Bank Negara membantu menangani masalah-masalah wanita yang sering dijadikan mangsa keldai akaun sindiket penggubahan wang haram yang amat berleluasa kini. Oleh sebab, kita tengok kebanyakan kaum wanita baru-baru ini ada laporan mengatakan bahawa wanita dijadikan keldai. Bukan sahaja keldai dadah, tetapi keldai-keldai dalam sindiket penggubahan wang haram. Maka saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian. Bagaimanakah juga agar dapat kementerian kewangan, Bank Negara Malaysia dan institusi kewangan membantu mangsa-mangsa keldai akaun ini dari terjerumus ke kancah jenayah penggubahan wang haram dan merisikokan diri sendiri?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang institusi penjara di bawah perbelanjaan Kementerian Dalam Negeri di bawah Maksud B.62. Tuan Yang di-Pertua, kepentingan institusi penjara amat penting dalam memastikan program *correctional* dijalankan secara bersepadu. Masyarakat bersama-sama kerajaan memastikan agenda pemulihan mereka yang disabitkan kesalahan oleh Badan Kehakiman Negara benar-benar mengubah perilaku tahanan.

Saya amat memuji langkah-langkah dan usaha Jabatan Penjara Malaysia yang melaksanakan Program Mesej dari Penjara dengan mengadakan program motivasi bersama dengan pelajar dan masyarakat agar menghindari jenayah, terutamanya penyalahgunaan dadah. Kita tengok di dalam Dewan yang mulia ini banyak menyentuh dalam perbahasan sebelum ini tentang penyalahgunaan dadah.

Kami amat berbangga kerana institusi *correctional* ini, telah melatih tahanan-tahanan dengan kemahiran vokasional dan industri agar mereka dapat menggunakan kemahiran ini untuk membina semula kehidupan selepas dibebaskan kelak. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah kerajaan dapat menimbangkan peruntukan kewangan agar Program Mesej dari Penjara dapat diadakan di setiap pejabat pendidikan daerah dan memanfaatkan pencegahan jenayah ke atas remaja dan belia terutamanya di dalam kes-kes dadah.

Bagaimanakah dapat kerajaan memperuntukkan agar peruntukan perolehan diberikan sewajarnya? Ini kerana setiap penjara mempunyai keupayaan mengeluarkan barangan

keperluan pengguna seperti produk makanan sejuk beku, kek dan pastri, *cookies*, perabot dan barangan pengguna-pengguna dengan harga yang patut supaya mereka yang berada di dalam pusat *correctional* ini dapat melatih skil-skil mereka yang telah diberikan, di samping menambah pendapatan mereka sepanjang mereka berada di pusat *correctional* ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong RUU ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Sekarang saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, dipersilakan. Tiada? Kalau tiada, saya jemput Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili.

**3.54 ptg.**

**Dr. Zaidi Haji Suhaili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk sama-sama ikut serta di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 ini. Ada beberapa perkara yang hendak saya sentuh di dalam perbahasan ini yang melibatkan beberapa kementerian.

Pertama sekali saya, pergi kepada Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kemahiran belia amat *significant* dalam memastikan modal insan belia negara dapat berkhidmat di dalam pasaran kerja dalam memenuhi tuntutan semasa iaitu Revolusi Industri 4.0 dengan melengkapkan diri kita dengan kemahiran apa yang disebut sebagai *Internet of Things* (IoT). Dalam Perkara B.46, Kementerian Sumber Manusia diberikan tambahan sebanyak RM16 juta bagi Program Latihan Kementerian Sumber Manusia. Bagi memantapkan program kemajuan sumber manusia, saya ingin menimbulkan di sini, beberapa perkara yang menjadi persoalan kita.

Pertama, bagaimana cara terbaik bagi Kementerian Sumber Manusia untuk memperkasakan kursus-kursus *National Occupational Skills Standard* (NOSS) kelolaan institusi TVET untuk belia lepasan terutamanya bagi belia-belia lepasan sekolah menengah di Sarawak. Berapakah bilangan penyelia latihan bertauliah juga di Sarawak? Bagaimanakah peserta pusat latihan ini mendapat pembiayaan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Malaysia?

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh tentang bagaimanakah Kementerian Sumber Manusia dapat mengelolakan *job marketing* yang berada di Semenanjung Malaysia ini agar rakyat atau belia-belia di Sarawak dapat menyertai pasaran kerja katakan di projek-projek besar seperti RAPID Pengerang, ECRL dan juga projek-projek pembangunan fizikal di Semenanjung



Malaysia supaya mereka tidak hanya mencari pekerjaan yang lebih bergantung kepada projek-projek yang ada di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada peruntukan untuk Kementerian Pendidikan. Kita lihat bahawa sebanyak RM522.806 juta yang diminta untuk membiayai bantuan makanan asrama bagi melibatkan pelajar-pelajar sekolah berasrama di seluruh Malaysia. Akan tetapi apa yang hendak saya ingin tanyakan di sini ialah tentang kedudukan pelajar-pelajar asrama di sekolah-sekolah di negeri Sarawak.

Saya ingin meminta kementerian untuk memberitahu Dewan ini, berapakah jumlah pelajar-pelajar yang pada masa ini tinggal di asrama, di sekolah-sekolah di negeri Sarawak berbanding dengan jumlah pelajar yang tidak tinggal di asrama? Katakan pada lima tahun yang lepas. Hal ini kerana, oleh sebab pembangunan jalan raya komunikasi yang baik ramai pelajar yang merasakan bahawa mereka tidak perlu lagi tinggal di asrama kerana pengangkutan mereka untuk berulang alik ke sekolah sudah begitu baik.

Akan tetapi, perkara ini menimbulkan satu kekusaran yang lain. Bila pelajar-pelajar tidak tinggal di asrama maka mereka agak tidak terkawal. Ini kerana selepas waktu sekolah mereka balik ke rumah dan mereka merasakan bahawa mereka begitu bebas dan ada kalanya mereka kurang masa untuk mengulang kaji pelajaran mereka, kurang kawalan ibu bapa dan sebagainya.

### **1600**

Walhal kalau mereka duduk di asrama, mereka mempunyai makanan yang teratur, mereka mempunyai kawalan dari segi masa belajar dan sebagainya dan juga termasuklah ikatan-ikatan disiplin yang lain. Jadi ada kalanya bila pelajar-pelajar khususnya mereka yang tinggal di pinggir bandar terutama di negeri Sarawak, maka ini menimbulkan masalah sosial yang berlaku. Jadi saya minta dalam kita menambahkan bajet untuk bantuan makanan asrama ini, saya minta apakah jumlah pelajar yang ada di asrama di negeri Sarawak pada masa ini, bertambah ataupun berkurangan di banding dengan jumlahnya 5 tahun yang lalu, kerana saya takut bahawa masalah lagi...

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Tuan Yang di-Pertua boleh saya mencelah kejawab. Sikit saja. Untuk Yang Berhormat rehat sekejap. 2 minit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Saya tertarik dengan soal asrama. Saya dapati asrama di sekolah-sekolah banyak dan sepatutnya menempatkan angka yang banyak dan ini sudah tentu melibatkan kos yang tinggi bagi kerajaan. Apa yang didapati ialah jika contohnya ada satu asrama kapasitinya 300 tetapi hanya 200 yang hendak duduk di asrama sebab kita memberi

pilihan. Itu satu contoh. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, sebahagian daripada mereka ini, kalau tidak duduk di asrama, dibebaskan duduk di rumah kerana perhubungan yang baik, maka timbul masalah sosial. Masalah ini bukan saja menjejaskan keluarga mereka tetapi juga menyumbang kepada masalah sosial komuniti ataupun keadaan setempat.

Jadi bolehkah saya masukkan cadangan saya ini dalam perbahasan Yang Berhormat iaitu saya mencadangkan supaya sekolah menetapkan atau membuat satu dasar di mana murid-murid yang bermasalah, sering ponteng, sering menghisap rokok, duduk di asrama. Dasar yang bagi saya dapat mengekang masalah sosial akibat daripada tinggal di rumah kerana saya tahu ibu bapa tidak dapat mengawal mereka. Sebahagian daripada ibu bapa yang sibuk dengan tugas, yang sibuk dengan perniagaan dan berjauhan kadang-kadang daripada keluarga kerana sebahagiannya bekerja seperti *driver*, *long distance*, *drivers* dan sebagainya. Jadi boleh saya hendak tumpang supaya dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat ini supaya kita mencadangkan kerajaan ataupun sekolah membuat dasar supaya mereka ini ditempatkan di asrama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Senator. Saya bersetuju dengan pandangan seperti itu kerana saya fikir bahawa kalau anak-anak kita boleh duduk di asrama, ini adalah satu perkara yang terbaik kerana kita lihat bahawa sekolah-sekolah di pinggiran bandar, sekolah-sekolah yang terletak di dalam kampung, ada kalanya anak-anak kita tidak begitu mahu hendak tinggal di asrama. Ini kerana pada mereka, mereka hendak bebas daripada kawalan-kawalan yang ketat, walhal kalau kita lihat sekolah-sekolah berprestasi tinggi adalah sekolah-sekolah asrama penuh di mana ibu bapa yang mempunyai kesedaran tentang pelajaran anak-anak mereka berebut-rebut hendak masuk di sekolah berasrama penuh, sekolah berprestasi tinggi.

Akan tetapi keadaannya ada sekolah-sekolah di pinggir bandar, masyarakat kita, mereka memberi kelonggaran kepada anak-anak mereka sama ada mahu tinggal di asrama atau pun tidak mahu tinggal asrama. Jadi saya katakan bahawa saya setuju dan masukkan dalam teks ucapan saya ini. Saya rasa juga kementerian tidak semestinya kalaulah anak-anak itu rumahnya dekat dengan sekolah, tidak layak di ambil asrama. Akan tetapi yang pentingnya kita sudah berbelanja ini, yang pentingnya kemudahan sudah ada, asrama sudah ada. Yang pentingnya bila anak-anak itu walaupun rumahnya tidak begitu jauh daripada sekolah, asalkan mereka mahu tinggal di asrama, saya rasa patut kita beri perhatian kerana ini cara kita hendak kontrol anak-

anak kita dari segi masa mereka belajar, disiplin mereka mungkin, mereka ada dapat ulang kaji, ada *tuisyen* dan banyak-banyak program lain yang boleh dianjurkan di asrama.

Jadi, saya lihat walaupun kita mempunyai tambahan saya rasa....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** ...Dasar ini, kita perlu *revisekan* dan walaupun mungkin tahun hadapan perbelanjaannya meningkat tetapi yang pentingnya inilah cara kita untuk meningkatkan mutu pendidikan dan juga kawalan sosial kepada anak-anak kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Sedikit mencelah. Sikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta laluan ya.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biasanya di asrama ini memang alhamdulillah, banyak aspek yang diberi perhatian, misalnya soal disiplin, kesihatan, pemakanan dan sebagainya dan saya dok perhati ia agak kurang sikit diberi perhatian ialah soal penghayatan agama.

Jadi saya cadangkan, *insya-Allah* kalau boleh masukkan dalam ucapan Yang Berhormat supaya penghayatan agama ini diberi perhatian sama dengan kesihatan, disiplin dan sebagainya. Ini kerana agama ini adalah hak asasi manusia yang paling asas sekali. Kalau soal agama ini selesai, hak lain itu banyak boleh selesai. Jadi saya cadangkan misalnya di asrama ini, kita bagi perhatian soal pendidikan fardu ain, penghayatan Islam dan sebagainya. *Insya-Allah* anak-anak kita akan dijaga oleh Allah *Subhana Wataala* apabila kita jaga agama Allah, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Saya rasa pandangan boleh dimasukkan ke dalam teks ucapan saya.

Jadi perkara yang selanjutnya ialah tentang bantuan khas kewangan ini. Jadi saya juga melihat bahawa satu jumlah pertambahan diperlukan bagi menampung kekurangan untuk peruntukan bayaran khas kewangan tahun 2017. Saya berpendapat di sini bahawa program ini, Program Bantuan Khas ini perlu juga diperbaiki kerana kita melihat ianya lebih kepada penilaian dari segi kuantum. Kalau kini kita lihat bahawa ibu bapa yang pendapatan mereka RM3 ribu ke bawah, layak untuk mendapat bantuan kewangan khas ini, tidak kira berapa banyak anak mereka. Akan tetapi yang kita agak perlu perhatian juga ialah ada ibu bapa yang gaji mereka mungkin lebih daripada RM3 ribu, RM3,100, RM3,200 ataupun RM4 ribu.

Akan tetapi mereka oleh kerana mereka tidak tergolong di dalam kumpulan ini, maka mereka tidak layak untuk mendapat bantuan. Persoalannya ialah kita harus juga melihat ada yang gaji RM4 ribu, anaknya mungkin 5 orang bersekolah tapi tidak layak. Yang gaji RM3 ribu ke bawah, anaknya mungkin seorang ataupun dua orang sahaja bersekolah. Jadi kita mahu Kementerian Pendidikan mengkaji skim bantuan ini, berilah sedikit kelonggaran. Kalau ada yang gaji lebih daripada mungkin tidak melebihi RM4 ribu tetapi anak ditanggungnya ada 5 orang lagi bersekolah ataupun sebagainya, mereka patut juga diberi bantuan. Ya.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat mencelah sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Saya bercakap fasal pendapatan ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat fasal kalau hendak kira dari segi gaji antara bandar dengan luar bandar, tentunya dia punya taraf hidup, *cost of living* dia berbeza. Saya mintalah kalau hendak tanya Yang Berhormat, setuju tidak kalau diasingkan kategori walaupun gaji sama tetapi kalau di bandar ini saya rasa dia punya kos taraf hidup tinggi, kalau gaji RM3 ribu itu rendah. Di kampung mungkin banyak.

#### ■1610

Kemudian kedua, kalau macam Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa tadi, saya tengok dia banyak bertanya bagus, terima kasih Yang Berhormat Ustaz. Akan tetapi kalau banyak sangat itu, kalau boleh selepas ini Yang Berhormat bahas sendiri. Mencelah nanti buang masa, hendak banyak soal lagi. Terima kasih.

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Pak Lah, Abe Lah, Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah. Jadi ini juga perkara yang harus kita kaji kalau boleh mereka yang gaji RM3,000 selain daripada apa yang saya katakan tadi, di mana *locality* mereka tinggal, di luar bandar RM3,000 mungkin mencukupi. Akan tetapi mungkin ada kategori yang tinggal di bandar mungkin nilai pendapatan mereka harus dikaji lagi kerana kita tahu bahawa *cost of living* di dalam bandar berbeza dengan apa yang ada di luar bandar.

Jadi bukan kita hendak mendiskriminasikan tetapi ini adalah suatu realiti, jadi satu realiti. Kalau kita nak membantu maka biarlah kita membantunya dengan berpijak kepada fakta yang nyata. Jadi, saya bersetuju dengan apa yang disarankan tadi. Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah soal bantuan kewangan khas untuk pegawai-pegawai di Kementerian Kesihatan pun kita perlu juga peruntukan tambahan. Apa saya nak katakan di sini ialah kalau di Sarawak ialah masalahnya kita kekurangan doktor yang hendak berkhidmat di luar bandar.

Kita tahu bahawa perkhidmatan doktor ini adalah satu perkara yang kerjanya memanglah satu kerja yang amat mencabar tetapi menjadi seorang profesional kita terpaksa melihat jawatan itu sebagai suatu yang paling penting. Saya amat menyokonglah kalau diberi bantuan khas bahkan saya berpendapat bahawa perkhidmatan pegawai perubatan ini kalau boleh kita berikan mereka insentif lagi dan termasuk jugalah perkara-perkara di mana mereka mesti ada kesanggupan untuk berkhidmat di luar bandar khususnya di negeri Sarawak. Ini supaya mereka bila sudah dapat jawatan sebagai doktor di klinik-klinik kerajaan mereka tidak begitu memilih sama ada untuk berkhidmat di hospital-hospital di dalam bandar sahaja tetapi mesti rela untuk berkhidmat di luar bandar juga.

Jadi saya juga menyokong permintaan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani walaupun mereka hanya hendak menandakan *create* satu *board head* yang bertajuk, Majlis Pertanian Kebangsaan. Saya haraplah mereka akan menggunakan *board head* ini nanti untuk tahun hadapan bagi memperkasakan lagi apa yang pernah disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah kita hendak memperkasakan industri kulinari kerana dengan cara ini kita berharap generasi muda kita dapat mempopularkan masakan-masakan tempatan supaya menjadikan Malaysia ini sebagai satu tempat yang kita katakan sebagai syurga untuk kita, jamuan makanan dan sebagainya.

Di samping itu, kita dapat menggalakkan penubuhan industri-industri, mencari makanan-makanan tempatan, mempopularkan masakan-masakan tempatan di seluruh daerah, di seluruh bandar di negara kita supaya kita dapat memperbanyakkan makanan-makanan tempatan supaya kita tidak banyak bergantung kepada industri ataupun barang-barang makanan yang kita import. Jadi dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik terima kasih Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan akhirnya ada seorang lagi Yang Berhormat Senator kita, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan. Dipersilakan, penghabisan ya.

#### **4.15 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk berucap sedikit, sudah penghujung ini. Terlebih dahulu saya menyokong rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya berucap di petang ini memandangkan inilah mungkin ucapan terakhir sebab saya telah melalui enam tahun di Dewan yang mulia ini. Jadi saya nak bangkitkan

dua perkara yang mula saya masuk dalam Dewan, saya bangkit isu Hospital Padang Besar. Hospital Padang Besar ini untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, telah lulus, sehingga hari ini sudah menjadi enam tahun. Lulus tiada hospital, tanah sudah ada dan sudah sedia. Jadi bila saya tanya Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan kata sudah lulus, kita akan pecah tanah bulan Disember 2017.

Sekarang 2018 lepas itu beritahu kata duit tidak turun. Jadi saya berucap ini harap Yang Berhormat Menteri Kewangan yang bertanggungjawab dapat memaklumkan kepada rakyat Perlis. Hospital sudahlah satu saja yang ada di Perlis Tuan Yang di-Pertua. *Occupancy* dia 98 *percent*, ketat. Jadi orang Kedah pun *mai guna hat* Perlis punya, Perlis nak pergi ke Siam tidak boleh, ini masalah. Jadi tolonglah, saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerajaanlah tolong nilai benda ini supaya jadilah.

Tidak adapun ini sudah dekat dengan pilihan raya sudah ini. Ini modal yang cukup besar untuk kita ini. Tanah sudah ada, *pi tolak pi pacak tiang*. Ayat ini mudah saja, kalau ditengok benda-benda macam itu, *insya-Allah*. Jangan kita *dok* buat macam bebal, buat tidak kisah. Kasihan rakyat di sana itu. Jadi saya ini bila tiap-tiap kali orang tanya, “*You cakap atau tidak?*” Saya kata sudah habis saya bercakap, ini saya bercakap ini sampai saya nak habis sudah, nak habis, sudah tamat saya ini. Bulan depan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya bersyukurlah apa yang rakyat suarakan kepada saya, saya bangkit di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang kedua saya *dok* perhati tengok ini kertas Perintah 1A 2018. Saya *dok* belek tengok ini berkenaan dengan Kementerian Penggunaan Wanita, keluarga dan Masyarakat. Kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab soalan berkenaan dengan anak yatim. Anak yatim ini Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat Menteri jawab dia dapat peruntukan membantu anak yatim sebanyak RM3.4 juta untuk anak yatim seramai 2,502 orang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sekejap dan sebelum saya nak beritahu bahawa kita punya persempadanan semula sudah berlaku. Seramai 129 Ahli Parlimen menyokong, 80 orang pula menolak. Kalau ingin berjaya hidup jangan dikongkong, jauh sekali hidup berdolak-dalik.

▪ **1620**

Silakan sambung dan juga tahniah atas bantuan sebagai Ahli Dewan Negara. Tahniah. Doakan berjaya hidup.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Jadi Tuan Yang di-Pertua- jadi yang saya bangkit ini....

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf kalau mungkin.... *[Suara kurang jelas]*

**Beberapa Ahli:** *Mic, mic, mic.*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Oh, *mic.* Saya tidak mahu Tuan Yang di-Pertua nanti rasa tidak ada topik lainkah yang hendak bercakap? *It takes me six years,* Tuan Yang di-Pertua. Kelmarin Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab kita dapat peruntukan daripada MOF RM3.4 juta. Itu menunjukkan kata mereka bayar kepada anak-anak yatim sebanyak RM8 sehari. Apa salahnya kalau *you double-up.* *It is only cost* kerajaan hanya RM6.8 juta. Apa yang heboh sangat yang tidak boleh ini? *Tang* mana yang tidak kena? Mungkinlah kalau kita jaga anak yatim, kita tahu. *Sorry.... [Meminta izin untuk minum]* *Sorry,* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Jadi saya nampak tidak tahu *tang* mana yang sangkut. Kelmarin juga saya jumpa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Beliau kata, beritahu dekat saya, "Tidak apa, tidak apa Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan susah hati. Bulan Mei ini saya hendak jumpa Perdana Menteri, kita akan bangkitkan isu ini". Saya dah tidak *dan* sudah bulan lima ini. Presiden, saya tidak *dan* sudah. Saya akan habis pada 24 hari bulan empat. Tamat saya selama enam tahun. Jadi inilah perjuangan.

Perjuangan kita ini bukan kata kita hura dan sebagainya untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua. Dia bagi kita RM8, dia pastikan duit RM8 ini betul-betul digunakan untuk anak yatim, untuk makan anak yatim. Untuk makanan dan bukannya untuk yang lain. Untuk hendak pergi makan angin apa semua itu tidak boleh. Ini khas untuk makan. Untuk makan ataupun tukang masak. Boleh, yang RM8 ini. Diberi kepada rumah anak yatim. Untuk satu anak yatim diberinya RM8. Kita bagi makan lima kali. Makan pagi, makan tengah hari, minum petang, makan malam dan *supper.* Lima kali kita bagi makan anak yatim.

Makna kata, pertubuhan anak yatim ini yang berdaftar dengan PEYATIM Malaysia ini *dok* ada lebih kurang 72 buah rumah. Anak-anak yang ada di situ lebih kurang 2,800. Anak yatim miskin. Jadi kadang-kadang kita minta kepada Baitulmal pun masalah. Dia kata anak yatim tidak masuk dalam asnaf tetapi kita kata anak yatim miskin. Dia pun anak yatim miskin, kena bolehlah. Miskin boleh, anak yatim tidak boleh. Yang ini pun tidak tahulah. Pakar-pakar agama tolong rujuk tengoklah benda-benda ini semua. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, segala...

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, saya mencelah sikit boleh, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Sila, sila.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat, saya bila cerita tentang anak yatim ini saya memang simpatilah. Saya tahu Yang Berhormat ini pejuang anak-anak yatim. Yang Berhormat pun mungkin anak yatim juga. Cuma anak yatim senatorlah. Pangkat Senator berbanding dengan anak yatim ini. Macam Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi perjuang dadah. Dia PEMADAM. Jangan ingat bomba pula. Dia PEMADAM tetapi dia menyelesaikan masalah dadah dan bukannya kebakaran. Orang sesetengah ingat PEMADAM itu kebakaran.

Jadi anak yatim ini Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat cerita? Ini kerana ada sesetengah orang ini dia mempunyai anak, suami dia meninggal atau isteri dia meninggal. Dia berkahwin lagi satu. Dia berkahwin lagi satu. Anak dia itu ditempatkan di tempat anak yatim sebab dia bukan yatim piatu. Dia yatim. Bila yatim ini, ada yang letak di situ, ada yang kerana isteri atau suami baru ini tidak berkenan dengan anak itu, dia hantar ke sekolah anak yatim ataupun dihantar ke sekolah seliaan seperti Tunas Bakti. Dia hantar anak ke situ untuk menyelesaikan masalah anak tiri. So ditempatkan di tempat-tempat ini dan yang itu mungkin yang disebut anak yatim yang tidak asnaf.

Saya hendak tahu yang ini Yang Berhormat. Ada atau tidak *figure-figure* itu mengatakan bahawa mereka ini memang benar-benar anak yatim yang asnaf atau anak yatim yang dimasukkan kerana anak tiri. Terima kasih.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Yang Berhormat Dato' Sri. Okey, sebelum saya jawab Yang Berhormat Dato' Sri ini, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial India Bagan Serai, Perak ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu-tetamu yang hadir pada hari ini... [*Tepuk*]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Mohon mencelah, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Presiden Majlis Senator ini, saya hendak tanya Yang Berhormat. Boleh atau tidak Yang Berhormat terangkan mengikut definisi anak yatim di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Kalau tadi kalau definisi di bawah syarak, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat kita yang ada pendidikan agama boleh terangkan tetapi definisi di bawah kementerian bagaimana pula, Yang Berhormat? Terima kasih.



**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Dato' Sri, persoalan Yang Berhormat Dato' Sri tadi saya jawab dulu daripada sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Ramli. Istilah yang kita pakai iaitu rumah anak yatim yang kita pakai, ia masing-masing rumah anak yatim, dia pakai masing-masing dia punya istilah. Macam saya, di rumah anak yatim yang saya jaga, saya istilahkan yang saya terima; anak yatim yang tiada bapa. Apabila bapa dia ada, dia, kita *consider* dia sebagai bukan anak yatim. Bagi istilah.

Saya takrifkan daripada rumah anak yatim- kita istilahkan anak-anak yang kita hendak ambil duduk dengan kita mestilah anak yatim yang tidak ada bapa dan kita pergi *interview*. Kita pergi rumah. Yang duduk dengan *tok*, yang duduk dengan *tok menakan* dan sebagainya. Kita pergi tengok. Memang susah. Bila istilah susah itu, barulah kita ambil mereka itu duduk di rumah kita. Itu istilah yang Yang Berhormat Dato' Sri Presiden hendak tahu. Soalan daripada sahabat saya tanya ini berkenaan dengan istilah Jabatan Kebajikan Masyarakat, nanti kita jumpa Menteri yang jaga kebajikan masyarakat. *Insya-Allah* harap-harap kementerian dapat jawab soalan Yang Berhormat Tuan Ramli.

Jadi apa yang saya hendak cerita kepada Dewan yang mulia ini, kalau RM8 yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat ini, dia pastikan duit yang dia bagi RM8 itu you betul-betul belanja... [Disampuk] Ya, apa dia?... Batu? Cakap bagi deras sikit. Jadi apa yang saya hendak sarankan di sini, dia bagi kita RM8, *end of the year*, dia audit.

#### ■1630

Dia pastikan duit *ransom* yang dia bagi dekat kita ini, kita belanja. Kalau duit ada kelebihan daripada RM8, yang dia bagi kita belanja tidak habis, kita kena pulang balik kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Okey lah, kita ikut, prosedur itu Yang Berhormat, kita ikut.

Akan tetapi patut kah, tahun 2018 ini masih lagi dengan RM8. Itu sahaja yang saya minta. Yang saya minta bukan untuk Pertubuhan Mak Teh yang saya jaga, satu Malaysia. Kalau kelmarin Yang Berhormat Menteri jawab jawapan Yang Berhormat Menteri hanya RM3.4 juta diberi pada PERYATIM untuk 2,502 orang anak yatim. *You double up* kalau RM16 baru RM6.8 juta. Banyak lagi yang kita membazir.

Ini untuk anak-anak yatim dan mereka ini bakal jadi pemimpin kalau kita didik mereka betul-betul. Bukan daripada parti. Parti pun kita belanja lebih daripada itu. Berpuluh juta, beratus juta kita dok bela parti ini. Saya ingat elok lah, saya bercakap mungkin lah, Yang Berhormat Senator Datuk Abbas kata, tiap-tiap tahun dok dengar bercakap anak yatim. Ya lah, saya yang

bercakap ini Yang Berhormat Senator Datuk Abbas sebab ini, ucapan saya yang terakhir. Ucapan saya yang terakhir, saya ada sebut dua perkara...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Minta laluan sikit boleh? Sebab dok sebut nama Datuk Abbas, Datuk Abbas, saya pun terpanggil untuk bangun. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat bajet yang dipohon oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, RM235 juta, banyak saya kira. Kalau kita dengar Yang Berhormat beritahu tadi, untuk makanan anak yatim hanya dihadkan sebanyak RM8. Saya rasa bagi diri saya lah, kita tidak boleh terima sebenar- RM8 apa yang ada hari ini? Apa yang boleh kita dapat dengan harga RM8 satu hari untuk anak-anak yatim? So, sudah tentulah ia memerlukan tambahan dan saya berharap kementerian mengambil kira keluhan daripada Yang Berhormat Senator.

Bagi saya, saya menyokong penuh Yang Berhormat Senator. Saya juga rasa sedih, sayu bukan kepada anak yatim, kepada Yang Berhormat Senator sendiri sebab ini adalah hari-hari terakhir Yang Berhormat Senator bersama kami. Kita dah berada dalam Dewan cukup lama, kenal antara satu sama lain. Pelam harum manis pun tidak pernah *miss*, sampai sahaja ke kita. Jadi, saya harap lepas ini Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan balik ke kampung halaman dan saya harap doakan semua Datuk Seri berada dalam keadaan baik, sihat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas atas prihatin Datuk. Ya lah, saya dah habis dah di Dewan Yang Mulia ini, saya harap Datuk-Datuk yang dok ada di depan, sekeliling ini tolong bangkit untuk anak-anak yatim dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua. Ini saya kena cerita sikit. Kalau rumah pertubuhan anak yatim itu dia ada *fixed deposit* RM10 juta. Kata lah, lama dah rumah anak yatim itu dah 40 tahun, 50 tahun dia pandai cari duit, dia simpan. JKM tidak akan bagi. Contoh, macam rumah anak yatim saya adalah lebih kurang RM2 juta kita simpan duit. Jadi, RM8 ini tidak dapat dah, tidak cukup. Kita kata kena tebus, habis. Sampai begitu JKM punya siasat hendak bagi duit RM8, tidak apa lah ini duit kerajaan, kita tidak apa lah, *alhamdulillah*. Akan tetapi RM8 memang tidak cukup lah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya ingat. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua *very concern* benda ini, *thank you Sir*. Saya mintalah, esok ini saya pun tidak ada dah. Tolong bangkitkanlah perkara-perkara ini dan saya ingat seluruh anak yatim akan berdoa kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini, yang begitu berat, yang kita bincang petang ini. Kira Yang Berhormat Senator Batu boleh tunggu ini kira hebatlah, tahniah Yang Berhormat Senator Batu.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh saya sebagai Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini akan tamat 24 April. Saya bercakap Disember yang lalu, yang mana saya jangka akan saya dah habis. Dalam keadaan sekarang ini, Dewan Parlimen ini telah turunkan daripada 16 April turunkan kepada 26 Mac bersidang. Jadi, dapatlah sekali lagi saya berucap di sini.

Saya rasa 16 April itu cukup cantik, harum manis pun dah masak. Tuan Yang di-Pertua, *sorry Sir* kali ini *I mai* tangan kosong tetapi *insya-Allah*, ini janji di Dewan, ini janji di Dewan ini. Saya akan bawa harum manis juga ke sini, *insya-Allah*. Jadi, sebelum saya mengakhiri Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk berbicara sedikit setelah enam tahun saya berkhidmat di Dewan Yang Mulia ini, saya memang rasa. Kita rasa hebat Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Kita mungkin kita rasa, biasalah, *it's not biasa, it's extraordinary Sir. You seat on that chair*, tapi bila *you* tidak duduk situ *you* akan terasa, *I'm gone*. Betul Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** [Ketawa]

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Tidak. Betul. Saya dah rasa, saya dah rasa yang mana tiga minggu lagi saya bukan Ahli Yang Berhormat. Saya yang bersara. *Where, I cannot come to this door. This area, I was not allowed*. Itu hebatnya *you* jadi Ahli Dewan Negara. Akan tetapi kita ini tidak sedar, duduk di kantin itu lupa. Tengok *TV*, *Speaker dok* geram, *quorum* tidak cukup. *We don't feel it* but bila saya *mai* hendak penghujung, eh, betul lah. Ini kehormatan yang Dewan bagi dekat kita, *you are very special. Started from you Sir, and the rest of us*. Ini *special*. Penghormatan yang kita dapat. Tengok pegawai-pegawai masuk pintu sebelah itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua masuk pintu ini, *special. We are not allowed to*. Betul Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah? *So*, saya menghargai *Sir. Honestly*, di hati kecil saya ini saya sangat-sangat menghargai *what I am today*.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan maaf daripada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Speaker, semua Ahli-ahli Dewan Negara dan juga para kakitangan Parlimen. Saya ucapkan ribuan terima kasih termasuklah dengan Bentara-bentara ini- senyum 24 jam. Speaker ini kepala angin, bebal- *sorry Sir*. Setengah tidak sabar, saya *dok* perhati tengok. Geram saya. Akan tetapi, saya tengok Bentara ini senyum. Tahniah. *That's why you all* boleh kerja di sini kalau tidak, tidak boleh kerja. Tahniah. Saya ucapkan tahniah lah kepada semua.

Sebenarnya berat lah hati kita hendak tinggal *after* enam tahun, *you Pak Ya* akan *mai*, Yang Berhormat Senator Batu akan sampai masanya, masa itu baru lah Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas rasa Allah, *betui na* Yang Berhormat Shukor kata...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Dah keluar air mata.

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** *Alhamdulillah*, simpan *ayaq* mata itu. Jadi, kalau ikut hati itu hendak lagi lah, hendak jadi. Akan tetapi, apa boleh buat kita setakat enam tahun. Saya ucapkan ribuan terima kasih, terima kasih tidak teringgalah kepada semua dan saya mohon maaf, mungkinlah kadang-kadang kita ini terlebih cakap, janji tidak tepati, saya mohon ribuan maaf Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bagi diri saya, saya kata saya dah buat yang terbaik. Tanggungjawab saya sebagai Ahli Dewan Negara saya tunaikan, dan saya berikrar kepada semua Ahli Dewan yang saya janji harum manis tetap ada, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa] [Dewan tepuk]*

**Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan:** Ini boleh masuk dalam *Hansard*. Kalau siapa dah dapat teringin, telefon, *give me a call, you will get it*. Jadi, saya akhiri dengan ucapan serangkap pantun, dua rangkap pantun lah

*Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh saya menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Insya-Allah kita bakal berjumpa lagi.*

*Nasi dihidang untuk dimakan,  
Makan bersama di waktu pagi,  
Salah dan silap saya pohon dimaafkan,  
Di hari lain ketemu lagi.*

*Sekian dari saya Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Dewan tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, minggu depan pun ada sidang Dewan Negara. Jangan pula tak datang... *[Ketawa]* Yang Berhormat, saya akan beri ucapan berkenaan dengan Yang Berhormat pada minggu depan lah.

Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad. Hendak bahaskah?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tadi minta.

## ■1640

## 4.40 ptg.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi dan dirindukan. Semalam tidak masuk sebab *vertigo* tetapi duduk dalam *lounge* sampai habis. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang pada berbahagia ini untuk membahas, sedikit sahaja saya mengambil masa sedikit supaya kita dapat balik awal tidak terhimpit dalam *jammed*. Ini sebab saya Kuala Lumpur ini saya cukup marah dengan *jammed*.

Patah tumbuh hilang berganti. Jangan risau ada orang lain hendak ganti [*Ketawa*] Ada yang tiga tahun, ada yang enam tahun. Kalau nasib kami baik kita boleh tambah lima tahun. Kalau kita *insya-Allah* berjaya dalam PRU Ke-14 ini, *insya-Allah*. Itu perjuangan Majlis Senator yang tidak putus-putus.

Saya berdiri di Dewan yang mulia pada petang yang berbahagia ini kerana hendak memperjuangkan sedikit dalam Rang Undang-undang Perbekalan. Hendak memperjuangkan sedikit berkenaan dengan ketidakpuasan hati anggota-anggota Parlimen Dewan Negara. Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan tolong diam, saya hendak bercakap [*Ketawa*]

Pertama, kita kalau lihat perbekalan ini saya pun tidak tahu macam mana ada bajet untuk Parlimen. Bajet daripada Parlimen ini kalau bajet asal Tuan Yang di-Pertua, bajet asal kita duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri, ini ada pula Parlimen RM10 juta. Kalau macam itu lain kali kita minta supaya kerajaan pertimbangkan Parlimen ada khas. Kalau RM90 juta setahun, ada khas. Jadi kita senang kontrol daripada ini kita minta masuk RM10 juta di sini tambahan masuk atas nama Parlimen bukan atas nama Jabatan Perdana Menteri. Sepatutnya Jabatan Perdana Menteri, bukan duduk di dalam Parlimen, khas.

Ini saya pun pelik. Saya tengok-tengok ini macam mana boleh ada asing untuk ini. Ini sebab macam SPR dia bukan ada satu peruntukan khas untuk suruhanjaya itu. Dia ada badan lain yang Jabatan Perdana Menteri misal untuk berikan kepada SPR, SPRM ataupun Parlimen. Jadi bila kita kekurangan, baru kita minta daripada Jabatan Perdana Menteri bukan daripada Kementerian Kewangan yang asyik bagi duit kepada kita. Kementerian Kewangan bagi kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri yang berikan kepada kita.

Ini sebab saya hendak minta tolong sedikitlah Tuan Yang di-Pertua, dalam pemberian embargo persempadanan semula kepada Dewan Rakyat baru-baru ini ianya diberikan kepada semua Ahli Parlimen. Ahli Parlimen ini mereka kena faham, Ahli Parlimen ini Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Bukan Dewan Rakyat sahaja Parlimen. Akan tetapi kalau kita sebut Dewan Rakyat, itu Dewan Rakyat. Kalau kita sebut Dewan Negara, itu Dewan Negara. *The Upper House*

*and the Lower House*. Akan tetapi keseluruhannya adalah Ahli Parlimen. Ini kita kena faham. Kalau yang tidak faham, tolong faham. Masuk dalam *Hansard*, dan rekod hari ini apa yang saya bercakap faham betul-betul. Ahli Parlimen tergolong kepada dua Dewan. Satu Dewan Negara, satu Dewan Rakyat. Jadi kalau hendak bagi kepada Ahli Parlimen bagi kepada semua Ahli Parlimen termasuk Dewan Negara terutama sekali kita di Dewan Negara ini.

Kenapa selalu Dewan Negara dianaktirikan? Saya pun pelik. Hadir dalam taklimat Ahli Dewan Negara kena tulis nama. Bukan tidak boleh tulis Tuan Yang di-Pertua, boleh tulis. Kami ini semua bukan buta huruf, boleh tulis. Akan tetapi Ahli Dewan Rakyat dapat *list* yang sudah lengkap hanya tenyeh hendak *sign* sahaja. Kenapa kita dianaktirikan?

Saya pertikai waktu taklimat, saya pertikai. Kenapa Ahli Dewan Negara dianaktirikan? Kita ini *Upper House*. Kalau dari segi protokol nama kita mesti disebut dahulu kerana kita Ahli Dewan Negara. Akan tetapi kita ini selalu kita hadir majlis apa kita ini ditinggalkan di belakang. Saya pun tidak faham. Kalau tidak mahu, tutup senang. Lantik semua bagi jadi ahli. PRU hendak dekat, kita semua balik bertanding masing-masing dan kita pastikan kita menang [*Ketawa*] Itu baru kita tidak ada Dewan Negara tidak ada Dewan Rakyat. Oleh sebab saya tidak tahulah kenapa.

Kalau tidak cukup duit, SPR dapat RM82,074,000. Saya kira-kira kalaulah buku itu satu RM200 kita perlu RM14,000, 70 orang Ahli Dewan Negara kita perlu RM14,000...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh beri saya selesai dahulu ini tengah membara ini [*Ketawa*] Tambah lagi RM14,000... [*Disampuk*] Hari ini sudah *clear* sudah tidak *vertigo* sudah. Itu yang masuk dalam Dewan. Semalam hendak jatuh Tuan Yang di-Pertua takut jatuh di sini. Seorang ini Yang Berhormat Tan Sri Profesor kita koyak baju, saya nanti koyak dahi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tahu. Yang Berhormat saya tahu Yang Berhormat duduk dekat *lounge* fasal saya hantar orang *check* siapa yang ada [*Ketawa*]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tidak fasal tadi Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan asyik mengungkit kawan-kawan duduk dalam kantin lupa diri. Saya tidak lupa Tuan Yang di-Pertua. Saya yang mengarahkan sebab saya tahu di Dewan Rakyat ada *hot* sedikit saya mengarahkan tukar *channel*. Sebagai Presiden Majlis Senator saya boleh arah [*Ketawa*] Saya arah tukar *channel* sebab kita hendak tengok yang *hot*. Jadi kita tidak mahu tengok. Ini sebab di sini saya kata dekat Yang Berhormat Tan Sri Jeneral dalam Dewan Negara perbahasannya cukup *factual*, cukup *factual*.

Tuan Yang di-Pertua, tambah lagi RM14,000- kawan saya ini dia ganggu, sabotaj, sabotaj. Hendak kena lucut jawatan bendahari sudah. Dia sabotaj Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tambah lagi katalah RM200 satu buku, hanya kita hendak tambah lagi RM14,000. Jumlah RM14,000 akan perbekalan tambahan ini akan jadi 088. Apa yang susah? Tambah lagi RM14,000 kita dapat. Kononnya buku sudah habis. Kenapa tidak cetak lebih? Bagi yang jadi Presiden, yang jadi *Chairman*, Percetakan Negara sekarang adalah mantan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Telefon suruh buat lebih, apa yang susah.

Kenapa kita dianaktirikan? Tidak ada, sampai hari ini tidak ada. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat bila kita hadir dalam perbelanjaan waktu bajet kita pun keluar Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat diberikan sudah letak atas meja dengan buku embargo. Kita tidak dapat tidak apa. Akan tetapi masa kita hendak keluar itu dia bagi dekat kita yang fotostat.

Saya tidak faham kenapa kita ini sampai macam itu sekali? Ucapan yang baru ini waktu pembentangan sampai hari ini saya tidak terima. Saya rasa rakan-rakan yang lain juga tidak terima. Kenapa? Apa kita tidak boleh? Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dia perlu tahu batu kecil sudah jadi batu besar ataupun batu besar sudah jadi batu kecil ataupun batu hitam sudah jadi batu putih. Dia hendak bawa kes ke SJ juga fasal dia batu putih.

Jadi yang ini semua kita perlu tahu. Rakan-rakan- bukan saya bercakap ini mungkin Putrajaya tidak dikembangkan atau tidak dkecilkan sebab saya yakin Tuanku Negeri Selangor tidak akan tambah lagilah fasal sudah bagi Kuala Lumpur, sudah bagi Putrajaya. Tidakkan hendak tambah walaupun setengah inci ataupun satu sentimeter. Akan tetapi itu kawasan yang tidak ada penambahan. Kawasan-kawasan yang ada tambahan, ramai ketua-ketua bahagian di dalam Dewan yang mulia ini termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri seorang Naib Presiden kepada MIC, beliau juga perlu lihat. Fasal apa kita tidak dibekalkan? Tidak dibekalkan untuk kita tahu apa dia kawasan yang dipecahkan ini semua.

#### ■1650

Bukan masalah pembangkang atau penyokong tetapi kita perlu sebab ketua-ketua wanita pun ramai. Mereka pun hendak tahu. Mereka ada buat kerja. JR lah, bukan J. R. Ewing tetapi JR. Jangan ingat J.R. Ewing- *Dallas* pula. Tidak!

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dalam soal ini saya rasa sedih. Fasal sedih kerana saya tidak habis-habis memperjuangkan hendak memartabatkan Dewan Negara ini. Sudah berapa tahun sejak saya pegang ini duduk bercerita fasal hendak memartabatkan Ahli-ahli Dewan Negara kerana kita ini sepatutnya diberi penghormatan. Akan tetapi kita selalu

dianaktirikan. Anak tiri yang tidak masuk ke sekolah Tunas Bakti. Anak tiri yang tidak masuk ke rumah anak yatim. Kita duduk di dalam Dewan yang mulia. Ada elaun. Masa hendak bagi elaun lebih dulu pun mereka perjuangkan, marah kita tidak ada kawasan. Dengan sebab itu kita tidak dibekalkan. Tidak betul, kerana kita juga tergolong dalam anggota Parlimen.

Jadi saya mintalah Tuan Yang di-Pertua, ada yang bagi nasihat kepada saya. Tulis surat kepada Tan Sri SPR atau tulis surat kepada Ketua Pentadbir. Ketua Pentadbir pun kena ingat kerana beliau mentadbir anggota Parlimen dan bukan mentadbir anggota Dewan Rakyat. Kalau anggota Parlimen, seperti yang saya katakan tadi, tergolong dengan Ahli Dewan Negara daripada *Upper House* yang protokolnya lebih tinggi dan yang ini yang kita minta supaya dilihat semula dan dijaga dengan begitu baik supaya kalau tidak kita tidak guna.

Saya kesian kawan-kawan ada yang tiga tahun, ada yang enam tahun, yang sedih hendak tinggalkan Dewan. Hendak sedih fasal apa? Datang saja duduk di belakang itu. Tidak ada masalah. Cuma tidak boleh duduk di depan ini saja. Tidak ada nama saja di depan ini. Ini pun kita bagi bawa balik, *souvenir...* [Merujuk nama di atas meja] Tidak payah letak di dalam Dewan. Bubuh dalam *frame*. Tunjuk- esok kat cucu beritahu, "Inilah atuk dulu." Dia kena macam itu sebab patah tumbuh hilang berganti. Jangan takut. Kalau kita di mana sekalipun. Kalau kita di Dewan Rakyat pun takkan kita boleh duduk seumur hidup.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, saya hendak sebut di sini pada petang yang berbahagia ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tulis pada saya untuk mengemukakan masalah.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Boleh. Saya boleh tulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak perlu bahas dalam Dewan pun.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Saya boleh tulis. Bukan tidak boleh. Saya bersetuju. Akan tetapi takkan setiap kali kita dianaktirikan, saya kena minta Tuan Yang di-Pertua bantu. Tuan Yang di-Pertua, perhatian hendaklah diberi sebab kita Ahli Parlimen. Bukan masalah hendak tulis surat atau tidak tulis surat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang menjawab pasal ini Yang Berhormat adalah Kementerian Kewangan.

**Dato' Sri Kharudin Samad:** Saya tahu, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak cerita ini. Sebelum itu saya hendak cerita juga tadi sebab saya tengah syok cakap yang ini. Jadi saya cakap. Perbekalan ini Tuan Yang di-Pertua, perbekalan ini sebenarnya saya pernah dimaklumkan oleh Menteri. Sudah tidak payah duduk bincang banyak-banyak lah. Kita sudah belanja pun.



Perbekalan tambahan ini, untuk makluman, jangan sedih. Jangan kecewa fasal tadi berhempas pulas bercakap. Saya hendak bagi *tips*. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sudah belanja pun.

Tuan Yang di-Pertua boleh bersetuju dengan saya, RM10 juta sudah selesai, Parlimen. Tuan Yang di-Pertua sebagai bos di Parlimen, betul? Sudah selesai pun. Sudah terima lama pun. Kita hendak lulus apa benda saya pun tidak tahu. Kalau hendak sebenarnya lah. Akan tetapi kita biarlah kawan-kawan seronok hendak bercakap. Kita bagi. Saya tahu fasal itu saya tidak mahu sentuh. Saya sentuh yang saya tidak puas hati iaitu apabila kita tidak diambil tahu, yang itu saya sentuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Kharudin Samad:** Sepatutnya dibekalkan terus. Tidak payah Tuan Yang di-Pertua hendak buat surat. Tuan Yang di-Pertua lebih baik buat surat sokongan pada kita untuk... *[Membuat bunyi sendawa- kenyang]* *[Ketawa]* Itu yang lebih baik Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ada projek-projek apa-apa, Tuan Yang di-Pertua boleh tulis surat dengan baik. Lepas itu ramai kawan kita boleh... *[Membuat bunyi sendawa- kenyang]* Boleh kongsi... *[Membuat bunyi sendawa- kenyang]* Pun okey *[Ketawa]* Daripada tulis surat minta buku! Tidak payah lah Tuan Yang di-Pertua. Saya pantang dengan buku. Jangan sebut, buku tidak payah bagilah. Buat buang masa saja. Buku ini kita buang. Balik buang...

**Seorang Ahli:** Yang ini minta buat apa?

**Dato' Sri Kharudin Samad:** Yang ini kita minta sebab persempadanan semula. Bukan untuk saya. Saya tidak perlu. Saya kata saya daripada Putrajaya. Yang perlu Dato' Abbas daripada Batu. Dia hendak tahu batu putih kah, batu hitam, yang batu boleh buat cincin pun ada, dia hendak cari. Ada kawan-kawan yang tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya takut Yang Berhormat nanti *vertigo* pula lagi sekali. Duduk dekat *lounge* tidak apalah. Cukuplah *[Ketawa]*

**Dato' Sri Kharudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, itulah serba sedikit. Saya menyokong. Saya menyokong. Cuma saya hendak perjuangkan nasib rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini supaya mereka diberi perhatian dan tidak dianaktirikan. Beri pengiktirafan kerana mengikut protokol kita, kita mestilah diperkasakan dan dimartabatkan. Itu saja. Itu permohonan saya rasa yang suci murni daripada saya. Bukan ada apa-apa. Yang lain itu- Tuan Yang di-Pertua, memang kita hendak balik. Akan tetapi ada kawan-kawan yang sudah melentok, lena pun ada, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau saya tidak bangun, nanti mereka tidur di sini tidak balik *[Ketawa]* Lagi masalah. Esok Tuan Yang di-Pertua datang hari Isnin pun ada sini lagi. Pakaian pun tidak tukar. Lena

beberapa hari di sini. Jadi, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan ini. Sekian, terima kasih banyak-banyak. *Wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) yang diusul sebentar tadi oleh Timbalan Menteri di mana Dewan akan ditangguhkan selepas Ahli-ahli berbahas dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah berbahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 2 April 2018.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.57petang]***